



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): • Tekanan Berterusan Tentera Thailand Ke Atas Umat Islam Selatan Thai - Y. B. Tuan Salahuddin bin Ayub (<i>Kubang Kerian</i>)	(Halaman 15)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 16)
RANG UNDANG-UNDANG: - Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005	(Halaman 16) (Halaman 73)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2005	(Halaman 73)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

34. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarajnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

18. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP

-
34. Yang Berhormat Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
 43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
 60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
 61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
 63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
 64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
 66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
 67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
 68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
 69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
 70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
 71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
 72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
 73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
 74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO

75. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO

-
115. Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 26 September 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah rancangan Kementerian untuk menjadikan program jurulatih sukan sepenuh masa yang bertauliah dan bergaji penuh di semua sekolah-sekolah menengah dan rendah bagi tujuan menggilap atlet dan ahli sukan berbakat besar untuk tujuan pembangunan sukan negara.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan sukan di sekolah tidak hanya berdasarkan kegiatan riadah, tetapi melahirkan atlet yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Justeru, pada tahun 1996, KPM telah menubuhkan Sekolah Sukan Bukit Jalil dan diakui Sekolah Sukan Bandar Penawar.

Bagi sekolah menengah dan rendah pula, guru-guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan atau PJK adalah merupakan guru siswazah yang memiliki kelayakan khusus di dalam bidang sukan seperti sains sukan dan pendidikan jasmani dan kesihatan ataupun guru lepasan maktab yang mengambil *option* pendidikan jasmani dan kesihatan.

Guru-guru ini mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang pendidikan jasmani dan sukan termasuk pengetahuan dalam sesuatu bidang yang khusus seperti gimnastik, bola sepak, hoki dan sebagainya. Sehingga 30 April 2005, bilangan guru siswazah lulusan PJK adalah seramai 2,178 orang manakala bukan siswazah seramai 527 orang. Bagi guru pelatih KPLI yang sedang mengikuti kursus PJK di maktab-maktab perguruan adalah seramai 230 orang yang dijangka akan menamatkan pengajian pada Disember 2005. Oleh yang demikian, walaupun jawatan jurulatih sepenuh masa belum lagi diwujudkan di peringkat sekolah menengah dan rendah, guru PJK pada pengamatan kita yang sedia ada berkemahiran dan mampu melatih pelajar-pelajar untuk mengambil bahagian dalam pelbagai acara program sukan, sama ada di peringkat sekolah, daerah dan kebangsaan.

Malahan, bagi persediaan untuk bertanding dalam acara sukan di peringkat negeri dan kebangsaan, pelajar di sekolah menengah dan rendah juga mendapat khidmat latihan daripada jurulatih-jurulatih profesional yang disediakan oleh KPM dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini. Pada masa yang sama, KPM juga menganjurkan pelbagai jenis latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru PJK bagi meningkatkan dan memantapkan kemahiran mereka dalam bidang sukan yang tertentu. Sebagai contoh, bagi tahun 2005, tumpuan latihan diberi kepada sukan bola sepak. Sebanyak enam kursus kejurulatihan peringkat awalan dan lesen C telah dijalankan di kalangan guru permainan bola sepak. Jumlah yang menyertai kursus ini adalah seramai 240 orang. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama KPM dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah dan syabas kita alu-alukanlah Yang Berhormat. Walaupun dalam keadaan yang tidak mengizinkan, tetapi masih dapat datang ke Parlimen. Walaupun ada fitnah mengatakan Yang Berhormat sudah tidak boleh mari. Syabas, jiwa Yang Berhormat besar. *[Tepuk]* Cuma, kita tahu bahawa sejak akhir-akhir ini, kerajaan telah pun menubuhkan jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menggerakkan dan

membudayakan lagi sukan di semua peringkat, terutama sekali di peringkat akar umbi di sekolah.

Tetapi, kalau setakat kita mewujudkan jawatankuasa Kabinet ini, tetapi ia tidak disambut dengan begitu baik di peringkat bawahan, sudah tentu 10 ataupun 20 tahun lagi kita tidak akan ke mana-mana. Kita hanya menyalahkan badan-badan sukan, NGO yang berupa itu ini, apabila kita merosot mutu sukan kita, terutama sekali di peringkat antarabangsa. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bila jangka waktu atau masa yang kementerian sebagai tempat untuk kita membangunkan atlet untuk masa depan negara ini, akan dilaksanakan jurulatih-jurulatih yang bertauliah ini dan *qualified* untuk mengendalikan dan untuk mewujudkan atlet-atlet yang berjiwa besar yang boleh mencapai ke tahap Olimpik terutamanya, dapat dilaksanakan.

Adakah mereka ini kelak akan menghadiri latihan di pusat-pusat yang diiktirafkan sama ada dalam negara atau luar negara kerana negara kecil seperti Qatar umpamanya telah pun melaksanakan program ini, memang saya akui bahawa ia memerlukan satu belanja yang besar, tapi boleh atau tidak, kita ingin Kementerian Pelajaran kerana menterinya dulu adalah merupakan bekas Menteri Belia dan Sukan, yang berjiwa sukan - tempoh pelaksanaan jurulatih-jurulatih sepenuh masa ini akan dilaksanakan, sama ada tahun depan, tahun 2007, tahun bila? Apakah sudah ada satu rancangan untuk memenuhi impian ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Raja Larut, [*Ketawa*] kerana beri satu pujian rangsangan pada saya untuk kembali ke Parlimen. Memang fitnah itu banyaklah fitnah, macam-macam dibuat. Tapi syukur kepada Allah SWT dan juga galakan Yang Berhormat sekalian dapat saya balik bertugas dengan selamat. [*Tepuk*] Terima kasih.

Sebenarnya untuk membudayakan sukan ini saya akur dengan pendapat Yang Berhormat Raja Larut iaitu kita harus memulakan di sekolah, bangku sekolah. Sehingga hari ini kita cadangkan supaya apabila mereka tinggal bangku sekolah sekurang-kurangnya satu jenis sukan dapat dimainkan oleh anak-anak tadi sehingga ia dijadikan sebahagian daripada *life style* atau gaya hidupnya apabila dewasa kelak.

Malah pada dua minggu yang lepas Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita telah membuat pengumuman bahawa kita akan beri 10 peratus kepada mereka yang giat dalam sukan dan kokurikulum untuk memasuki ke IPT. Jadi, dengan itu saya rasa itu suatu galakkan. Ketiga, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat *coaches* atau jurulatih sepenuh masa, macam saya katakan tadi kita pertama *approach* kita ialah untuk mengadakan sekolah sukan, itu harapan kita bukan sahaja dia timbul dalam sukan malah juga dalam akademik.

Satu lagi pendekatan kita ialah kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya jurulatih yang berkecuali dapat memberi latihan kepada anak-anak kita. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Larut untuk membuat cadangan tadi dan saya akan bawa balik cadangan tadi, baik sekali iaitu untuk mengadakan jurulatih sepenuh masa dan ini bergantung benar kepada kedudukan kewangan kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Insya-Allah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sungguh kita gembira dengan jawapan Yang Berhormat tadi yang lebih bersemangat sekarang dan adakah ini bermakna setiap sekolah di negara ini mempunyai guru PJK yang berkaliber dan apakah kriteria atau acuan yang digunakan untuk guru-guru PJK dan untuk latihan di sekolah-sekolah kita ini. Kita tidak boleh ikut Larut, kerana ikut Larut kita kecundang seperti bola sepak [*Dewan riuh*]. Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa itu walau pun kita berikhtiar dan bilangan guru PJK bukan kecil sudah bertambah, tapi hasilnya, prestasinya masih kurang. Apakah itu usaha yang akan meningkatkan prestasi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat harus ingat cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Larut, saya rasa adalah yang kita rasa adalah yang kita perlu pertimbangkan, bukanlah untuk kita biarkan dia begitu sahaja. Oleh itu saya katakan cadangan Yang Berhormat Larut amat berfaedah kepada kita dan beliau sendiri bagi kita mempunyai pengalaman yang besar dan luas dalam bidang *coaches*.

Jadi, Yang Berhormat katakan beberapa ramai sekarang ini, tadi telah saya sebutkan dan kita akan tingkatkan lagi supaya guru PJK tadi, guru pendidikan jasmani dan kesihatan bukan guru 'perut cungrui'. Jadi, kita hendaklah mereka bukan sahaja melatih anak-anak kita dalam macam-macam sukan dan juga kesihatan. Tetapi, mengenai dengan prestasi kesukanan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, kita ada ramai daripada penuntut-penuntut kita daripada sekolah sukan yang telah menyertai dalam sukan antarabangsa, sukan peringkat nasional dan antarabangsa dan mereka telah mencapai kejayaan yang besar umpamanya macam dalam bidang sukan Komanwel dulu, sukan *Sea Game* dulu juga. Ramai penuntut kita daripada sekolah sukan menyertainya. Walau bagaimanapun, kita akan peringkatkan lagi kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu. Terima kasih.

2. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perancangan yang sedang dibuat dan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi merealisasikan "Konsep Langit Terbuka Labuan" yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri di Labuan pada September 2004 yang lalu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, ke arah merealisasikan dasar "Langit terbuka Labuan" kerajaan telah bersetuju meningkatkan kemudahan-kemudahan lapangan terbang Labuan bagi menampung kapasiti pesawat yang lebih besar sama ada tempatan ataupun luar negara sehingga pesawat jenis *Airbus, Air-330*. Secara ringkasnya komponen-komponen projek utama inilah seperti berikut:

- (i) pemanjangan landasan yang sedia ada dari 2,330 meter kepada 2,745 meter;
- (ii) peningkatan dan pemanjangan sistem teksi way;
- (iii) pembesaran *parking aprons* untuk menampung pesawat Airbus;
- (iv) peningkatan bangunan Terminal dari 13,773 meter persegi kepada 23,037 meter persegi;
- (v) penambahan kemudahan *aerobridge* dari dua ke empat.

Selain itu kerajaan juga memberi galakan-galakan untuk penerbangan syarikat asing untuk mendarat di Labuan seperti mana yang diberi kepada lapangan-lapangan terbang yang lain. Maka dengan itu kerajaan berharap langkah-langkah itu dapat menarik minat ramai lagi syarikat penerbangan asing untuk mendarat di Lapangan Terbang Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sememangnya kerajaan telah pun meluluskan kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Labuan, cuma saya minta penjelasan. Lapangan terbang-lapangan terbang lain dikenali sebagai contohnya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Kuching, Kota Kinabalu.

Manakala Labuan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada September 2004 akan mempraktikkan konsep langit terbuka. Pemahaman saya melalui penjelasan Menteri, konsep langit terbuka yang akan diperkenalkan di Labuan tidak ada bezanya dengan lapangan terbang-lapangan terbang yang lain seperti Kota Kinabalu dan juga Sarawak, di mana pesawat-pesawat yang mendarat di Kota Kinabalu harus balik ke *country of origin* sebelum pergi ke laluan lain.

Apakah konsep langit terbuka untuk Labuan ini berbeza dengan *airport-airport* lain di mana contohnya *Singapore Airline* mendarat ke Labuan daripada Labuan ia boleh terus ke destinasi lain atau seperti yang berlaku sekarang, *Singapore Airline* ke Kuching ataupun ke Sabah balik lagi ke Singapura dan baru ke tempat lain. Jika ini berlaku maka konsep langit terbuka yang diumumkan tidak mempunyai makna langsung kepada Labuan kerana ia tidak lebih daripada, *just ordinary international airport* yang sedang dipraktikkan di negara kita sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita mengamalkan konsep langit terbuka memang di mana-mana lapangan terbang di seluruh negara ianya adalah

menggunakan prinsip yang sama. Jadi, itulah sebab kita menaiktarafkan Lapangan Terbang Labuan, dengan itu kita mengharapkan bahawa syarikat-syarikat penerbangan asing berminat untuk terus singgah di Lapangan Terbang Labuan. Saya berharap Yang Berhormat faham bahawa konsep dasar langit terbuka ini, apa yang diamalkan kepada lapangan terbang Lain, KLIA, Kuching atau KK juga diamalkan di Labuan.

3. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah sasaran kenderaan yang menggunakan PLUS dan nilainya mengikut tempoh yang ditetapkan sebagaimana perjanjian yang ditandatangani antara kerajaan dan pemegang konsesi serta tidakkah kementerian akan mencadangkan kepada kerajaan supaya perjanjian dikaji semula.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Velly]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah unjuran kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan dalam bentuk *passenger car unit per kilometer* (PCU-KM), dengan izin, bagi tempoh yang ditetapkan iaitu sehingga tahun 2038 adalah seperti berikut:

Jumlah Unjuran Trafik Perjanjian Konsesi Lebuhraya Utara-Selatan bagi tahun 2004.

Tahun	Trafik PCU-KM (Juta)
2004	332
2005	357
2006	376
2007	382
2008	402
2009	415
2010	437
2011	452
2012	467
2013	483
2014	499
2015	515
2016	531
2017	546
2018	562
2019	579
2020	591
2021	603
2022	616
2023	629
2024	642
2025	695
2026	709
2027	723
2028	737
2029	751
2030	765
2031	780
2032	795
2033	810
2034	827
2035	842
2036	857
2037	874
2038	889

Jumlahnya, dua puluh satu bilion, empat ratus tujuh puluh lima juta, enam ratus (21,475,000,600) kenderaan akan menggunakan jalan ini dalam tempoh beberapa tahun ini daripada 2004 hingga 2038.

Jumlah unjuran hasil kutipan tol perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan bagi tahun 2004 hingga 2038:

Tahun	Hasil Tol (RM Juta)
2004	1,801
2005	1,933
2006	2,567
2007	2,603
2008	2,743
2009	2,833
2010	2,982
2011	3,886
2012	4,414
2013	4,150
2014	4,287
2015	4,425
2016	5,738
2017	5,902
2018	6,070

Ada juga lagi Yang Berhormat. *[Disorak]* Kalau Yang Berhormat mahu juga butir-butir terperinci saya boleh bagi. Kalau mahu juga Yang Berhormat dalam bertulis pun saya boleh bagi. Mana satu Yang Berhormat pilih pun, boleh dapat juga. Saya bacalah. *[Ketawa]* Kasi lebih elok kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendengar apa yang berlaku di atas jalan raya Lebuhraya Utara-Selatan. *[Disorak]* Baguslah. *[Disampuk]*

Tahun	Hasil Tol (RM Juta)
2019	6,258
2020	6,435
2021	6,568
2022	6,709
2023	6,852
2024	6,994
2025	7,142
2026	7,291
2027	7,438
2028	7,548
2029	7,729
2030	7,838
2031	8,031
2032	8,181
2033	8,342
2034	8,509
2035	8,669
2036	8,825
2037	8,998
2038	9,156

Jumlah bersamaan dengan RM 209,544.52 juta

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan baru sahaja membuat kajian semula ke atas perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan dan telah menandatangani tiga perjanjian tambahan iaitu pada 8 Julai 1999, 11 Mei 2002 dan 22 April 2005.

Oleh yang demikian, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membuat semula ke atas perjanjian konsesi tersebut. Dukacita Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya tanya soalan tambahan, kamera rosak Tuan Yang di-Pertua. Kamera ada *problem*..*[Dewan riuh]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya yakin kerana saya mungkin berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri yang panjang lebar itu. Cuma saya hendak merujuk pada tahun 2004 sahaja, iaitu mengikut laporan audit yang saya terima daripada internet, jumlah PCU-Trafik ialah 1,175 juta, berbanding dengan unjuran yang disebut tadi sebanyak 332 juta PCU. Maknanya bagi tahun 2004 sahaja ia telah meningkat tiga kali ganda.

Maka sewajarnya kalau mengikut hujah daripada Dato' Menteri tadi, konsesi ini, iaitu perjanjian konsesi ini patut dikaji semula supaya ia lebih mesra, lebih adil dan menang-menang semua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian ataupun kerajaan akan terus membangunkan pembangunan di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan khususnya termasuk tol-tol, *interchange* tol yang masih lagi tertanggung di lokasi-lokasi tertentu termasuklah di kawasan saya, iaitu tol di Bukit Gambir? Sebagaimana yang dijanjikan sepatutnya ia wujud pada tahun 2005 supaya ia menjadi suatu realisasi, seperti yang pernah dijanjikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dahulu sewaktu lebuhraya tersebut mula dibina.

Jadi, adakah kerajaan memandang serius terhadap kegagalan PLUS yang membina hotel-hotel dan sebagainya, tetapi tidak beroperasi termasuklah pembaziran menanam beberapa jenis pokok di tepi lebuhraya seperti pokok sentang, pokok jati tetapi ia terbantut begitu sahaja tidak mahu membesar? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjawab kepada Yang Berhormat iaitu bila kita dengar nombor-nombor yang saya sebutkan tadi, nombor-nombor ini besar juga. Tetapi sebenarnya kita mesti mendapat tahu secara mendalam apa yang berlaku.

Jumlah kutipan daripada tahun 1989 hingga 2004 iaitu RM12,290,000,000. Baki pinjaman daripada bank setakat ini iaitu RM6,900 juta baki hutangnya. Daripada pendapatan, RM1.00 tiap-tiap hari, 34 sen dibayar kepada hutang kepada bank, 25 sen penyelenggaraan dan operasi, 18 sen kita belanjakan untuk menaik taraf jalan-jalan dan 23 sen kepada pemegang saham, iaitu Khazanah 64% daripada RM1.00, 23% - EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), 10% Kumpulan Wang Amanah Pencen 4½%. Inilah satu cerita yang sebenarnya.

Kita dengar pendapatan mereka yang berjuta-juta atau bilion-bilion, tetapi kita mesti mengambil kira apa yang berlaku kepada tiap-tiap sen dan ringgit yang kita kutip daripada pengguna-pengguna jalan raya.

Satu lagi Yang Berhormat sebut tadi saya tidak dengar itu, apa itu Yang Berhormat? Sila... *[Minta Yang Berhormat bagi Ledang mengulangi soalan]*

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebut pembangunan seterusnya termasuklah tol-tol, rumah-rumah tol ataupun *interchange* yang ada tol yang belum lagi dilaksanakan seperti di Bukit Gambir, termasuklah juga pembinaan hotel-hotel yang membazir, yang tidak beroperasi termasuklah menanam pokok di tepi jalan raya seperti pokok jati, pokok sentang yang sekarang ini terbantut begitu sahaja.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah negara moden. Kita akan membandingkan dengan negara-negara termoden sekarang. Kita bukan boleh mengadakan lebuhraya sahaja. Apakah kemudahan-kemudahan kita akan diberi kepada pengguna-pengguna lebuhraya? Bukannya kita boleh buat satu kedai teh tarik sahaja di sana, mesti ada hotel, orang menggunakan jalan mesti rehat dan juga memberi mereka kemudahan-kemudahan kelas pertama barulah

mereka akan berhati-hati untuk menggunakan lebuhraya itu. Itulah sebenarnya Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi kata, ada hotel tetapi hotel tidak guna, tidak guna juga sebab walaupun dibina tetapi tidak guna. Saya meneliti statistik yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri, tahun 2005 – 332 juta PCU, tahun 2038 – 889 juta. Ini adalah dari segi *prediction traffic* dan pendapatannya pula pada tahun 2005, RM1.9 bilion (pada tahun ini) dan 2038 – RM9.156 bilion.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, unjuran ini (pungutan) dibuat berdasarkan asas apa? Adakah ia merangkumi setiap kali dinaikkan tol? Yang pertama.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kepentingan yang ada dalam Syarikat PLUS ini, kerajaan (GLC) nampaknya mempunyai satu *controlling stake* yang agak tinggi. Saya hendak minta Yang Berhormat nyatakan, berapakah saham yang dimiliki oleh GLC dalam PLUS, kalau lebih daripada 70% kenapa tidak pula kita beli syer yang ada dimiliki oleh individu dan lepas itu kerajaan ambil alih, tidak payah ada tol?

Saya hendak minta pihak Yang Berhormat mengkaji semula ini kerana ini adalah kesengsaraan rakyat, dan saya hendak minta Yang Berhormat Menteri huraikan, kenapakah kalau GLC yang mempunyai syer yang begitu banyak, tidak boleh berbuat demikian daripada saku kiri masuk ke saku kanan? Saya minta Yang Berhormat jelaskan kenapa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang mempunyai PLUS sekarang iaitu Khazanah, bukan orang lain, tetapi pinjaman yang kita dapat daripada bank dan juga daripada beberapa pihak kepada mereka, kita kena bayar balik. Yang Berhormat sudah tahu tadi saya sudah jelaskan sepenuhnya, ini satu skop dan juga satu fokus, dengan izin "*focus of future earning*". Semua syarikat membuat fokus macam mana mereka juga boleh dapat.

Tetapi satu perkara yang saya juga mahu Yang Berhormat mengambil perhatian, hari ini, inilah fokus. Jika kita akan meluaskan jalan Persekutuan yang sedia ada pada keseluruhannya daripada Johor sampai ke Perlis jadi enam atau empat lorong mereka tidak dapat pendapatan seperti itu. Jika selesai pembinaan jalan daripada Taiping ke Banting, Banting ke Muar, Muar ke Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Utara Selatan pendapatan mereka itu akan kurang. Ini satu fokus sahaja kita buat, bukannya ini yang benar-benar kita bagi. Apa fokus yang kita buat itu kita bagi kepada Ahli Yang Berhormat.

Oleh sebab Yang Berhormat minta soalan sampai ke tahun 2038 - kalau soalan itu kepada tahun 2005 saya boleh jawab 2005 yang sebenarnya. Tetapi soalan itu sampai ke tahun 2038 saya mesti bagi fokuslah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ini perkara besar, rakyat yang sangat sensitif. Boleh...

Puan Chong Eng: Ketara.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun mahu mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang baru-baru ini mengumumkan keputusan untuk menendang keluar timbalan beliau, Subramaniam daripada MIC. [*Dewan riuh*] Tetapi apa yang kita berminat di sini bukan nasibbukan nasib...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Boleh jawab, boleh jawab. Nanti.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau kita ikut.... kalau kita ikut dengan...

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang kita.... nanti, nanti, nanti...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nanti, nanti, nanti, nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Saya habiskan dulu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ini tidak, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sudah menentang berapa ramai orang daripada dia dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habis dahulu. Saya habis dahulu. Nanti boleh jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bukan satu dua, beratus-ratus orang sudah menentang. Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang kita berminat di sini bukan nasib Timbalan Presiden, tetapi nasib rakyat jelata yang selama satu generasi, dua generasi sudah jadi mangsa Yang Berhormat Menteri memegang jawatan Kementerian Kerja Raya khususnya dalam konsesi lebuhraya-lebuhraya.

Oleh kerana Yang Berhormat Menteri dua, tiga hari dahulu ada berkata bahawa dalam dua dekad ini kerajaan perlu membayar ganti rugi sebanyak RM38.5 bilion kepada syarikat-syarikat konsesi, kerana tidak mahu benarkan mereka menaikkan tarif melalui tunai (*cash*) ataupun cara yang lain - RM38.5 bilion dan antaranya lain ialah PLUS Lebuhraya Utara Selatan. Bukankah ini - tentulah ini bukan oleh sebab kerajaan murah hati, *charitable* atau *people oriented* tetapi oleh kerana kerajaan cuai - cuai, *negligent*, tidak bertanggungjawab untuk menandatangani konsesi-konsesi lebuhraya-lebuhraya sehingga perlu rakyat menanggung bebanan sebanyak RM38.5 bilion iaitu *average* RM2 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah kementerian berkenaan - Yang Berhormat Menteri rela mengadakan satu siasatan terbuka mengenai kenapa boleh berlaku kecuai yang besar sehingga satu generasi, dua generasi menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang berlaku dalam MIC tidak mustahak. Apa dua generasi....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sudah, sudah, sudah. ...apa yang berlaku dalam DAP dahulu?

Tuan Lim Kit Siang: Itu hal yang lain...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu lebih penting kepada saya. Fasal Yang Berhormat berkata berkenaan dengan MIC! Oleh sebab Yang Berhormat berkenaan dengan MIC yang tidak ada kaitan dengan Dewan ini, jadi saya kena jawab Yang Berhormatlah, bolehkah? Boleh?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau saya buang seorang...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat, nantilah. Kalau saya buang seorang, seorang sahaja tetapi Yang Berhormat sudah buang berapa ramai oranglah. *[Dewan riuh]* Pandai-pandai punya orang semua sudah terkeluar daripada DAP sekarang. Berapa ramai orang, bukannya satu, dua. Itu jangan kita cakaplah. Politik lain. Itu kita pergi luar, kita cakap.

Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat berpengalaman, lama dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* *[Disampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat, nantilah, nanti. Yang Berhormat, saya bincang dengan Dr. Mahathir untuk membebaskan awak dalam Jemaah Menteri, tahukah?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Pergi tanya Mahathir.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Pergi tanya Mahathir baru tahu. Cakap saja besar ini, hah! Berapa ramai orang? Siapa yang ada di dalam? Kita, beberapa Ahli-ahli

Jemaah Menteri minta Yang Amat Berhormat, "Marilah, bolehkah kita cari jalan untuk membebaskan mereka." Kami pun seorang, bukan kami mahu bertahan sahaja. Yang Berhormat, tahukah?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: *[Ketawa]* Eh, bukan lebu rayah?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ini bukan oleh kerana lebu rayalah, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *[Ketawa]* Ini bukan lebu rayah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ...masuk Operation Lalang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Operation Lalang tidak ada kaitan dengan lebu rayalah, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat sudah tahu, mula-mulanya lebu rayah ramai orang belum tahu apa sejarahnya lebu rayah. Bila kerajaan berminat untuk memulakan dengan lebu rayah, kita beriklan minta syarikat-syarikat berminat untuk masuk tawaran dan kita dapat 176 syarikat menawarkan untuk menunjuk minat. Apabila kita siap dokumen, kita beri dokumen, kita kata satu set dokumen itu bernilai RM50,000. Pasal dokumen sahaja satu lori penuh. Ada empat syarikat sahaja berminat untuk menawarkan tender terakhir. Bila selesai tendernya, semua selesai. Kontak sudah bagi.

Yang Berhormat dan juga ahli-ahli daripada DAP meminta saya. Mereka mahu juga datang ke pejabat saya untuk menyiasat apa yang ada berlaku di dalam ini. Semua dokumen-dokumen saya depan mereka. Tujuh jam lima belas minit mereka duduk dalam pejabat saya. Itu terbuka atau tidak? Apalah ini! *[Dewan riuh][Ketawa]* Saya tidak suka mengadakan satu peperangan dengan Ahli Yang Berhormat, tetapi saya suka juga menjelaskannya.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana Ahli Yang Berhormat yang suka untuk mengadakan satu taklimat yang sepenuhnya, kami bila-bila pun bersedia untuk memberi taklimat. Terima kasih.

4. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memperkenalkan undang-undang Kebebasan Maklumat demi membolehkan akses orang ramai ke atas maklumat kerajaan kecuali dalam kes-kes khas seperti keselamatan negara atau kerahsiaan peribadi dan bukannya pendedahan berasingan seperti mana yang berlaku pada senarai Ahli Parlimen atau Indeks Pencemaran Udara (IPU)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyebaran maklumat kerajaan kepada orang awam adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972. Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Jemaah Menteri mengenai peraturan-peraturan kawalan keselamatan perlindungan maklumat untuk semua agensi kerajaan adalah dikawal selia oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Ketua-ketua jabatan di bawah peraturan sedia ada bertanggungjawab menguruskan *grading* ataupun penggredan dokumen-dokumen kerajaan kepada dua

kategori utama iaitu maklumat terperinci yang meliputi rahsia besar, rahsia, sulit dan terhad serta maklumat yang terbuka yang meliputi segala maklumat yang terbuka kepada orang awam. Dalam pada itu ketua-ketua agensi dan jabatan yang berkaitan di bawah kuasa-kuasa yang diwakilkan oleh Jemaah Menteri boleh menggredkan semula sama ada untuk dinaikkan taraf, diturun taraf atau dikeluarkan daripada senarai maklumat terperinci.

Jemaah Menteri boleh mengarahkan pengedaran semula dokumen kerajaan dibuat berasaskan kepada situasi semasa dan keperluan memenuhi prinsip ketelusan serta *accountability* kerajaan kepada rakyat.

Penetapan sama ada sesuatu maklumat yang diurus oleh agensi-agensi kerajaan boleh dicapai oleh orang awam adalah bergantung pada tahap keselamatan sama ada pendedahan maklumat tersebut boleh menimbulkan keadaan yang mana berkemungkinan ia menjejaskan keselamatan negara atau menimbulkan keresahan di kalangan orang awam sehingga berlaku keadaan kekacauan, membawa keadaan serba salah serta menjejaskan imej pentadbiran kerajaan. Kerajaan berpendapat akta dan peraturan yang sedia ada sudah memadai bagi memperaturkan pencapaian orang ramai terhadap maklumat-maklumat yang diuruskan oleh kerajaan serta dapat memastikan bahawa orang awam sentiasa mempunyai akses yang berpatutan kepada maklumat-maklumat tersebut. Justeru itu, keperluan untuk kerajaan memperkenalkan undang-undang kebebasan maklumat tidak berbangkit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya bukan meminta Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan prosedur yang sedia ada, tetapi sama ada kerajaan khususnya di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berjanji mahu satu kerajaan yang terbuka yang *accountable* rela membuat satu pendekatan dasar yang baru mengenai maklumat, supaya kita ada satu masyarakat yang terbuka, satu masyarakat *inform society* dan sebenarnya sepuluh tahun, dekat sepuluh tahun dahulu 25 Mac 1997 saya ada kata di Dewan yang mulia ini, oleh sebab Perdana Menteri pada masa itu ada mengumumkan MSC kita akan menjadikan dengan izin *the cutting age of information revaluation*. Jika kita mahu begitu kita *produce* satu dasar, satu pendekatan yang baru di mana maklumat-maklumat yang ada dalam tangan kerajaan, bukan dilihat sebagai harta benda kerajaan, tetapi harta rakyat dan semua maklumat perlu diberi kepada rakyat selain daripada mereka yang bersabit dengan keselamatan dan sebab-sebab tertentu.

Sebalik dari sekarang, di mana semua maklumat ialah rahsia, selain dari yang kerajaan hendak bagi. Ini sikap yang dahulu. *Pre-information society*, adakah kerajaan rela supaya semua maklumat-maklumat sama ada senarai AP-AP, Laporan *Murad Report* dalam sektor pendidikan, *Zahid Report* mengenai *higher education*, *National Help Financing's Report*, 10, 20 kajian ada dibuat, rakyat tak tahu, Ahli Parlimen pun tak tahu. *Interim Report* mengenai *Royal Commission Inquiry* pun tidak diumumkan - *depend study*, semua kita perlu terbuka semacam di lain-lain negara yang mengamalkan *open society*, *inform society*, adakah kita rela, adakah satu pendekatan yang baru ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Tidak rela

5. Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah secara rasmi pihak kerajaan akan melaksanakan polisi membekalkan kondom dan picagari kepada penagih-penagih dadah dan apakah langkah-langkah berjaga-jaga yang diambil supaya tidak wujudnya penyalahgunaan polisi tersebut oleh pihak-pihak yang tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Yang di-Pertua, kerajaan akan melaksanakan polisi membekalkan jarum suntikan picagari dan kondom kepada penagih dadah melalui program penukaran jarum suntikan dan pemberian kondom secara perintis atau pilot program selama satu tahun mulai bulan Januari 2006. Antara langkah-langkah yang diambil supaya tidak wujudnya penyalahgunaan polisi tersebut oleh pihak-pihak tertentu adalah:

- (i) Penubuhan satu jawatankuasa kerja khas yang diwakili oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga Majlis Aids

Malaysia yang akan merancang, meneliti dan memantau semua aspek pelaksanaan program termasuk pelaksanaan garis panduan, penggunaan sumber-sumber dan budget program.

- (ii) Kakitangan program yang akan melaksanakan aktiviti-aktiviti akar umbi, akan sentiasa membuat laporan pemantauan agar pelaksanaan program mengikut garis panduan yang betul dan tidak diselewengkan. Sekian.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa polisi ini adalah satu polisi dan juga program yang baik dari segi perubahan. Tetapi saya difahamkan, wujudnya satu kerisauan juga dalam kalangan umat Islam yang menyatakan mungkin polisi ini bertentangan dengan ajaran agama. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang telah pun diambil ataupun yang akan diambil oleh pihak kerajaan, supaya kita dapat memberi satu penjelasan, supaya tidak wujudnya salah faham yang berterusan dalam perkara ini. Sekian.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Langkah-langkah yang kita ambil adalah telah mengadakan beberapa taklimat kepada pemimpin-pemimpin kita iaitu ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan juga semua Ahli Dewan Undangan Negeri, semua ketua agama dan juga seminar kepada semua NGO yang terdapat dalam negara ini. Seperti yang dikatakan tadi, program ini adalah perintis iaitu pilot program untuk selama satu tahun supaya kita dapat mengumpul maklum balas yang kita dapat dan selepas kita mendapat statistik kita akan putuskan adakah program ini akan diperluaskan kepada seluruh negara atau sebaliknya. Sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kalau kita lihat program ini ialah sebenarnya untuk mengurangkan kesan buruk di kalangan penagih-penagih dadah. Sesungguhnya mestilah kita tahu bahawa proses mengurangkan kesan buruk ini mungkin sedikit sebanyak mengurangkan kesan buruk tetapi tidak boleh mengurangkan pengambilan dadah, *the bottom line* kita mesti ingat.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya kepada kementerian, kalau kita lihat bahawa kalau kita beri misal kata kondom dan juga picagari kepada penagih dadah, terutamanya yang kita tahu penagih dadah yang menagih heroin. Pada pengetahuan saya, penagih dadah yang mengambil heroin ini, kebanyakan mereka tidak berminat dengan seks. Jadi kalau kita beri kondom ini, saya takut kondom ini tidak dapat digunakan dengan sebaiknya, kerana kebanyakan mereka penagih dadah heroin ini tidak berminat dengan seks.

Yang ketiga, kalau mereka ini dalam keadaan leka, khayal tentulah mereka ini leka dengan perkara yang diberikan itu iaitu kondom dan juga picagari. Saya melihat, mengapa kalau Kementerian Kesihatan boleh memberikan kondom dan juga picagari kepada penagih dadah, mengapa tidak Kementerian Kesihatan memberikan ini juga kalau boleh berikan kepada penagih dadah, kenapa tidak diberikan kepada pekerja seks dan juga GRO ataupun Pelayan Pelanggan? *How we call that? Guest Relation Officer.* Kalau boleh diberikan kepada penagih dadah mengapa tidak kita berikan kondom ini kepada pekerja seks dan GRO dan mengapa tidak kita lakukan pemeriksaan yang berkala kepada golongan ini. Bukankah ini saya rasa, satu, pendekatan yang lebih lengkap dan yang kedua pendekatan yang lebih rasional.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila Yang terhormat Menteri jawab.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, berkaitan dengan program ini, yang pertamanya program ini adalah sebagai langkah permulaan untuk penagih dadah mendapatkan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan *harm reduction* yang kita katakan tadi seperti aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan, kaunseling, *methadone replacement therapy*, program pemulihan penagihan dadah, saringan HIV dan juga hepatitis C. Ini adalah tujuan kita mengapa kita hendak menjalankan program ini dan berkaitan dengan pemberian kondom kepada pekerja-pekerja seks ini, bukanlah tujuan *harm reduction* ini.

Program Harm Reduction ini adalah untuk mencegah penagih-penagih dadah dari menyebarkan HIV/AIDS ini kepada pasangan seks mereka. Ia dilakukan adalah untuk menangani seks secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berikutan sambutan golongan muda yang sangat menggalakkan terhadap fenomena MAWI melalui Program TV Akademi Fantasia, adakah kementerian bercadang supaya rancangan tersebut digabungkan dengan Kempen Kesihatan contohnya Kempen Anti-Merokok dan Kempen Antidadah yang akan dianjurkan oleh kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian bersetuju bahawa golongan muda pada hari ini mudah terpengaruh dan leka dengan aktiviti bercorak hiburan, dan ini dibuktikan oleh sokongan luar biasa yang diterima oleh Mawi melalui Akademi Fantasia. Namun demikian kementerian juga merasakan bahawa keberkesanan sesuatu program khususnya anjuran pihak kerajaan tidak bergantung semata-mata kepada kehadiran dan penglibatan artis atau golongan penghibur. Fokus ke atas strategi dan pendekatan setiap program perlu diberikan keutamaan bagi memastikan keberkesanannya.

Mengenai cadangan untuk melibatkan Mawi dalam Kempen Belia Benci Dadah yang dianjurkan oleh kementerian, ini perlu penelitian dari pelbagai sudut supaya tidak disalah tafsir oleh pelbagai pihak, di samping mengambil kira faktor kesibukan yang dilalui oleh Mawi yang terikat dengan kontrak dan jadual ketat yang diatur oleh Metro Talent dan Management Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya Kempen Belia Benci Dadah akan tetap diteruskan mengikut jadual tanpa terlalu bergantung kepada penglibatan mana-mana artis. Mengenai Kempen Anti-Merokok, kementerian tidak menjalankan kempen bersendirian seperti Belia Benci Dadah, tetapi bekerja dengan Kementerian Kesihatan melalui Majlis Kecergasan Kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ringkas sahaja, iaitu dengan pihak manakah lagi kumpulan ataupun gaya hidup sihat di kalangan golongan muda diadakan dan apakah bentuknya?

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Majlis Kecergasan Kebangsaan telah ditubuhkan di seluruh negara. Bentuk aktiviti ialah senamrobik, acara sukan seperti larian kecerdasan, jim rakyat yang diadakan untuk semua golongan masyarakat termasuk golongan belia. Acara ini dijalankan di setiap petang dan hari-hari minggu dan kelepasan am. Buat masa ini lebih kurang RM6 juta telah dibelanjakan oleh kementerian untuk program sedemikian untuk penglibatan generasi muda dan semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tambah sedikit mengenai Kempen Belia Benci Dadah. Kempen ini bertujuan menyedarkan segenap lapisan masyarakat mengenai bahaya dadah selaku musuh nombor satu negara, dan usaha menentanginya adalah tanggungjawab semua khususnya golongan belia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat 6 usaha yang dijalankan di bawah Kempen Belia Benci Dadah. Satu Perkhemahan Perdana Gerak Kerja Belia Benci Dadah Peringkat Kebangsaan. Nombor dua, Skuad Bergerak Belia Benci Dadah. Nombor tiga, Sekretariat Belia Benci Dadah ditubuhkan di Kompleks Belia dan Sukan Negeri. Nombor empat, Ekspedisi 4 X 4 Belia Benci Dadah, satu aktiviti tarikan melalui sukan pemotoran. Nombor lima, Kempen Belia Benci Dadah Peringkat Daerah melalui pelaksanaan 3 aktiviti asas iaitu konvoi motosikal, khidmat komoditi, kejohanan futsal, bola jaring serta ceramah. Nombor enam, Kempen Anda Pilih Sekretariat Rakan Muda IPT dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.

Soalan tambahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, semua maklumat di bawah Kempen Belia Benci Dadah ini akan memberi satu gambaran bahawa hidup sihat ini boleh dilakukan melalui program-program tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua yang telah memutuskan, bahawa sesi soal jawab kita ini akan dipanjangkan

sehingga 1 jam setengah, macam sidang Parlimen yang begitu panjang ini kita akan dua kali boleh mengemukakan soalan. Jadi saya hendak tanya, bilakah ini akan dilaksanakan kerana kita tengok satu jam baru jawab 6 soalan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di masa yang sesuai. Buat setakat ini soalan ke 7.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya. Jawapan dari Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Akan datang. Sila, Yang Berhormat Seputeh.

7. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Kewangan menamakan 20 syarikat yang mempunyai kapital pasaran (market capitalization) yang terbaik di Bursa Saham Malaysia. Sila nyatakan kapital pasaran setiap syarikat tersebut dan kawalan saham mengikut kaum dalam 20 syarikat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat senarai 20 syarikat tersenarai di Bursa Saham Malaysia yang mempunyai nilai pasaran ataupun *market capitalization* yang tertinggi dan juga peratusan pegangan saham mengikut kaum bagi syarikat-syarikat tersebut setakat 31 Disember 2004.

Tuan Yang di-Pertua, jawapannya agak panjang saya ingat lebih panjang daripada jawapan Menteri Kerja Raya tadi, jadi saya akan sebut nama-nama syarikat dan nilai, kemudian *break down* itu kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya bagi secara bertulis kerana terlalu panjang untuk dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong pendekkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, 20 syarikat yang tertinggi di Pasaran Bursa Saham adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA SYARIKAT
1.	Malayan Banking Berhad
2.	Telekom Malaysia Berhad
3.	Tenaga Nasional Berhad
4.	MISC (Malaysia International Shipping Corporation Berhad)
5.	Public Bank Berhad
6.	Maxis Communication Berhad
7.	Sime Darby Berhad
8.	Petronas Gas Berhad
9.	Plus Express Way Berhad
10.	Genting Berhad
11.	British American Tobacco
12.	Commerce Asset Holdings Berhad
13.	IOI Corporation Berhad
14.	Resort World Berhad
15.	Astro All Asia Networks
16.	YTL Power International Berhad
17.	Hong Leong Bank Berhad
18.	YTL Corporation Berhad
19.	Malakoff Berhad
20.	AMMB Holdings Berhad

Jadi maklumat yang lebih terperinci ada pada saya, saya bercadang untuk beri secara bertulis. Terlalu panjang kalau saya baca.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat macam syarikat yang disenaraikan seperti TNB, Telekom, MISC, Maybank dan sebagainya yang saya dapatnya kebanyakannya adalah agensi GLC yang dikawal dan dimiliki oleh kerajaan dan kaum bumiputera juga agensi kerajaan. Jadi saya memang merasa hairan, kenapa Pemuda UMNO masih mendakwa bahawa kaum bumiputera masih belum mencapai ikuti syer 30% dari segi ekonomi?

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini sebab kesilapan dari segi pengiraan daripada Pemuda UMNO ataupun ini adalah disebabkan penyelewengan dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini? Kerana kalau kita lihat kepada *market capitalization* yang saya tahu, bahawa Pemuda UMNO mendakwa bahawa kaum bumiputera belum mencapai objektif 30% ekuiti, syer ekonomi kekayaan negara adalah berdasarkan nilai asas saham dan bukannya mengikut harga pasaran (*market*) saham. Bukankah ini satu kesilapan dari segi pengiraan ekuiti saham bumiputera, dan dari segi pelaksanaan kita lihat dalam 20 tahun hingga 30 tahun yang lepas kerajaan telah pun menggunakan banyak wang untuk membina usahawan bumiputera dan sehingga kerajaan terpaksa *bail out* apabila mereka gagal.

Jadi adakah cara untuk meningkatkan kekayaan kaum bumiputera itu cara pelaksanaan ini memang sudah salah kerana ia tertumpu pada segelintir usahawan sahaja. Jadi saya hendak minta jawapan daripada Yang terhormat kenapakah ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri dah tahu dah, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini cuma senarai 20 syarikat yang utama yang mempunyai ekuiti tertinggi dalam senarai Bursa Saham. Jadi dalam senarai 20 ini cuma 8 sahaja yang ada kaitan dengan kerajaan iaitu *Telekom Malaysia Berhad, TNB, PLUS Express Way, Commerce Asset, Malayan Banking, MISC, Sime Darby* dan *Petronas*, yang lain tidak. Jadi apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Seputeh iaitu pemuda UMNO menekankan bahawa bumiputera belum lagi mencapai tahap yang dikehendaki dalam segi ekonomi, saya ingat adalah tepat kerana kalau kita lihat ini sahaja syarikat-syarikat tetapi banyak lagi perkembangan yang lain yang perlu diambil kira. Jangan kita lihat hanya dalam hal Bursa Saham sahaja tetapi syarikat-syarikat yang beribu lagi yang masih lagi terkebahawah.

Oleh itu kita kena melihat keseluruhannya jangan kita ambil hanya ini sahaja sebagai *indication* menyatakan bahawa kaum bumiputera dah pun mencapai tahap 30 peratus. Jadi ekoran itu kerajaan akan meneruskan usaha ini melalui berbagai-bagai cara termasuk juga dengan usaha-usaha daripada pihak syarikat-syarikat GLC sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat saya akhiri sesi soal-jawab pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, 27(3). Pada hari Khamis minggu lalu selepas Tuan Yang di-Pertua menolak Usul Hak Keistimewaan saya untuk merujuk Yang Berhormat Menteri MITI kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, saya ada kemukakan usul itu secara rasmi, saya percaya Tuan Yang di-Pertua ada terima surat itu dan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) yang biasanya mewajibkan notis 14 hari diberikan untuk suatu usul tetapi ada peruntukan di 27(3) di mana Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk kecualikannya, saya baca 27(3) "*kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 dan perenggan 5 dalam Peraturan Mesyuarat 86 dan 26(1) apa-apa usul hendaklah dikeluarkan pemberitahu tidak kurang daripada 14 hari terlebih dahulu*".

Ini apa yang saya baca kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 yang menunjukkan bahawa ini bukan 100 peratus perlu diikuti bahawa adalah *circumstances* di mana boleh dikecualikan di dalam tangan Tuan Yang di-Pertua dan inilah usul *privilege* untuk merujuk Yang Berhormat Menteri MITI kepada Hak Keistimewaan satu perkara yang negara ada tunggu, Ahli-ahli Parlimen ada tunggu oleh sebab hari ni pun dia hilang tidak ada sampai mengenai skandal AP dan ini bersabit dengan perkara keistimewaan, *privilege* Ahli-ahli Parlimen dan tanggungjawab seorang Menteri, adakah Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan kuasa di bawah 27(3) untuk memberi keutamaan atau *priority* yang ada diamalkan dalam Parlimen-parlimen Komanwel di mana *privilege motion* yang mustahak ada diberi *priority* dan *precedent* untuk perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak memberi apa-apa *priority* mengenai perkara ini kerana saya berpendapat bahawa ini adalah usul biasa dan tidak memerlukan saya menurunkan budi bicara saya untuk menentukan bahawa ia adalah satu usul yang berkehendakkan keutamaan. Oleh sebab perkara ini perkara meminta Menteri untuk menjawab. Sebenarnya ini juga bukan satu perkara yang harus diutamakan kerana Menteri sebagai peribadi untuk menjawab kerana Menteri adalah menganggotai satu kementerian dan dia adalah boleh dibantu oleh Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen.

Jadi asalkan jawapan diberi, sama ada oleh Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen atau sesiapa bagi pihaknya yang sesuai maka dianggapkan bahawa semua jawapan itu adalah daripada Menteri sendiri. Oleh itu perkara ini tidak berkehendakkan begitu diutamakan, oleh itu saya anggapkan bahawa usul ini adalah seperti usul biasa yang diproses melalui peraturan yang dalam peraturan mesyuarat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, perkara bukan sahaja siapa jawab tetapi cara jawapan, isi kandungan jawapan yang tidak betul, selektif, yang mengelirukan, ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun rasa ada dihinakan. Itulah bukan sahaja cara dia tiada di sini untuk menjawab lima hari berturut-turut tetapi isi kandungan jawapan yang ada diberi *misleading*, selektif, tidak benar, tidak bertanggungjawab, itulah dan melanggar hak keistimewaan *privilege* seorang, itulah isu yang lebih mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak boleh mengarah satu Menteri itu datang kalau pembantu-pembantunya turut datang hadir, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen dan saya juga tidak boleh mengawal tentang mutu. Tidak boleh mengawal dan mengarahkan beliau mengadakan sesuatu ataupun menentukan sesuatu mutu jawapan. Jadi sama ada jawapan beliau itu baik atau tidak baik itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang terhormat untuk menilai. Saya tidak boleh menentukan nilai dan mutu jawapan seorang Menteri. Silakan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

TEKANAN BERTERUSAN TENTERA THAILAND KE ATAS UMAT ISLAM SELATAN THAI

11.28 pg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Usul di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Saya Salahuddin Ayub (Kubang Kerian) memohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan Yang Mulia ini merundingkan isu tekanan berterusan, pembunuhan berterusan oleh tentera Thailand ke atas umat Islam di Selatan Thai termasuk usaha untuk mengepung, memaksa, membunuh dan penutupan madrasah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua isu ini adalah perkara tertentu yang kerana pihak tentera Thailand telah bertindak melampaui batas dengan mengepung dan memaksa penutupan pusat-pusat pendidikan umat Islam di Selatan Thai.

Tentera telah memasuki kampung-kampung beramai-ramai dan menghalau keluar umat Islam dari kampung halaman mereka dan usaha menghentikan fungsi Pusat Pendidikan Islam. Perkara ini juga perlu disegerakan kerana pencabulan hak asasi manusia telah berlaku secara terbuka dan mungkin mendorong pembunuhan rakyat yang tidak berdosa selain mengundang kegiatan subversif. Isu ini pada pandangan saya adalah melibatkan kepentingan ramai kerana tindakan tentera Thailand mengepung kampung-kampung akan menjejaskan kehidupan umat Islam di Selatan Thai. Lebih mustahak lagi ia kan mengundang penghijrahan penduduk Selatan Thai ke negara ini dan memungkinkan aktiviti subversif dirancang di negara ini. Berdasarkan pada hujah-hujah di atas saya merasakan usul ini amat penting untuk dibahaskan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada 22 September 2005. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah

berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) Bahawa perkara itu tertentu,
- (ii) Bagi kepentingan orang ramai, dan
- (iii) Ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai - ia adalah bagi kepentingan orang ramai, berkehendak disegerakan - pada fikiran saya perkara ini tidak memerlukan perbincangan yang segera di Dewan ini. Ini adalah kerana langkah-langkah yang awal yang sewajarnya telah diambil oleh pihak berkuasa Malaysia untuk menangani kemungkinan keadaan di Selatan Thailand menimbulkan implikasi-implikasi yang tidak diingini bagi Malaysia.

Sehubungan dengan itu, perbahasan Usul ini akan menyulitkan apa-apa usaha yang boleh Malaysia mainkan untuk kepentingan rakyat Selatan Thailand dan seterusnya menyebabkan hubungan dua hala Malaysia-Thailand terjejas. Oleh yang demikian saya menolak Usul itu di bawah peraturan Mesyuarat 18 (2)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi Tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada 30 September 2005.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO.2) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu akta untuk meminda Akta Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz); dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" [22 September 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jasin sila sambung ucapan.

11.24 pg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Assalamualaikum w.b.t, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbincangan berkenaan Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005, kerana kita lihat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan di peringkat Parlimen, orang ramai rakyat Malaysia rata-ratanya tidak kira lelaki dan perempuan sedang memerhatikan kita. Malah di akhir-akhir ini di dalam akhbar-akhbar, terutamanya akhbar-akhbar berbahasa Melayu, kita dicela, Ahli-ahli Parlimen dicela kerana seolah-olah tidak menyokong, seolah-olah kita bermain-main masalah soal-soal agama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tetapi saya ingin beritahu pada mereka di luar sana, apakah matlamat kita di Parlimen pada hari ini ialah untuk memastikan bahawa rang undang-undang yang dibawa oleh kerajaan ini akan memberi manfaat kepada semua orang Islam lebih-lebih lagi yang akan melibatkan poligami. Kerana poligami ini Tuan Yang di-Pertua, yang sudah lepas yang kahwin dua, tiga itu sudah lepas okeylah, yang menjadi masalah orang macam saya, yang belum lagi, ini yang timbul masalah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini sahabat saya daripada Tanah Merah yang sudah lepas halangan itu.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, yang mana undang-undang ini digubal adalah untuk memberi satu tuntutan kepada keadilan bagi mereka yang berpoligami. Kalau hendak kira adil, kita kepada diri kita sendiri pun kita tidak boleh adil.

Kadang-kadang kita kalau anggota kiri dan kanan biasanya kita guna anggota kanan sedangkan anggota kiri kita jarang guna, ini ketidakadilan yang kita buat kepada diri kita. Kadang-kadang kita lapar, kita tahan kita tidak makan, kita tidak adil kepada diri kita, perut kita. Undang-undang ini hendaklah diteliti dan di bahas supaya pindaan ini mendapat tempat kepada undang-undang yang diperlukan. Sebagai contoh golongan yang berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi. Kita lihat golongan yang berpendapatan rendah lebih ramai yang mengamalkan poligami. Kalau di Kelantan, mereka yang menarik beca ramai yang berkahwin lebih daripada satu malah tiga, empat pun ada. Pemandu lori, ini kita kena lihat dan saya minta Yang Berhormat Jasin ulaskan sama ada undang-undang yang akan kita pinda ini memberi keadilan kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi, terima kasih.

Seorang Ahli: Betul, betul, betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanah Merah yang berpengalaman, patut dia lebih jelas dan saya kira memang tujuan kita itu baik, dalam celaan, dalam perbincangan kerana kita hendakkan supaya lebih konkrit. Ini kita bercerita berkenaan dengan hak dan tanggungjawab. Kalau hendak ikutkan dalam segi hak ia, itu hak lelaki tetapi adakah benar-benar kita bertanggungjawab?

Banyak yang kita dengar, bahawa keluarga berpecah oleh kerana poligami dan apabila berpecah di mana haknya isteri tua? Dengan jurusan ini kalau ini diluluskan besok, paling tidaknya isteri tua ini ada haknya dan dia boleh menuntut. Hanya yang saya bercakap daripada minggu sudah kepada Menteri ialah pelaksanaan. Rang Undang-undang asalkan masuk di Dewan Rakyat ini sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab rakan-rakan saya ini walaupun pedih, walaupun ini akan merugikan orang yang belum mengamal, yang belum mengamal akan rugi kerana syarat-syarat baru, yang kita tahu faraid ini bila orang mati kita faraid ini bila hendak mengamalkan poligami, bila hendak memohon kita kena faraid dahulu harta.

Kalau harta banyak tidak apa, macam yang disebut oleh Yang Berhormat Tanah Merah tadi, kalau harta dia sebelah rumah bagaimana? Yang pembawa beca ini harta dia Tuan Yang di-Pertua, sebuah rumah papan dengan beca dia itu sahaja harta dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagilah beca.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Masalah dia pula, dia penarik beca, dia *exercise* kuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat bagi beca jugalah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia kayuh beca Tuan Yang di-Pertua, bila dia kayuh beca Tuan Yang di-Pertua dia punya tenaga lebih. Lebih-lebih lagi dia membawa beca ini dia kadang-kadang yang naik beca ini anak dara, yang naik beca ini janda lagi cepat dia mesra Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Setengah jam, satu jam dia kayuh beca, putar-putar, pusing-pusing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ledang bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya Ledang, dia lebih kurang saya Tuan Yang di-Pertua, teringin tapi takut. [Ketawa].

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bukan takut, bukan takut, tapi kesian. Okeylah, Yang Berhormat Jasin, saya sebelum tanya satu soalan, saya yakin kalau yang menarik beca itu, mahkamah takkan luluskan untuk dia berkahwin dua. Kita ubah kepada satu keadaan lain lah. Ini harta sepencarian ini, kita bercakap dari sudut pelaksanaan. Harta sepencarian ditakdirkan setelah pasangan suami isteri berkahwin, sebelum dia kahwin lagi, dia dapat sebuah rumah. Rumah tereslah, tapi rumah teres yang bukan rumah murah, rumah kos sederhana. Kemudian dia ubah suai dan sebagainya, nilainya telah menjadi RM200 ribu. Rumah teres ini tidak boleh dibahagi dua, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak berjual.

Jadi, setelah berlaku perkahwinan kedua, apa pandangan Jasin dari sudut pelaksanaan, rumah teres yang telah diubah suai ini, untuk dibahagikan harta supaya isteri pertama tadi mendapat bahagiannya, begitu juga suami tadi yang telah berkahwin satu lagi, mendapat bahagian.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Ledang, ini permasalahan. Serupa macam Ledang katakan dan Tanah Merah kata. Mungkin sebuah rumah bagaimana nak bagi. Tetapi paling tidak, kita hari ini ada badan-badan tertentu. Yang boleh mentafsirkan rumah ini dan tuntutan itu tak semestinya kita tuntutan masa itu juga. Kemungkinan selepas berlakunya, manakah tahu kata oranglah, saya pun tak tahu.

Saya pernah *interview* pada orang yang mengamalkan poligami. Saya tanya dia bagaimana perasaan. Dia kata, kadang-kadang seronok, kadang-kadang pahit pun ada. Dan apabila bila nak balik rumah bini tua ini kata dia, berat je rasa, tetapi kalau nak balik rumah bini muda, punya riang tak boleh cakap. Itu masing-masing. Jadi, paling tidak pun, apabila kita ada Amanah Raya dan juga ini, rumah ini boleh ditafsirkan berapa nilai dia. Dan terpulang kepada isteri tua ini mahu menuntut tidak hak dia. Tapi pada kebiasaannya, bukan saya nak memuji rakan-rakan saya yang mengamalkan poligami ini, pada kebiasaan dia, rumah yang satu ini akan diserahkan kepada isteri tua. Pada kebiasaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak ada hak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Pada kebiasaannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak aniaya seseorang?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia tak aniaya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya nak mempertikaikan, adakah syarat-syarat yang dialami dulu ini tak baik? Yang perlu kita pinda rang undang-undang ini? Dan bagaimana pula akan datang? Kerana pada hari Tuan Yang di-Pertua, kita tengok macam-macam syarat. Ini AP yang disebut oleh Timbalan Menteri hari itu, pun ada syaratnya Tuan Yang di-Pertua. Dia sebut AP bebas, AP terbuka.

Kalau AP bebas dan AP terbuka, sepatutnya boleh import semua kereta. Tapi yang diberi kepada masyarakat ataupun peniaga-peniaga Melayu pada hari ini AP daripada MITI ini, AP terbuka tetapi dengan syarat, tidak boleh import 28 jenis kereta.

Serupa juga macam undang-undang ini, engkau boleh amalkan poligami, tetapi dengan syarat begini, begini, begini. Jadi, tentang AP ini kita pun tak tahu. Sebut terbuka, boleh import, tetapi 28 kereta ini tidak boleh diimport mahupun baru ataupun *second hand* - Audi, Ventalee, Calculate, Chevrolet, Citron, Daimler, Ferrari, Fiat, Hyundai, Impol, Jaguar, Kia, Climale, Lencia, Opel, Ford, Honda, Porsche, Rolls-Royce, Sub, Rover, Scoda, Smart, Wall, Lamborghini, Alfa Romeo, Suzuki, Mitsubishi,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu Yang Berhormat, itu masuk harta sepencarian kah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Lebih kurang Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]. Kalau dah 28 ini tak boleh import, orang yang dapat AP ini, apa maknanya? Pasaran dia lebih kecil. Jadi, berbalik pada cerita kita tentang poligami ini Tuan Yang di-Pertua, [Ahli-ahli ketawa], memang dibenarkan, kata dia. Tetapi, kalau sanggup buat, sanggup pula lakukan, kenalah patuh syarat ini. Tak bolehlah pula kita buka sewenang-wenangnyanya. Kerana sebagaimana disebut oleh rakan saya Tanah Merah tadi, kebanyakan yang mengamalkan sekarang ini, yang mengamalkan sekarang poligami, di Kelantan baik, negeri saya kat Melaka pun ada. Yang mengamalkan Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tak boleh amalkan poligami. Pendapatnya dia rendah. Orang susah, tapi dia yang nak sangat. Ini kebanyakannya, yang akhirnya akan meruntuhkan rumah tangga dia, porak-peranda.

Itulah sebabnya di kalangan-kalangan penagih dadah, kalangan-kalangan belia-belua yang bermasalah, kalau kita berjumpa dengan mereka Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka datang daripada *broken home* ataupun keluarga yang berpecah kerana tidak ada perhatian dari ibu bapa mereka. Jadi dengan demikian, saya kira, dengan adanya rang undang-undang yang kita bawa pada hari ini, yang kita perbincang soal-soal macam ini, *broken home* dan keluarga-keluarga yang tidak tentu arah ini, dapat kita kawal. Malangnya, saya lihat daripada apa yang dikemukakan oleh Ampang,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, silakan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Jasin. Saya kira apa yang telah ditimbulkan tadi itu ialah tentang ketidakfahaman ataupun tidak sedar, tidak faham, tidak mengerti, tentang maklumat-maklumat sebenar dalam pindaan yang akan dibawa ini. Saya kira mungkin ada perbincangan. Mungkin perbincangan-perbincangan itu dibuat daripada peringkat atasan sahaja.

Saya nak tanya Yang Berhormat, apakah di peringkat *grass root* ataupun akar umbi ini, kepada masyarakat yang telah disebut tadi golongan-golongan marhaen, golongan yang tidak beruntung, golongan yang tidak tahu ini, tidak sedar akan perubahan-perubahan ini, apakah pandangan Yang Berhormat, kalau sekiranya faktor pendidikan kepada masyarakat terutama masyarakat Islam di luar bandar yang agak-agak daif yang tidak tahu tentang peraturan undang-undang dan pelbagai macam yang nak diubah ini, diberi perhatian yang serius oleh pihak kementerian, sama ada pihak JAKIM ataupun pihak Kementerian Wanita, supaya benar-benar masyarakat kita di bawah itu faham ya.

Banyakkan dialog, banyakkan perbincangan. Saya tidak salah diungkitkan dalam media sekarang ini. Supaya banyak dialog, perbincangan, banyak input-input, supaya seluruh masyarakat kita lebih sedar tentang perkara yang penting ini. Sebab *family* ini Yang Berhormat ya, adalah merupakan inti kepada satu masyarakat. Kalau silap kefahaman dalam inti, pecah belah keluarga akan bawa banyak masalah dan kerenah dalam jangka masa yang panjang. Apa pandangan Yang Berhormat tentang cadangan, tentang pendidikan, tentang sampai kepada akar umbi, tentang maklumat-maklumat ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Kuala Terengganu. Saya amat setuju. Kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, apabila sebut sahaja soal poligami, kadang-kadang masyarakat pandang rendah sangat. Bila kahwin kali yang pertama, dia kata jodoh. Itu dah jodoh dia, kahwin. Bila sebut kahwin poligami kedua itu dia sebut apa Tuan Yang di-Pertua? Gatal! Walhal, itu jodoh juga. Tapi dia tak sebut ini. Kerana dia tak faham. Kita tengok yang kita haramkan gerakan Arqam dulu. Oleh kerana penerangan dia berkenaan poligami ini, bagaimana yang disebut oleh Ampang, kadang-kadang dia kata madu ini manis, Tahniah Ampang! Allah,

nasib baiklah orang yang dapat engkau. *[Ketawa]* Pasal Arqam sama Arqam dulu, mungkin Menteri lebih faham.

Dia punya cerita tentang kebaikan poligami-poligami sehinggakan pengikut-pengikut wanita dia sanggup pula mencari pasangan dia, mari kita sama-sama bermadu nak tak? Kata dia, mari kita sama-sama kongsi kasih sayang suami nak tak, dik? Kata dia, sampai macam tu. Kerana telah diajarkan dia, kalau kau carikan madu kau atau satu orang isteri yang baru untuk suami kamu, Arqam mengajar dia kata, itulah jalan ke syurga. Akhirnya kita lihat, payung emas jalan ke syurga, jadi dia mencari.

Saya setuju sangat ni, kerana saya dah *open* dah, saya ni bukan takut, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak takut. Saya bukan takut isteri tetapi isteri saya tak berapa nak takut dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jasin. Tidakkah Yang Berhormat Jasin terfikir bahawa di antara persepsi orang ramai terhadap Islam yang menyebabkan kadang-kadang orang bukan Islam melihat agama Islam ini sebagai sesuatu yang dia tak berapa nak ikut kerana adanya poligami. Kerana mengikut pandangan barat poligami ini adalah bertentangan dengan kebebasan wanita dan kebetulan pula ada dalam masyarakat Islam baru disebut oleh Yang Berhormat Jasin, menggunakan kelonggaran untuk poligami ini sebenarnya bukan soal jodoh, untuk memuaskan nafsu mereka. Dan persepsi ini telah lama kelihatan dan ada orang macam dalam Arqam sendiri kita baca kisah bagaimana seorang wanita Jerman berkahwin dan digilir-gilirkan, lepas A kahwin, A cerai, kahwin dengan B, B cerai, kahwin dengan C, C cerai, kahwin dengan D.

Maka poligami kalau dilihat daripada kaca mata sebelah pihak sahaja akan dilihat bahawa poligami ini adalah satu tempat di mana wanita teraniaya dan Akta ini dicadangkan oleh kerajaan untuk menjamin dan memberi takrifan sebenar tentang masalah poligami ini. Bahawa poligami ini dibenarkan oleh Islam kerana ia adalah salah satu kaedah cara menyelesaikan masalah-masalah sosial. Sebab itu dalam pindaan ini dikatakan, patut atau perlu bukannya menghendaki sahaja. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya yang mengatakan silap bahas mengenai soal poligami ini, masyarakat di luar terutama yang bukan Islam akan melihat, inilah dia kelemahan Islam iaitu menganiaya wanita.

Oleh sebab itu, masa kita menceritakan soal poligami, tentu sekali Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita mesti memperlihatkan poligami ini sebagai satu kaedah yang sesuai untuk membentuk keluarga yang bahagia, bukannya untuk memuaskan nafsu atau menganiaya wanita atau menganiaya lelaki atau sebaliknya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Ketereh. Tepat sekali apa yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Ketereh yang saya dengan dia ini Tuan Yang di-Pertua, seri juga. Bukan takut tapi dia tak berapa nak takut dengan kami orang. Jadi ini untuk memperbaiki keadaan memang kita tahu masalah yang kita hadapi. Hanya yang saya nak pertikaikan bukan soal ini, saya sokong dan semua Ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini saya kira sokong termasuk daripada PAS. Dia akan sokong walaupun Kelantan tak terima, saya kira akan datang terima juga kerana ini untuk kebaikan; kebaikan ummah di masa akan datang.

Tetapi masalah pelaksanaan, kalau undang-undang ini tidak diikuti denda saya kira terlampau rendah Menteri. Kerana kalau mereka tidak dapat memohon poligami di dalam negara ini, dia akan mencari jalan keluar, kerana baru-baru ini kita ada satu makalah yang keluar daripada *Consul General* di Medan, satu bulan tak kurang daripada 200 orang rakyat Malaysia yang memohon untuk berkahwin di Medan. Itu baru Medan, belum lagi Pekan Baru, belum lagi Jakarta, belum lagi Pontianak, belum lagi Surabaya, itu baru Medan.

Apatah lagi baru-baru ini kita didedahkan dalam akhbar juga, seorang yang dihormati, pengamal undang-undang yang berumur 60 tahun, bernikah isteri kedua berumur 34 tahun di dalam kedai, di Kangar, yang mana dibawa Imam ataupun jurunikah yang diimport. Ini sedang berlaku di dalam negara kita. Adakah ini sah ataupun tidak? Bagaimana pula kalau orang-orang ini menggunakan sijil-sijil nikah

daripada Indonesia ataupun dari Seberang Thailand dan bagaimana pula penerimaan pendaftaran mereka di negeri-negeri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sekejap ya, nak habiskan *statement* ini. Kerana apa kita lihat pada hari ini, ada negeri terima, ada negeri tak terima, yang dah lulus Dewan Undangan Negeri dia pun tak laksana lagi dan kita diberitahu empat lagi negeri belum menerima Rang Undang-undang ini, di Melaka dah terima. Kalau misalan lah kata saya teringin, mohon dekat Melaka tak dapat, saya pergi lah negeri-negeri yang belum menerima lagi, Perlis ke. Perlis dah terima tapi tak laksana. Perlis dah terima, tapi tak laksana. Yang negeri-negeri belum terima ini. *[Ketawa]*.

Jadi ini cara pelaksanaan, oleh demikian satu benda yang ataupun peraturan yang amat tegas harus datang daripada Jabatan Perdana Menteri supaya setiap negeri, apa sahaja yang diluluskan di Parlimen ini, rang undang-undang ini mesti diselaraskan di seluruh negara, ini baru kita tidak akan diketawakan bagaimana yang disebut oleh Ketereh. Ini Melaka lain undang-undang dia, Kelantan lain, Kedah lain. Mana negeri yang terima lagi? Terengganu lain, jadi ini akan jadi bahan ketawa. Sila Ledang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bagus dia Tuan Yang di-Pertua, tak payah picit dah hidup dah. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Jasin. Ada dua perkara yang saya minta Jasin bantu ataupun jelaskan. Pertama, memanglah undang-undang ini menjurus kepada kebaikan ataupun pembelaan untuk kaum wanita terutamanya bagi isteri-isteri yang akan dimadukan. Kita semua simpatilah, memang undang-undang ini baik, kita tidak nafikan dan memang kita sokong 100%, mustahil tak sokong.

Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, Jasin, yang kita bimbang ialah dari segi pelaksanaan sebab pertamanya seperti yang Jasin sebut tadi ialah dia boleh menggalakkan suami-suami yang nak kahwin dua ni mencari tempat lain maksudnya di luar negara Malaysia lah, Indonesia ke, mana ke, Thailand ke untuk mereka berkahwin satu lagi walaupun dengan rakyat Malaysia. Sebab mereka fikir susah untuk berkahwin lagi dalam negara, kena panggil isteri dan macam-macam, ini dari segi pelaksanaan. Memang tujuan dia baik tetapi saya bimbang wujud satu lagi fenomena, fenomena lain seperti yang disebutkan oleh Jasin.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, yang saya berfikir daripada tadi, saya terfikir saya tak mahu berucap, saya cuma nak minta Jasin bantu saja ialah tentang HIV. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan Selangor sebab akan mewajibkan pasangan-pasangan berkahwin, tak kiralah kahwin dua ke, kahwin tiga ke, supaya periksa darah sama ada ada HIV atau tidak. Johor, kita ucapkan tahniah juga kerana telah pun seolah-olah mewajibkan, menghendaki. Kelantan begitu juga, saya ucap tahniah. Perlis pun begitu juga.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, kalau kita terlalu menjurus sahaja kepada soal harta, walaupun ia penting tetapi tidak kepada soal kesejahteraan hidup pasangan suami isteri, keluarga ini pada soal-soal kesihatan, saya suka mencadangkan supaya kalau Jasin bersetuju supaya soal pasangan nak berkahwin satu lagi ini pun, mesti periksa, wajib periksa darah sama ada HIV atau tidak sebab kalau katakanlah pasangan atau bakal isteri ada HIV, isteri kedua ada HIV, dia boleh merebak kepada isteri pertama, lebih dahsyat. Jadi kita harus lihat dari segi sudut yang lebih luas. Soal kesihatan juga perlu dilihat, soal harta itu juga kita setuju tadi dan juga soal-soal lain seperti yang disebutkan tadi. Minta Yang Berhormat bagi Jasin bantu, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ledang, tentang HIV ini Melaka pun sudah laksana, banyak negeri sudah laksana. Saya hendak berbalik kepada apa yang pertama dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang. Yang sebenarnya rang undang-undang ini bukan sahaja memberi pembelaan kepada wanita sahaja, pembelaan kepada lelaki pun, bukan

wanita. Soal harta, misalannya, hari ini orang yang berpendapatan besar tetapi *dicontrol* oleh isterinya, cari-cari duit dan beli harta, semua nama isteri. Ada berlaku dalam masyarakat dan apabila hendak memohon poligami, kan masa dan ketikanya kita ada buat faraid, tuntutan ini bukan sahaja harta suami tetapi harta isteri yang pertama pun boleh dituntut, Yang Berhormat bagi Ledang. Jadi pembelaan ini bukan kepada yang perempuan sahaja tetapi yang si suami pun dapat pembelaan.

Yang kedua...

Dr. Rozaidah binti Talib: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Minta maaf... yang kedua... sekejap ya. Yang kedua, mengapa kepada lelaki? Kadangkala kalau kita hendak mohon poligami, kalau yang perempuan atau bakal isteri kita tidak dipanggil ke mahkamah oleh mahkamah bersama dengan bapanya atau pun walinya. Kadangkala kita ini lupa tarafnya, benarkan dia tidak bersuami lagi yang kita hendak kahwin ini. Yang boleh menentukan dia masih jadi isteri orang ataupun apa ialah keluarganya. Kalau kita main bawa sahaja ke pejabat kadi, "Ini isteri saya yang kedua, hendak minta dinikahkan tanpa pengetahuan keluarganya," mana tahu entah tidak dia itu adalah isteri orang. Akhirnya bukan kita sahaja beristeri dua, yang perempuan pula bersuami dua. Hah! yang ini pun kacau juga, Yang Berhormat bagi Ledang. Ya silakan Yang Berhormat bagi Ampang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Ampang.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin kerana faham bahawa dengan pindaan undang-undang ini bahawa ia memberikan keadilan kepada kedua-dua belah pihak. Saya bukan ingin berbabas cuma saya hendak bertanya sebab saya pun sudah berbabas. Kalau hendak ikutkan undang-undang Islam, tanggungjawab menanggung nafkah itu adalah jatuh kepada suami semata-mata dan kalau ikut undang-undang tradisionalnya wanita Islam itu berhak secara mutlak ke atas hartanya tetapi jika suami ingin berpoligami dengan akta yang baru ini, maka harta sepencarian itu dibahagikan dengan seadil-adilnya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat bagi Jasin ialah apakah pandangan Yang Berhormat tentang dakwaan terutamanya di kalangan kaum lelaki bahawa jika akta ini diluluskan, maka jika seseorang itu ingin berpoligami, maka syaratnya terlalu ketat sehingga boleh menimbulkan gejala sosial. Apa pandangan Yang Berhormat kerana saya melihat, ada kes-kes di mana perkahwinan itu dibuat secara sorok-sorok maka adalah lebih buruk akibatnya.

Ada yang tidak tahu, mereka ini adik-beradik, boleh bercinta dan ingin berkahwin, rupa-rupanya mempunyai bapa yang sama dan ada juga satu kejadian yang saya kenal di mana lelaki ini memang pandai, dia kahwin isteri pertama dan yang kedua itu di taman perumahan yang sama, jadi dia tidak pernah tidak balik malam. Tetapi apabila si suami ini meninggal apabila di hadapan mayat, jenazah, keluarga isteri kedua datang bersama dengan keluarga isteri pertama maka hampir bertikam kerana berlaku *tension* pada waktu itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, adakah jika poligami itu dibuat secara telus melalui mahkamah syariah, adakah ini lebih baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tikam lidah tidak apa Yang Berhormat, tikam lidah itu tidak apa.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang, ini telah saya katakan di peringkat awal, ini untuk kebaikan kita tetapi kadangkala masyarakat apabila dibentangkan dalam segi undang-undang ini memanglah undang-undang ini kita memperketatkan *whatever screws* yang ada tetapi perlaksanaannya terserah kepada hakim yang membicara. Walau misal kata banyak orang tidak tahu ini, walaupun kita mengemukakan permohonan poligami ke Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah akan memanggil isteri tua, bukan masa kita ada, bukan masa isteri calon bakal yang baru ini ada, tidak, berasingan.

Ketika mahkamah atau pun hakim memberitahu isteri tua itu bahawa permohonan daripada suami dia hendak poligami, ditentang keras-keras oleh isteri tua,

itulah yang inilah, selalulah dia akan tentang bagaimana kata suami tidak kuat, tidak cukup duit belanja, apa semua tetapi apabila pada hemah hakim itu dia melihat walaupun ditentang oleh isteri tua tetapi hakim membuat keputusan berasaskan fakta. Kalau dia buat keputusan walaupun isteri tua itu tolak dan tentang habis-habisan tetapi hakim mengatakan orang itu boleh diberi kebenaran untuk poligami, walaupun ditentang oleh isteri tua tetapi kebenaran akan diberi. Banyak orang tidak tahu ini. Itulah sebabnya kadang-kala, orang yang pergi keluar ini kerana dia tidak berani hendak menghadap keluarga dia, maka dia pergi ke Golok baik, jadi yang lebih arif ini Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, dia memang tempat orang menikah, Tuan Yang di-Pertua, dia kira di sana, jadi beri jalan kepada dialah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit sahaja. Kalau kita perhatikan Yang Berhormat, di antara wanita yang tidak puas hati kepada suami masing-masing berkahwin dua ini, tidak semuanya masalah bimbang kepada harta yang ada pada suami beliau itu akan jatuh kepada tangan orang lain ataupun sebab-sebab lain tetapi apakah Yang Berhormat percaya kalau saya mengatakan sebahagian besar di kalangan wanita kita ini yang mengamuk, isteri pertama dia mengamuk kerana suami ingin kahwin muda ini ialah kerana malu sebahagian besarnya. Aib dirasakan seolah-olah, apa yang ada di dalam dirinya sudah tidak sempurna sekarang ini yang menyebabkan suami terpaksa mencari isteri yang lain. Bukan masalah itu sangat, terutama sekali kalau pegawai-pegawai kerajaan yang berada di pejabat.

Kadang-kadang ada orang bercakap hal kahwin dua ini, dia seolah-olah satu perlu kepada dia. Di saat itu dia rasa begitu aib dan dia balik dan mengamuk. Biasanya kalau isteri pertama ini tidak bekerja dengan kerajaan, dia duduk di rumah sahaja, tidak berapa menjadi kekecohan apabila seseorang berkahwin dua tetapi biasanya kalau pegawai kerajaan sesama pegawai kerajaan itulah yang menjadi keaibannya dan yang menjadi kalam-kabut kerana dia malu, diperli, orang cakap hal lain pun dia rasa seolah-olah perlu dia.

Jadi bolehkah Yang Berhormat beri sedikit pandangan, apa yang menjadi kecoh dalam masyarakat sekarang ini bukan masalah harta yang menjadi kebimbangan kepada isteri pertama tetapi kerana keaiban pada masyarakat seolah-olah dirinya sudah ada sesuatu yang tidak cukup atau tidak puas hati oleh suami mereka. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang yang kalau saya lihat pada hari ini, ini terserah. Kadang-kadang dua-dua.

Apa yang berlaku di Kelantan, yang baru-baru ini seorang askar yang berumur agak muda dalam lingkungan 30-an, isteri tua dia umur 52, bukan masalah harta, bukan masalah aib, dia pun tidak bekerja di pejabat, suri rumah tangga tetapi apabila suami disebut sahaja hendak berpoligami dia siramnya asid, pun marah. Hendak ikutkan harta, tidak ada harta, hendak katakan dia kerja di pejabat, dia tidak kerja di pejabat tetapi ini terpulang kepada individu bagaimana keadaannya. Tetapi yang penting pada kita hari ini, saya perlu yakin dan percaya rang undang-undang yang kita perbahaskan hari ini apabila dilulus kelak akan memperbaiki keadaan.

Yang penting kepada saya ialah penguatkuasaan, bagaimana kita hendak melaksanakan undang-undang ini dan saya perlu yakin dan percaya kalau denda atau kalau orang tidak mengikut peraturan ini dia pergi nikah di luar tetapi kalau denda yang sedia ada yang saya dengar sekadar RM1, 000, saya kira ramai...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nanti sekejap saya hendak habiskan dahulu yang ini, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya boleh panjang, boleh pendek, boleh, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak kisah bab ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti sekejap, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Oleh kerana denda setakat RM1,000, saya kira ramai rakyat Malaysia ini akan mencari jalan alternatif yang kedua, akan pergi ke mana-mana tempat yang memudahkan dia, sebagai contoh pada hari ini kalau Perlis itu mudah, dia akan lari ke Perlis. Paling tidak, dia kira ke Siam pasal bab hendak kahwin ini, Tuan Yang di-Pertua, dia sudah berjanji, lautan api pun akan ku renang. Dekat Siam sekarang ini bom sana, bom sana, nikah tetap nikah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Baling, minta maaf. Dia bukan kisah Engkau hendak bom ke, hendak bunuh ke, hendak apa ke, tetapi hendak pergi nikah ini, ranjau api pun dia pergi. Ha, ini dia! Ini cerita macam Perlislah. Hari itu 100 SMS, *baby, baby, baby*, sudahnya cerai juga. *[Ketawa]* Ya, sila.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih. Saya mohon penjelasan. Dari masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi itu adalah penguatkuasaan, memang betul sebab saya kira dengan pelaksanaan ini akan menambahkan lagi kerenah-kerenah sama ada kerenah berpoligami dan macam-macam yang telah kita dengar tadi itu. Jadi ini akan menambahkan lagi kerumitan sebab banyak kes tertangguh sebenarnya, kes-kes yang tergantung, kes yang tidak dapat dihurai dan tidak dapat diselesaikan lagi.

Dalam konteks ini, saya hendak tanya Yang Berhormat dari segi penguatkuasaan, dari segi orang-orang yang akan menyelesaikan, hakim-hakim mahkamah ini, dari segi kaunselornya itu, apakah sudah mencukupi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya kira Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dia '*kenen*' kepada saya, bantai balik kepada menteri biar menteri jawab kerana saya pun sudah timbulkan minggu sudah. Saya masih ragu kerana kita lihat pada hari ini kes, macam dekat Kuantan hari itu, yang kes harta apabila bercerai, makan masa berapa lama baru selesai. Kes bercerai yang tertunggak pada hari ini, saya minta menteri ketika menjawab dan menggulung ini, bagi saya fakta-fakta di Melaka berapa yang kes tertunggak lagi?

Dan, akhir-akhir ini kalau kita lihat pada hari ini, yang untung ini, Tuan Yang di-Pertua, besok, peguam syarie. Jadi, rakan-rakan saya yang pengamal-pengamal undang-undang ini sudah ambil atau tidak bahagian syarie kerana saya tengok besok hendak cerai hendak pakai *lawyer*, hendak bahagi harta hendak pakai *lawyer*, semua hendak pakai *lawyer* yang mungkin sedikit sebanyak akan membebankan masyarakat kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Yang Berhormat bagi Larut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat Menteri pun ada di sini, rakan-rakan lain pun ada di sini, apakah Yang Berhormat lihat akta atau rang undang-undang yang kita bentangkan ini, betul kita sebut atau bercakap dengan begitu mudah tetapi dari segi pelaksanaannya, adakah ia praktikal ataupun tidak ataupun sepatutnya ianya dihebahkan dahulu, minta pandangan daripada semua pihak.

Jadi, apakah Yang Berhormat merasa ianya perlu ditangguhkan dahulu ataupun bagaimana Yang Berhormat lihat kerana kita lihat kes-kes yang di mahkamah syariah sekarang ini pun masih tertangguh, masih tertunggak. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jasin, apakah ianya praktikal atau tidak ataupun ditangguhkan dahulu supaya benar-benar boleh dilaksanakan. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut. Yang sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut, rang undang-undang yang kita perbahaskan ini sudah lama berada dalam negara. Yang secara kebetulan ini, Wilayah Persekutuan tidak ada raja. Masalah urusan agama terserah kepada Wilayah Persekutuan dan Parlimenlah tempat ia meluluskan dan cara yang menjadi masalah bila melibatkan Wilayah Persekutuan, benda ini mesti datang ke Parlimen dan kita mengambil masa untuk berbahas.

Di negeri, banyak negeri sudah lulus – Sarawak pada 6 November 2001 sudah lulus, Melaka pada 3 September 2002, Kelantan pun sudah lulus pada 27 Oktober 2002, Selangor sudah lulus pada 27 Mac 2003, Perlis pada 31 Mac 2003, Negeri Sembilan pada 11 November 2003, Johor pada 14 November 2003, Perak pada 2 Jun 2004, Sabah pada 11 Ogos 2004 dan Pulau Pinang pada 13 Oktober 2004. Kalau kita tidak luluskan pada hari ini untuk Wilayah Persekutuan ini, lagilah tidak boleh diseragamkan, Yang Berhormat bagi Larut. Jadi, menjadi tanggungjawab kita. Kalau kita inginkan untuk diseragamkan, kita berharap dengan adanya kelulusan yang kita beri oleh Parlimen pada petang ini ataupun pada hari ini untuk rang undang-undang ini dapat kita menyeragamkan proses undang-undang bersabit dengan Undang-undang Saraan Keluarga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dekat hendak habis, Tuan Yang di-Pertua, sudah dekat hendak *landing*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi yang ingin berucap?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai ya. Yang Berhormat, sebenarnya perbahasan ini telah bermula pada hari Khamis, kita memang berhasrat supaya pada hari ini rang undang-undang ini dapat diselesaikan. Jadi saya ingin mencadangkan dan mengehadkan masa untuk setiap Ahli yang berucap, saya ingin mencadangkan supaya 15 minit diberikan kepada setiap Ahli yang berucap. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sila.

12.07 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam pindaan akta ini, sedikit sahaja, barangkali masa 15 minit bagi saya itu sudah cukup.

Pertamanya, saya melihat akta yang kita hendak pinda ini iaitu Akta 303, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1994, saya melihat beberapa fasal atau seksyen yang akan dipinda ini, ada di antaranya yang sesuai dan munasabah dan ada di antaranya barangkali tidak sampai masanya untuk kita pinda lagi. Walau bagaimanapun, saya yakin oleh kerana keadaan yang diperlukan melalui Parlimen ini, saya yakin rang undang-undang ini akan diluluskan juga.

Oleh kerana hasrat pindaan ini barangkali untuk memartabatkan Mahkamah Syariah yang sebelum ini boleh dikatakan oleh sebahagian besar daripada kalangan masyarakat ini kalau dibandingkan dengan Mahkamah Sivil, sudah tentulah Mahkamah Syariah ini nampak tidak begitu '*umph*', kata sekarang ini atau tidak begitu dihormati.

Saya melihat perjalanan dalam mahkamah pun masyarakat tidak menghormati sangat. Walaupun kita berada dalam Mahkamah Sivil, semua yang berada dalam mahkamah itu, yang masuk ke dalam mahkamah itu tunduk tanda menghormati undang-undang, bukan tunduk kepada hakim. Tetapi bila kita lihat di Mahkamah Syariah ini kadang-kadang orang tunduk juga dalam mahkamah tetapi sebahagian besar daripada yang tunduk seolah-olah dia tidak mengetahui apa yang dia tunduk itu sebenarnya dia sepatutnya menghormati kepada undang-undang itu sendiri tetapi nampaknya tidak demikian.

Kita tengok polis yang menjaga di dalam mahkamah demikian juga. Kadang-kadang orang bawa anak di dalam Mahkamah Syariah tetapi di Mahkamah Sivil tidak mungkin orang itu boleh bawa anak. Ini menunjukkan masyarakat masih lagi tidak menghormati. Polis sendiri pun tidak melarang keadaan bising kadang-kadang di dalam Mahkamah Syariah ini. Ini satu perkara yang perlu kita melihat sebelum kita meminda rang undang-undang ini, kita juga mesti memartabatkan dahulu kedudukan Mahkamah Syariah.

Tadi sahabat saya sebut tentang keburukan pegawai-pegawai, kadi-kadi ataupun hakim-hakim mahkamah itu sendiri juga, apakah sudah cukup atau tidak cukup. Saya dari segi cukup atau tidak cukup bilangan itu, saya rasa perkara yang mudah kerana sekarang ini ramai di kalangan adik-adik kita yang berkelulusan, yang patut kita penuhkan mana-mana ruang yang masih kosong di mahkamah-mahkamah. Tetapi apa yang perlu ialah tentang kursus-kursus pentadbiran itu perlu dipertingkatkan walaupun sekarang ini telah saya kedengaran sudah banyak kursus-kursus dilakukan untuk hakim-hakim Mahkamah Syariah dilakukan oleh pihak Persekutuan yang mencakupi negeri-negeri sekarang ini.

Saya melihat kita juga hendak memperkemaskan akta ataupun undang-undang ini, kita lihat dari semasa ke semasa diperkemaskan. Perkara ini perkara biasa kerana kita tengok undang-undang lain, pindaan akta-akta lain pun boleh dikatakan setiap kali Parlimen bersidang, ada pindaan-pindaannya sehingga masyarakat memandang Parlimen Malaysia ini merupakan yang sebahagian besar kerjanya adalah meminda akta-akta atau undang-undang yang telah ada dari semasa ke semasa.

Tetapi akhir sekali pindaan-pindaan ini perlu kita lihat ataupun kita seragamkan melalui peraturan-peraturan yang ada ataupun hak yang ada pada kita. Kalau kita laung dan melalui akhbar-akhbar sahaja kita hendak menyeragamkan, menyelaraskan undang-undang, akta-akta atau undang-undang keluarga Islam ini di antara negeri-negeri, saya rasa tidak munasabah kalau kita melaung di dalam akhbar-akhbar sahaja. Dan sebagai menteri, ahli-ahli politik juga cabar mencabar di antara satu sama lain. Yang pentingnya ialah kita memerlukan pendekatan baru mesti kita buat. Umpamanya sewaktu kita membahaskan rang undang-undang ini. Sepatutnya semua pengamal-pengamal undang-undang di negeri-negeri terutama sekali Undang-undang Mahkamah Syariah ini dijemput hadir untuk sama-sama memerhati perjalanan Parlimen ini, di manakah patut kita ubah suai, di manakah kita terima dan di manakah patut kita tangguhkan.

Tetapi biasanya kalau kita berada di Parlimen kita bahas undang-undang seperti ini sekalipun yang hadirnya pegawai-pegawai kerajaan, kalau di Kuala Lumpur ini ialah daripada JAKIM. Barangkali negeri-negeri tidak menghantarkan sama ada Exco yang bertanggungjawab tentang agama ataupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang berada di jabatan-jabatan agama masing-masing juga tidak hadir untuk memerhatikan perjalanan Parlimen ini. Ini saya rasa tidak adil. Sebab itulah saya yakin dan percaya perlu dipertingkatkan seminar-seminar dan pendekatan antara pegawai-pegawai, kakitangan dan juga Exco-exco yang berkaitan dengan agama ini untuk kita selaraskan sebelum kita membahaskan melalui akhbar-akhbar yang tidak menguntungkan kita ini.

Saya lihat dalam pembelaan, saya tidak hendak membela mana-mana negeri tetapi saya hendak menyokong dan berterima kasih kepada beberapa negeri yang sebahagian besarnya telah meluluskan masing-masing Undang-undang Keluarga Islam ini yang sebahagian besarnya kita boleh tiru dan ada juga yang melampau sangat terlalu tunduk kepada pandangan-pandangan daripada mereka yang terlalu hendak membela wanita ini dengan tidak memandang atau melihat kepada hukum-hukum Islam yang sebenarnya. Ini keterlaluan ada di antara negeri-negeri dan barangkali kalau kita lihat di saat-saat akhir ini *Sisters in Islam* saya tengok ini sudah melampaui batasan, kadang-kadang pandangan-pandangan mereka itu bercanggah dengan Islam

tetapi dia dihormati oleh Menteri kerana sebahagian menterinya menjaga kepentingan mereka itu, membela, mempertahankan pandangan-pandangan walaupun bercanggah dengan Islam. Ini cukup malang bagi saya dan ada di antara NGO-NGO yang dia...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yes.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat dari Rantau Panjang. Saya pun terbaca artikel yang di dalam *Utusan Malaysia* semalam oleh *Sisters in Islam* dan saya rasa itu pandangan yang munasabah. Jadi saya suka hendak tahu yang mana satu yang dikatakan terlampau yang dipandang dari kaca mata Islam. Bolehkah kita semua faham yang mana satu? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, satu minta penjelasan yang baik. Sebenarnya banyak, saya sudah kumpul juga akhbar-akhbar, tulisan-tulisan daripada penulis-penulis yang mengaku dirinya keluarga ataupun pemimpin dalam *Sisters in Islam* ini, tetapi kalau saya hendak huraikan dalam masa lima minit ini cukup-cukup terhad saya kerana banyak lagi perkara-perkara yang hendak saya sampaikan. Insya-Allah, selepas ini saya akan bincang bagi satu persatu apa yang bercanggah dengan Islam yang dikeluarkan oleh pihak *Sisters in Islam* ini. Terutama sekali perkara-perkara sebahagian besarnya menggunakan akal (*akli*), tidak menggunakan kaedah-kaedah, tidak menggunakan hukum-hukum. Walau bagaimanapun, oleh kerana barangkali Menteri tidak ada peluang untuk menjawab ataupun ada kepentingan politik masing-masing menyebabkan perkara itu dibiarkan berlalu. Apa yang saya sebut sini ialah masalah-masalah yang disebutkan oleh sahabat-sahabat kita tadi - penyelesaian, penyeragaman yang perlu kita buat dengan ikhlas.

Saya melihat, kita bangkit terutama sekali tentang fasal yang berkaitan dengan poligami yang hendak dipoligami. Memang kalau kita lihat betul-betul tidak perlu kita ada paksaan ataupun undang-undang peraturan yang menyekat seseorang itu untuk berkahwin dua, untuk menjadikan keadilan dan sebagainya. Kalau kita lihat dalam pengajaran Al-Arqam, tadi sahabat saya daripada Jasin sebut berkenaan dengan Arqam.

Sebenarnya dalam Arqam ini ada satu *key*, ada satu petunjuk yang menyebabkan sebahagian besar di kalangan wanita-wanita dalam Arqam ini yang diberi peluang ataupun mengizinkan suami masing-masing kahwin dua. Saya lihat satu kertas kerja yang di bentang dalam Pentarbiahan ataupun Tarbiah di kalangan isteri Arqam. Dalam masa satu minggu pagi, tengah hari, petang, malam sentiasa dibentangkan satu kertas bagaimana seorang itu berada di dalam syurga yang begitu indah, keadaan dalam syurga ini. Dia beri gambaran yang indah dalam syurga, dalam masa satu minggu.

Jadi otak yang telah ditarbiahkan oleh mereka ini melalui kertas kerja tersebut menyebabkan seorang isteri itu merasai begitu indahnya berada di dalam syurga ini. Tetapi minggu yang keduanya dibentangkan pula satu kertas, kertas yang mengatakan perkara-perkara yang menyebabkan seorang isteri itu tidak dapat masuk syurga. Dia bagi tidak sampai satu minggu pun, dua tiga hari sahaja, kertas yang menghalang seseorang isteri itu daripada memasuki syurga ialah satu-satu dia bagi.

Akhirnya apabila mereka ini merasai begitu indah berada di syurga, mereka ini merasa begitu banyak perkara-perkara yang boleh menghalang mereka daripada masuk syurga ini yang menyebabkan mereka itu mengizinkan suami-suami masing-masing berkahwin satu dan dua. Itu cara pendekatan yang dibuat. Tetapi kita membuat satu undang-undang dan peraturan. Ia menyebabkan kadang-kadang satu perkara yang yalah kita tidak menggunakan satu kaedah yang digunakan oleh Arqam.

Saya tidak memuji Arqam tetapi ada kaedah Arqam ini. Cuma apa yang berlaku di sini ialah barangkali pihak kerajaan merasai keadaan sudah cemas dan keadaan sudah darurat yang menyebabkan kita perlu mengadakan sekatan-sekatan kepada suami-suami yang sebahagian besarnya sudah nampak perkara-perkara yang tidak patut dilakukan kepada isteri masing-masing dan pihak kerajaan membuat satu sekatan awal, membuat satu peraturan lebih awal lagi supaya perkara ini barangkali bimbang takut berlarutan.

Bagi saya perkara ini tidak perlu lagi, tadi sahabat saya daripada Larut ada sebut, dia kata sepatutnya perkara ini tidak dimasukkan di dalam Parlimen lagi untuk dibahas untuk dijadikan satu undang-undang atau untuk dipinda. Larut mengatakan

lebih baik kita menguar-uarkan dahulu, kita hebohkan dahulu kepada seluruh umat Islam supaya mereka itu memahami keadaan yang sebenarnya. Cadangan itu cukup-cukup baik pada pandangan saya kerana inilah satu keadaannya.

Kalau kita membuat satu undang-undang peraturan, kadang-kadang ada orang protes apabila mereka itu jahil di dalam undang-undang peraturan yang kita kemukakan di sini, yang kita luluskan di sini dan kita pinda di sini. Tetapi kalau mereka itu telah memahami terlebih dahulu, mereka akan menerima dengan keadaan yang baik, barangkali mereka akan sokong 100%, mereka bukan sokong sahaja mereka juga akan melaksanakan apa yang kita diputuskan di sini. Bukan setakat kita hendak bercakap kita pinda di sini dengan rakyat yang tidak mengetahui, keadaan yang sebenar, hala tuju kita. Akhbar-akhbar pun barangkali dia siar perkara-perkara yang dia rasa sesuai dengannya.

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kuala Terengganu ya dipersilakan.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat, tadi disebut tentang masalah Kelantan tetapi sebenarnya Kelantan sudah lulus sebenarnya. Jadi kenapa ditimbulkan pula isu ini sebenarnya telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan dan kenapa pula dibangkitkan isu tentang tidak sampai maklumat dan bermacam lagi, kalau dapat memberi penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya terima kasih. Saya tidak berbangkit Kelantan, barangkali negeri-negeri lain yang saya maksudkan. Kelantan sebelum diluluskan juga telah pun dihebahkan kepada rakyat terlebih dahulu. Dia buat satu *discussion*, dia buat forum terlebih dahulu, dia panggil beberapa kumpulan masyarakat. Untuk hendak meluluskan sesuatu rang undang-undang itu tidak mudah, kita bukan tergopoh-gapah. Tetapi apa yang saya disebutkan di sini barangkali ada di antaranya terutama sekali di Wilayah Persekutuan ini, sebab itulah kita tengok di Wilayah ini merupakan satu tempat yang banyak berlaku demikian.

Jadi kalau kita dedahkan kepada rakyat dahulu, biar rakyat membaca semua ini dahulu ataupun pindaan-pindaan ini juga barangkali tidak semuanya dimasukkan dalam akhbar-akhbar. Pindaan saya tidak tahulah sama ada, ada akhbar yang masukkan keseluruhannya pindaan-pindaan yang kita hendak buat ini seksyen demi seksyen saya tidak tahu. Tetapi saya melihat sepatutnya sama ada undang-undang akta ibu yang ada di sini, ini pun barangkali sebahagian besar di kalangan rakyatnya, ini pun tidak diketahui oleh umum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kesimpulannya, oleh kerana saya diminta untuk gulung, saya hendak menyebutkan di sini ialah tidak cukup sekarang kita buat pindaan di sini. Barangkali sebelum kita buat pindaan ini, sepatutnya kita meminta semua negeri yang telah pun meluluskan rang undang-undang ini, di manakah ia sepatutnya kita baiki, kita tambah, di manakah yang patut kita buang, yang tidak munasabah, yang tidak sesuai dengan Islam patut dibuat demikian.

Jadi saya minta penjelasan daripada menteri, adakah telah pun dipanggil semua mereka yang bertanggungjawab? Sama ada pegawai kerajaan, sama ada orang politik seperti EXCO berkaitan, untuk kita berbincang bersama sebelum kita membaiki walaupun ini hak wilayah, tetapi negeri-negeri lain juga perlu kita ambil contoh, yang baik kita ambil contoh, yang tidak baik kita buang.

Ini cara Islam kita kena ada satu pakatan yang baik, melalui syura dan sebagainya melalui *discussion* di kalangan semua pihak sama ada orang politik, pihak kerajaan, masyarakat umum dan sebagainya. Sebab akta-akta lain pun kita boleh buat. Kita tahu Parlimen sekarang sedang berjalan, turun ke negeri-negeri sebelum kita masukkan sesuatu perkara itu, terutama sekali bab jenayah ini, boleh buat, peruntukan telah ada, duit ada. Tetapi apakah hak berkaitan dengan Islam ini? Pihak kerajaan tidak bolehkah memperuntukkan wang sedikit supaya pegawai-pegawai khususnya, pegawai JAKIM turun ke bawah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Oleh kerana perkara ini adalah cukup, saya menyokong sebahagian yang munasabah dan sesuai dengan Islam, dan saya tidak menyokong perkara-perkara yang bercanggah dengan Islam, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Labuan, sila.

12.21 tgh.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersependapat dengan rakan-rakan saya bahawa pindaan ini adalah satu pindaan yang baik bukan sahaja melindungi kaum wanita, tetapi juga untuk meletakkan martabat lelaki ataupun suami sebagai seorang yang bertanggungjawab, adil dan saksama. Jika dibaca kepada pindaan, ada terdapat sekurang-kurangnya tiga perkara pokok di sini.

Pertama, ialah tentang layak atau tidak layak seseorang itu memohon untuk berpoligami.

Kedua, adalah pembahagian harta ataupun harta sepencarian dan saya ingat yang menjadi isu ialah keizinan untuk berpoligami dari isteri, dan jika kita tengok kepada pindaan hari ini, permohonan untuk berpoligami diputuskan oleh mahkamah.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang pertama ialah, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Jasin, disentuh dengan panjang lebar tentang pindaan ini, di mana yang cukup ketara ialah, jika permohonan dikemukakan pada mahkamah, isi borang, dan ditolak, apa akan terjadi kepada si pemohon dan pasangannya? Tadi kita dengar jelas bahawa alternatif lain ialah berkahwin di luar negara, dan jika balik mengisytiharkan telah berkahwin akan dikenakan denda. Bermakna ada *loophole* kepada individu-individu yang ingin berpoligami, jika tidak lulus di negara ini boleh bernikah di luar.

Soalan yang ingin saya tanyakan ialah, jika kita hendak pastikan bahawa rang undang-undang ini betul-betul boleh melindungi contohnya kaum wanita di negara ini, maka hukuman denda kepada mereka yang bernikah di luar negara harus dipinda. Bolehkah kita isytiharkan mereka yang bernikah di luar negara itu tidak sah nikahnya? Dengan berbuat demikian mungkin keinginan untuk bernikah di luar negara mungkin tidak akan timbul.

Jika tidak bermakna rang undang-undang yang ada di depan kita ini masih ada ruang untuk dieksploitasikan ataupun *it can be defeated* dengan cara bernikah di luar negara. Saya cukup setuju, saya ingat *unqualified to speak on this subject matter*. Saya cukup setuju kerana adalah malang jika seorang isteri itu berpoligami ataupun dimadukan maka harta sepencarian selama 25 tahun, tiba-tiba dikongsi oleh orang kedua. Dengan adanya akta ini yang lebih jelas, bahawa *whatever belongs to her for the last 25 years, belongs to her*, yang baru kena cari harta barulah. Ini sekali gus meletakkan bahawa martabat lelaki cukup tinggi, bermakna jika dia benar-benar layak dan berkemampuan, barulah dia berfikir untuk berpoligami. Jika tidak, asas kepada poligami ini sudah jelas, bahawa jika tidak mampu baik zahir ataupun batin, maka jangan dibuat, kerana jika dibuat dia akan menjadi mudarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan pertanyaan kepada pihak yang berwajib, jika permohonan ditolak, apakah ada rayuan? Jika ada rayuan apakah persepsi masyarakat, jika sekiranya rayuan itu besok diluluskan.

Bagaimana perasaan isteri pertama yang misal kata mula-mula cukup gembira kerana permohonan si suami untuk beristeri dua ditolak, tetapi setelah merayu diterima. Apakah ia tidak akan menimbulkan pelbagai andaian terutama kepada masyarakat bukan Islam, apatah lagi masyarakat Islam itu sendiri? Ini juga harus kita kaji. Seperti yang dibincangkan oleh teman-teman tadi, bahawa dalam menyentuh soal hukum hakam ini, sebenarnya saya setuju, kita tidak boleh menjawab atau memberikan jawapan dengan begitu mudah, kerana jika tersalah beri jawapan, buruk padahnya

kerana ini melibatkan agama. Jadi walaupun saya katakan tadi, saya menyokong akta ini, kerana kebbaikannya cukup jelas, cuma apa yang menjadi isu ialah bagaimana kepada pasangan yang ditolak, bernikah di luar dan balik, isteri tetap dimadukan. Undang-undang ataupun pindaan akta ini hanya mungkin dijadikan sebagai satu sekatan, tetapi sekatan yang tidak berkesan.

Saya sebelum ini mungkin tidak mampu bercakap, kerana jika saya tidak ditakdirkan menjadi wakil rakyat, mungkin saya tidak memahami masalah yang dihadapi oleh kaum wanita yang suaminya beristeri lebih pada satu, anak tidak dapat belanja, isteri tidak dapat nafkah, tetapi kedudukan sebagai wakil rakyat, membuka mata saya bahawa sebenarnya undang-undang ini wajar dikuatkuasakan dan seragamkan di seluruh negeri tanpa mengambil kira ego lelaki.

Sebenarnya kita tidak bersetuju kerana *we feel, we have been challenged*, macam mana saya hendak berkahwin lagi satu, mesti tanya isteri, atau mesti ke mahkamah. Sama ada kawan-kawan saya kata hantar SMS, tanya dalam Quran adakah yang mengatakan hendak kahwin dua mesti pergi mahkamah? Memang tidak ada.

Jadi inilah di antara beberapa perkara saya ingat pihak berwajib JAKIM, JAWI, kerajaan harus kaji kerana kita tidak mahu besok, setelah undang-undang ini diseragamkan, hanya terdapat empat buat negeri sahaja lagi, sedangkan ianya telah pun diluluskan oleh Mesyuarat Raja-Raja sekian lama hanya terdapat empat negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Kedah, Terengganu, Pahang manakala Perlis dan Pulau Pinang masih belum melaksanakan, bermakna ada enam negeri dan jika tidak diseragamkan seperti yang saya katakan tadi ada ruang untuk kita tewaskan pindaan ini, bermakna kerajaan harus memastikan jika kita ingin seragamkan undang-undang ini, maka semua negeri harus diminta menyeragamkan.

Yang Berhormat bagi Ketereh sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya cuma hendak mencelah sedikit sahaja iaitu saya tahu Labuan ada pengalaman dalam soal ini *because Labuan is practicing* poligami. Cuma, saya tidak tahu berapa? Duakah, tigakah, empat, wallahualam, saya tidak tahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *The spirit of this law*, semangat undang-undang ini adalah untuk memberi keadilan kepada yang satu, yang dua dan yang akan datang. So, daripada pengalaman Yang Berhormat bagi Labuan, apa pindaan ini? Apakah Yang Berhormat telah lakukan untuk menjamin keadilan itu berlaku, adalah [Bercakap dalam bahasa Arab] yang bermaksud, "Kalau tidak sanggup berlaku adil, satu sudahlah." Yang Berhormat sudah melanggar [Bercakap dalam bahasa Arab] iaitu lebih daripada satu, satu sudahlah.

Maknanya, sudah lebih, ikut yang pertama iaitu [Bercakap dalam bahasa Arab] Yang bermaksud, "kahwinlah kamu akan wanita itu, dua-dua, tiga-tiga atau empat-empat." Yang Berhormat ikut yang pertama. Tentu Yang Berhormat ada formula sebab sekarang ini Yang Berhormat di Labuan, Wilayah Persekutuan belum ada undang-undang ini. Tentu Yang Berhormat sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang adil, seorang Datuk Bandar kepada Labuan, seorang pemimpin besar, tentu Yang Berhormat ada formula untuk memberi keadilan ini. Kalau boleh, kita kongsi bersama. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh. Ya, betul saya pengamal. Yang rasmi dua.

Seorang Ahli: Tidak rasmi?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tidak ada, tidak ada. Tidak rasmi tidak ada. Yang rasmi ada dua. [Ketawa] Saya cuma hendak beritahu. Soal adil ini saya ingat, selebihnya Allah S.W.T yang menentukan. Saya dengan ikhlas Tuan Yang di-Pertua, berkongsi pengalaman. Sebagai seorang umat yang diberikan serba serbi kemampuan oleh Allah S.W.T, berpoligami ini ada baiknya, ada tidak baiknya. Baik kepada yang mampu, apatah lagi kepada yang tidak mampu. Saya baru bercakap dengan Yang Berhormat Menteri, tanya saya sekali, bolehkah tidak kahwin lagi satu?

Saya akan menasihatkan kawan saya jangan. *[Ketawa]* Dia akan tanya kenapa, kerana kamu kahwin dua.

Oleh kerana saya kahwin dualah saya kata jangan. Macam sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh katakan tadi, kenapa? Soal wang ringgit, hendak bagi rumah, walau sama, mahal besarnya tidak ada masalah. Hendak pakaian RM12,000 satu pasang, tidak ada masalah. Tetapi saya kata dengan Dato' Menteri tadi satu, pengalaman saya yang mengajar saya untuk sentiasa sedar. Sebenarnya masa Allah telah tentukan. Cuma ada 24 jam.

Masa yang kita tidak perlu berlaku adil kepada keluarga. Duit tidak ada masalah Yang Berhormat. Dia hendak RM10,000, duit tidak ada masalah. Selagi kita mampu, kita boleh bagi. Tetapi itu bukan soalnya kepada yang mampu. Bayangkan kepada yang tidak mampu. Tidak mampu wang ringgit, tidak mampu masa. Apa akan jadi kepada keluarga? Jadi, kalau tanya kepada saya, secara ikhlasnya, sekurang-kurangnya pindaan undang-undang ini membantu melindungi satu kaum dan juga membantu melindungi kita sebagai kaum lelaki, martabat kita supaya tidak dicop sebagai kaum yang tidak bertanggungjawab dan tidak berlaku adil secara terbuka.

Melalui pindaan ini sekurang-kurangnya orang tidak boleh mencemuh kita sebagai lelaki jika berpoligami kerana isteri kita pertama, tetap kita jaga. Ini kerana, andaian ataupun persepsi yang menyebabkan isteri-isteri pertama ini tidak bersetuju suami dia beristeri lagi kerana dia beranggapan, bila berkahwin lagi satu, dia akan diabaikan. Dengan adanya akta ini, insya-Allah sekurang-kurangnya dia akan tidur dalam keadaan yang cukup tenang, jika tidak aman. Sudah tentu tidak amanlah kerana dia bersedu. Tetapi sekurang-kurangnya dia tenang kerana dia tahu rumah yang dia tinggal sekarang tidak akan dibawa ke mahkamah oleh isteri muda untuk dikongsi dan diagih-agihkan oleh si suami. Jadi, itu kelebihan dan kebaikannya.

Cuma ada satu pihak yang lain, saya juga gagal untuk faham. Kenapa isteri-isteri pertama ini anti poligami? Padahal dia tahu yang jadi ibu tunggal kaum dia. Yang jadi janda kaum dia. Dia kata dia kasihan. Tetapi bila ada orang kasihan, hendak memelihara ibu tunggal, jadikan nombor dua, sudah kasihan dia bertukar jadi marah. Saya ada kawan Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sebelum saya benarkan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya ini dia *qualified*kah tidak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak bagi pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lebih penting saya ingin hendak beritahu kepada Yang Berhormat, ada lagi dua minit sahaja.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Labuan, terima kasih. Yang Berhormat bercakap dengan nada yang cukup tenang. Yang Berhormat bercakap tadi, saya bersetuju pandangan Yang Berhormat tentang kadang-kadang masyarakat kaum wanita sendiri memandang rendah kepada kaumnya sendiri. Tiada seorang manusia yang meminta perceraian ataupun kematian. Kadang-kadang suami meninggal, isteri itu jadi balu ataupun diceraikan tidak ada jodoh, jadi janda.

Tetapi apabila seseorang itu jadi janda dan balu, masyarakat, wanita sendiri berasa takut, tidak mahu berkawan, takut dia ini pi sambar laki dia dan sebagainya. Yang ini yang kita hendak kena faham. Takdir, bukan dia minta. Tanyalah isteri mana sekalipun Yang Berhormat, dia tidak mahu perceraian kerana itu bukan kehendak dia. Dalam Islam pun, Allah S.W.T harus tetapi dia murka, dia marah. Tuhan tidak seronok kalau kita bercerai.

Apakah sudah ditakdirkan sedemikian rupa bila jadi ibu tunggal, bila jadi janda? Di kampung pun orang tidak mahu berkawan dengan dia. Bila dia susah pun orang tidak tolong. Hari pertama mailah teriak laki mati insiden, apa semua, anak tujuh lapan orang. Akhir-akhir Wakil Rakyatlah hendak kena jaga. Anak hendak pi sekolah

tidak boleh dan sebagainya, cari kita. Kita kena atur *welfare* dan sebagainya. Persepsi ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Saya takut nanti Labuan tidak ada masa jawab. Masa untuk Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Persepsi ini harus dikikis oleh kaum wanita kerana ini menghina sesama wanita, kerana ditakdirkan sedemikian rupa. Adakah Yang Berhormat bagi Labuan bersetuju dengan pandangan saya? Ini Forum Perdana. *[Ketawa]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak letakkan beginilah Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan dengan adanya pindaan ini, akan meletakkan isteri-isteri pertama dalam keadaan yang cukup tenang untuk menerima hakikat bahawa akhirnya seseorang itu cuma akan berkahwin kerana sudah ditakdirkan oleh Allah S.W.T. Tidak akan jadi sesuatu perkara itu jika dia tidak menginginkan ianya terjadi. Mungkin untuk memastikan mereka ini pasrah menerima apa yang terjadi, mudah-mudahan dengan adanya pindaan ini, akan meyakinkan mereka bahawa tidak berlaku soal perebutan harta seperti Yang Berhormat bagi Ampang katakan tadi. Tidak mahu besok di kuburan bergaduhlah pula kerana tidak tahu yang suami ada dua, tiga isteri. Cara ini adalah cara terbaik untuk memastikan bahawa baik lelaki atau isteri berada dalam keadaan yang aman harmoni.

Saya hendak habiskan satu cerita Tuan Yang di-Pertua. Saya ada kawan. Ini untuk isteri yang pertama ataupun wanita. Kalau hendak minta izin, dia orang ini memang tidak akan setuju Tuan Yang di-Pertua. Pujuk macam mana sekalipun, dia tidak akan setuju. Tanyalah, dia tidak akan setuju. Tidak tahulah Arqam macam mana dia buat. Tetapi kalau yang waras dan normal itu, dia akan cakap tidak setuju. Saya ada satu teman. Kita hendak ke Mekah ini, hendak buat umrah. Cerita punya cerita, dia tahu saya kahwin dua. Saya kata, alhamdulillahlah, ini jodoh. Selepas itu saya bergurau, saya kata insya-Allah, isteri saya ini besok di akhirat dapat payung emas. Dia boleh sensitif. Dia kata saya tidak mahu. Tuhan bagi payung emas pun saya tidak mahu.

Saya tidak mahu suami saya kahwin lagi satu. Bermakna sikap tidak mahu berkongsi itu telah ada. Inilah yang menjadi punca kepada suami kahwin curi-curi, suami berpoligami curi-curi, puncanya. Kerajaan melalui JAKIM dan Jabatan Agama ingin memastikan supaya perkara ini tidak berlaku. Tetapi itulah seperti saya katakan tadi, mampukah kita pastikan pindaan undang-undang ini melindungi seperti mana yang kita hajati.

Akhir kata daripada saya Tuan Yang di-Pertua ialah, yang pertama saya memohon kepada JAKIM dan juga kepada Jabatan Agama, soal poligami ini soal yang cukup sensitif. Bermakna, jika you tolak, pasangan yang ditolak tidak akan berhenti di situ.

Dia tidak akan abaikan pasangan dia. Dia akan berterus-terang. Maka, akan berlakulah perkara mungkar. Dia akan kata, saya hendak halalkan hubungan tetapi hakim tolak. Soalan ini akan timbul, siapa hendak tanggung dosa dia? Dia kata, saya hendak kahwin, saya hendak halalkan, tetapi apa boleh buat, ditolak. Ini di antara perkara-perkara saya ingat, harus dikaji, jangan besok... Saya tidak sentuh tentang kes bertindih-tindih yang tidak selesai. Jangan besok dengan memberi kuasa kepada mahkamah untuk memutuskan layak atau tidak layak sesuatu poligami, maka akan berlaku lagi banyak kemungkaran. Kerana apa? Kerana lebih banyak yang ditolak berdasarkan kepada atas kerja, dia tidak mampu. Seperti sahabat saya kata tadi, bagaimana mereka yang berpendapatan rendah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Itulah di antara pandangan saya dan dengan itu saya dengan ini, menyokong pindaan rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bismillahiirahmannirahim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk bersama-sama turut membahaskan dalam masa yang singkat ini

mengenai pindaan Akta Pindaan Rang Undang-Undang Keluarga Islam. Pertama, perbezaan di antara perkahwinan dalam Islam dan perkahwinan dengan orang Barat adalah sangat besar. Ini yang perlu kita faham. Dalam Islam perkahwinan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, untuk mencari zuriat, untuk membina keluarga, untuk mencari keluarga bahagia, untuk mengikut sunah Rasulullah membina ummah di masa akan datang. Sebab itu tarbiahnya adalah penting. Tetapi bagi kumpulan Barat, perkahwinan sebenarnya mencari cinta. Sebab itu dalam Islam, bila berkahwin anak itu didahulukan. Sebab itu orang Islam banyak anak, dua, tiga, empat, lima, enam. Saya sendiri tujuh, walaupun isteri satu.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Umur berapa?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Umur 49, Alhamdulillah. Kahwin umur 25 tahun, mengikut sunah Rasulullah. Perkahwinan dalam Islam ialah untuk membina keluarga bahagia, untuk mencari zuriat. Perkahwinan di kaca mata Barat ialah mencari cinta. Sebab itu saya tidak faham, kenapa TV3 mengikut sangat "mencari cinta" ini. Sebab itu di Barat, dia cari cinta, dia tidak mahu anak. Saya belajar di Australia, anak sudah ada satu. Kawan saya tanya, you are married? Yes, dengan izin. Bila saya menyambung pelajaran saya ke Kanada, saya dah ada anak empat. You have four? Dia sebut saya crazy, sebab dia tidak faham sistem undang-undang Islam bahawasanya kita membina keluarga.

Sebab itu akta ini tidak dikatakan akta poligami, dikatakan Akta Undang-Undang Keluarga Islam. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, tolong nasihatkan TV3 ini, jangan "mencari cinta", cari keluarga bahagia, bukan TV3 sahaja, semua benda-benda yang lain, yang program-program lain itu yang bagus itu, baguslah seperti Ilmuan Islam dan yang bagus itu teruskanlah tetapi yang itu, kenapa kita hendak ikut sangat Barat. Itu yang pertama yang saya hendak sebut.

Yang kedua, ada sahabat kita Yang Berhormat bagi Rantau Panjang mengatakan bahawa akta ini sebenarnya memberi sekatan kepada poligami. Sebenarnya sekatan dalam poligami ini sudah ada dalam Quran pun. Cuma tidak disebut sebagai sekatan kepada poligami. Akta ini sebenarnya tidak menyekat poligami. Akta ini sebenarnya mahu orang yang berpoligami berterus terang kepada dunia dan masyarakat, isteri dan keluarga, bahawa saya mahu kahwin satu lagi dan mesti memberi sebab-sebab mengapa dia mahu berkahwin satu lagi.

Sebenarnya kahwin satu lagi ini bukan satu perkara yang memalukan. Kenapa mesti malu untuk kahwin? Kahwin adalah satu perkara yang mulia, tetapi kita telah salah mentarbiahkan masyarakat kita sehingga melihat orang yang berkahwin dua itu menjijikkan, pada saya tidak. Kahwinlah dua, atau tiga, atau empat asalkan syarat-syarat yang dinyatakan ini diikuti. Maka saya yakin pindaan ini adalah sebenarnya untuk menjamin keluarga yang hendak berkahwin itu mendapat pembelaan setidaknya dari segi harta benda. Kerana soal keadilan, Allah sendiri menyatakan bahawa keadilan pada manusia ini sebenarnya tidak ada.

Saya baca ayat Quran, surah An-Nisa' ayat 129. Bismillahirrahmannirrahaim, (*Membaca sepotong ayat Quran*). Terjemahan dalam bahasa Inggeris: "*You are never able to be fair and just as between women even if it is your ardent desire. But turn not away from a women altogether*". Dalam bahasa Melayu saya ambil lebih senang: "...dan kamu tidak sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu". Maksud ayat ini, dari segi hati-hatinya Allah sudah menyatakan, bahawa walaupun kamu sudah mencuba, walaupun kamu mencuba, tak dapat, tetapi dalam waktu yang sama, kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung kepada yang kamu cintai, sehingga kamu berikan yang lain itu tergantung-gantung.

Di sebut dalam Quran, bahawasanya apa pun yang dibuat oleh manusia ini, keadilan dari segi hatinya tidak akan dapat dicari, tetapi undang-undang ini sebenarnya bukan soal hati, undang-undang ini ialah menentukan bahawa pembahagian harta untuk masa depan anak-anak dan isteri hendaklah dijamin. Jadi jelas pada kita, walau bagaimana cuba hendak adil sekali pun - Labuan bagi tahu, tidak akan dapat keadilan, kerana itu adalah sifat naluri manusia. Itu yang kedua.

Yang ketiga, saya hendak sebut di sini undang-undang ini dikatakan juga adalah kononnya menyekat kebebasan lelaki, pada saya tidak. Ianya juga dikatakan dalam televisyen, NTV7, macam-macam dikata kepada Yang Berhormat Menteri. Di sebut oleh Yang Berhormat bagi Labuan tadi bahawa kononnya dengan adanya undang-undang ini kita hendak tolak Quran, kita tidak pakai hadis. Sebenarnya dalam

Quran, undang-undang Quran itu memang lengkap, tetapi perkara *detail* tidak dinyatakan dalam Al-Quran dan kita sebagai sebuah kerajaan, kita mesti menggunakan kuasa yang ada untuk memberi takrifan-takrifan yang sesuai supaya keadaan masyarakat terjamin dan ini adalah salah satu di antara caranya ijtihad daripada pihak kita bahawasanya bagaimana kita hendak menjamin keluarga bahagia.

Tetapi sebelum saya terlupa, sebelum saya pergi lebih jauh, kita memusakai pemerintahan negara ini daripada penjajah. Saya terpaksa tengok jam selalu, kerana masa terhad dan saya dapat nota daripada Tuan Yang di-Pertua kerana nak beri peluang ramai orang berucap.

Masalah pentadbiran agama Islam ini sebenarnya masih belum sempurna dalam negara kita, sebab itu ada golongan pembangkang mengatakan kita masih dikawal oleh perlembagaan taghut. Satu ketika dulu, pihak PAS mengatakan demikian. Kita telah mengadakan banyak pindaan. Di antara pindaan-pindaan yang kita telah buat ialah pindaan dalam Perlembagaan 121(a), iaitu menyatakan bahawa semua kes-kes syariah yang dahulunya tidak boleh dicabar di mahkamah sivil, sekarang ini, dengan pindaan ini, tidak boleh dicabar lagi di mahkamah sivil. Tetapi ini memberi semangat kepada undang-undang Islam bahawa keputusan mahkamah syariah jangan lagi dikacau oleh mahkamah sivil.

Tetapi kebenaran ini hanyalah ada kepada *spirit*nya sahaja, tidak kepada pelaksanaan, kerana pada masa ini saya dapati banyak kes-kes kita dalam soal agama, soal pembahagian pusaka, soal wasiat dan soal kalau ada isteri yang masuk Islam, suaminya belum masuk Islam atau suaminya masuk Islam isterinya belum masuk Islam, masih belum boleh diputuskan oleh mahkamah syariah. Maka saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, supaya melihat pindaan-pindaan seterusnya sama ada dalam akta pusaka, akta wasiat atau akta-akta lain bagi membolehkan semangat yang telah ada pada 121(a) ini boleh dijalankan agar perjalanan pentadbiran agama Islam di negara ini akan boleh berjalan lancar dan kita tidak lagi dituduh untuk tidak memelihara kedudukan dan keadaan agama kita sebagai agama rasmi negara.

Saya hendak minta sangat perkara ini, sebab apa yang ada hari ini 121 ini hanya ada pada semangat sahaja. Ada kes baru-baru ini berlaku, isteri masuk Islam, suami masih belum Islam. Apabila isteri pergi menuntut harta kepada suaminya, mahkamah syariah tidak boleh buat keputusan kerana pada hari ini mahkamah syariah adalah hanya untuk orang Islam sahaja. Ada pindaan tetapi ianya tidak bermakna kerana hanya ada pada *spirit*nya sahaja tetapi tidak ada pada pelaksanaannya.

Keempat, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk menyatakan bahawa yang penting dalam pembinaan keluarga Islam ialah sebenarnya bukan akta, bukan undang-undang, yang pentingnya ialah soal tarbiah. Kenapa pergerakan Darul Arqam boleh meyakinkan wanita boleh menerima poligami ini dengan begitu senang? Bukan soal ganjaran syurganya sahaja tetapi kerana tarbiahnya betul, pendidikannya betul.

Sebenarnya wanita sendiri mesti memahami kenapa seorang suami itu hendak berkahwin. Saya ada seorang sahabat, dia anak teruna berkahwin dengan janda ada anak 4 – “*buy one get four*”. Dia kahwin satu dapat anak empat. Dia tidak dapat anak, 25 tahun dia berkahwin dengan isterinya ini tidak dapat anak. Bila dia pergi jumpa doktor, doktor kata dia sihat, isterinya sihat dan isterinya pula ada bukti, “Saya pernah dapat anak dengan suami yang lain, menunjukkan saya boleh beranak dan yang tak dapat anak ialah you”. Tidak tahu macam mana oleh kerana dia takut tak jadi kahwin selama 25 tahun tetapi akhirnya dia kahwin dengan seorang janda juga.

Kenapa dia kahwin janda? Sebab dia tahu kalau dia kahwin dengan janda yang ada anak, sudah terbukti dia ada anak. *This time* dia kahwin, “*buy one get two*” – dia kahwin satu, anak dua, jadi anaknya jadi enam orang. Pun tak dapat anak. Empat tahun dia kahwin tak dapat anak juga. Jadi terbuktilah oleh kedua-dua isterinya bahawa yang tak dapat anak ialah dia. Tetapi tak tahu bagaimana apabila usianya 53 tahun *last year* barulah dia berjumpa seorang gadis di Thailand, gadis ini *convert*, masuk Islam berkahwin dan dia dapat anak. Jadi dengan isteri yang ketiga ini dia dapat anak. Jelas terbukti di sini bahawasanya kalau kita ambil kata dua wanita tadi “Kamu tidak dapat anak kerana kahwin dengan aku”, tetapi dia kahwin dengan yang ketiga dapat anak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh minat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya hendak mencelah sedikit sahaja.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Masa tidak berapa ada, saya minta bagilah saya sampai habis, sambung petang. Ada sembilan minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita akan ikut masa yang ditentukan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Pasal apa bunyi banyak anak tadi, Tuan Yang di-Pertua. *[Menyebut hadis dalam bahasa Arab]* Tak usah terjemahlah. Nabi s.a.w. kata "*Aku suka kahwinlah banyak-banyak, banyak anak aku suka*". Di hari kiamat pun dia suka lagi kerana kekuatan kepada kita tetapi kalau beranak banyak macam Arqam itu, saya dengar ada sebut Arqam tadi, sebenarnya dia pukau bukan guna ayat Quran atau hadis. Saya pun baca tetapi isteri tak bagi. Sodek naik semacam. Sebenarnya, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh, setujukah apabila Majlis Raja-raja sudah membuat keputusan rang undang-undang ini pada 22 Mac 2001 semua negeri bersetuju hendak *implement*, kenapa Perlis dan Pulau Pinang sudah lulus tetapi tidak dilaksanakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Dia ada Menteri Besar maka biarlah Menteri Besar yang menjawab. Kalau saya jadi Menteri Besar, saya boleh jawab. Saya belum jadi Menteri Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu hari nanti.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Satu hari nanti *Insya-Allah*, mungkin Menteri Besar Kelantan bila kita menang *next election*, *Insya-Allah*. *[Dewan ketawa]*

Saya hendak berbalik kepada soal zuriat, itu yang saya sebut daripada mukadimah saya ialah soal kadang-kadang wanita tidak memahami bahawa poligami ini dia kata sebenarnya nafsu semata-mata. Sebenarnya tidak. Ada alasan-alasan yang membolehkan orang lelaki ini kahwin. Saya ada seorang sahabat lagi, masalah yang sama. Akhirnya bila dia kahwin kali kedua dia dapat anak dan isteri pertamanya minta supaya dia diceraikan kerana dia tidak faham bentuk poligami. Saya cuba kaunselor, saya pula ditegur oleh isterinya kerana cuba jadi kaunselor. Saya kata inilah masalahnya ialah kerana pendidikan.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada kementerian selain kita buat akta sebenarnya ialah soal tarbiah. Banyak orang silap faham tentang poligami sebenarnya. Mereka melihat poligami dari sudut berkongsi semata-mata. Memang kalau hendak tengok dari segi biologi perempuan itu dijadikan seperti mangkuk sementara lelaki itu dijadikan seperti sudu. Satu mangkuk mana boleh bubuh dua atau tiga makanan, dalca campur, kari campur, tak boleh makan. Tetapi satu sudu empat mangkuk pun tak apa. *[Ketawa]* Itu kejadian biologinya. Saya selalu menggunakan analogi ini kepada kawan-kawan saya yang hendak berkahwin. Kenapa tidak boleh terima? Maksud you macam mana? Ya, mangkuk walaupun makanan itu akhirnya masuk ke dalam perut dan dicampur tetapi kalau kita campur semua makanan dalam satu mangkuk, tidak boleh makan, tidak lalu, muntah, loya kita. Tetapi sudu satu pun tidak mengapa.

Sebab itu kadang-kadang kita pergi kenduri ada sudu sahaja tetapi tidak mengapa kita boleh masuk dalca pun tidak mengapa, kemudian kita ambil sini pun tidak mengapa. Itu maksud dari segi analogi yang biasanya. Sebab itu kita kena faham apa itu poligami sebenarnya dan kenapa ia dibolehkan oleh Islam. Untuk menjamin kebahagiaan inilah, maka akta ini dibuat untuk menjamin tetapi Akta ini hanya boleh menjamin dari segi pembahagian harta sahaja.

Ada pula kes-kes saya hendak minta penjelasan Menteri ialah mengenai dia kata ini harta sepencarian. Sebenarnya apa maksud harta sepencarian? Ini mesti ditakrifkan sebab ada di kalangan kita sekarang ini banyak wanita yang sebenarnya menanggung lelaki. Kita kena akui sekarang banyak pegawai tinggi kerajaan, minta maaf kalau ada terkena di luar, yang sebenarnya tidak kahwin lagi. Kemudian oleh kerana desakan kahwin ini terlalu kuat, akhirnya dia berkahwin dengan lelaki yang taraf sosialnya lebih rendah daripadanya. Saya pernah berjumpa dengan orang yang sedemikian. Bila dia kahwin dengan orang yang rendah taraf daripadanya, sebenarnya nafkah dicari oleh perempuan. Lelaki ini hanya jadi suami semata-mata suami sahaja nafkah pun dia tak bagi, dia hanya bagi nafkah batin sahaja, nafkah lain tak bagi. Maka bila sebut harta sepencarian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Bila sebut harta sepencarian, apakah harta sepencarian ini sebenarnya maksud yang suami cari atau yang isteri cari, isterinya rendah atau bagaimana? *This has to be defined* sebab kalau tidak, isteri yang bekerja yang ada duit banyak berkahwin dengan seorang lelaki hanya sebagai teman hidup sebab dia takkan tak kahwin, mesti juga rasa nikmat perkahwinan sebab dalam Islam orang yang tidak mahu kahwin ini Nabi kata bukan umatku, kalau sengaja tidak mahu kahwin. Tetapi dia hendak kahwin macam mana orang tidak minta dia. Orang tidak hendak dia kerana dia berpangkat tinggi dan bergaji mahal. Kalau rupa dia cantik sangat maka lelaki pun takutkan dia. Ataupun rupa dia tidak berapa cantik. Ini banyak masalah.

Maka dibolehkan poligami dan ada pula pegawai-pegawai kerajaan ini atau orang-orang yang makan gaji ini atau wanita-wanita yang berjaya ini sanggup jadi isteri muda. Terutama orang-orang yang macam kita ni, saya pun tidak tahu kenapa dunia sekarang ini di mana orang lelaki makin tua makin laku. Saya tidak faham, betul. Saya memang tidak faham. Saya semasa muda dahulu tidak berapa laku orang tengok, tidak *handsome* tetapi sekarang.... [*Dewan riuh*]

Bukan saya hendak kata saya laku, tetapi sekarang sebenarnya saya tidak berani langsung untuk menonjolkan diri ke hadapan sebab takut. Sebab banyak wanita mencari perlindungan dan perlindungan hanya mereka perolehi daripada lelaki-lelaki yang telah berjaya dan kita hanya berjaya apabila sudah berumur 40 tahun ke atas. Masa umur 20 tahun sama-sama naik motosikal atau jalan kaki. So bila makin tua dah laku maka inilah timbul orang hendak. Bukan soal kita hendak pun tetapi orang hendak. Kita pula menggatal hendak maka akhirnya terjadilah perkara ini. Jadi kita dikatakan menyekat poligami. Sebenarnya poligami ini adalah merupakan lumrah manusia untuk menyelesaikan masalah dunia – masalah sosial masyarakat. Maka sekali lagi saya hendak ulang kita mesti mentarbiahkan secukupnya kepada masyarakat terutama wanita, apa itu poligami, kenapa poligami perlu...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Aa, bagi, bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Ketereh kata yang poligami ini adalah untuk menyelesaikan masalah sosial. Jadi saya hendak tanya, bolehkah Yang Berhormat memberi bukti-bukti atau contoh yang terperinci dengan macam mana poligami boleh menyelesaikan masalah sosial kerana pada pandangan saya poligami selalunya juga mendatangkan atau menyumbang kepada masalah sosial. Jadi kita melihat penduduk dunia ini setengahnya kaum lelaki dan setengahnya kaum perempuan. Kalau setiap lelaki dibenarkan berpoligami ada 4 atau 10 isteri, jadi ini akan menyebabkan ramai kaum lelaki lain tidak ada peluang untuk berkahwin.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Ok, yang pertama Yang Berhormat sudah kahwin ke belum? Ok, saya boleh beri satu contoh yang saya kata boleh menyelesaikan masalah. Dalam kawasan saya ada seorang berbangsa Rohingya, dia lari dari Burma. Semasa dia lari dari Burma dia ada seorang isteri dan dua orang anak. Dia lari dari Burma namanya Abdul Ghapur, [*Disampuk*] bukan Ghapar. Saya panggil dia Ghapur. Dia lari dari Thailand dan daripada 4 orang anak yang dia bawa lari 2 orang. Seorang mati ditembak di Thailand. Bila dia datang ke Malaysia 10 tahun yang lepas, dia ada seorang anak kecil dan dia tidak tahu bagaimana hendak jaga. Akhirnya ada seorang perempuan Rohingya yang lain lari maka dia pun berkahwin dengan perempuan tersebut. Dia berkahwin kerana hendak jaga anaknya. Dia berkahwin dengan perempuan Rohingya yang satu lagi.

Selepas 5 tahun, isterinya itu juga lari dari Myanmar dan datang ke Malaysia dan bertemu dia. Dia kata macam mana saya hendak buat. Isteri pertamanya datang berjumpa dengan si Abdul Ghapur ini dan kata saya, "Isteri awak bawa anak 2 orang yang lari ini". Dia pun susah hati sebab dia sudah 5 tahun tinggal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Sikit sahaja lagi. Biar saya habiskan cerita. Cerita tergantung tidak sedap Tuan Yang di-Pertua. Kemudian oleh kerana isteri dia tu tidak pernah diceraikan maka dengan sendirinya dia ada dua orang isteri. Dan pada masa operasi ops baru-baru ini, oleh kerana tidak ada tempat hendak lari mereka lari ke rumah saya kedua-duanya. Dan itulah kali pertama mereka duduk bersama dua dan saya mengetahui cerita ini. Saya kata "Kamu ni Ghapur sudahlah miskin, yang itu sudah dapat anak tujuh orang, yang itu dah dua orang jadi sembilan orang. Anak dah ramai macam mana kamu hendak pelihara?" "Macam mana saya mahu buat Yang Berhormat..." Dia cakap bunyi macam orang India sedikitlah. "...ini bukan saya tinggal dahulu saya kena mati sekarang saya duduk saya tidak boleh pelihara anak ini maka saya kahwin satu lagi. Ini sudah mari takkan saya mahu tinggal" Maka akhirnya dia menyelesaikan masalah dia iaitu dahulu dia datang hendak pelihara anak, dia kahwin baru lalu isteri yang datang dia tidak boleh tinggalkan. *So now he has two wives.*

Kalaulah tidak ada undang-undang poligami dalam Islam yang membenarkan perkara ini, masalah tadi tidak selesai. Itu contohnya dan banyak lagi contoh-contoh lain kalau ada masa saya boleh ceritakan. Saya ada nota yang cukup tebal. Saya bercadang hendak berucap panjang tetapi masa sudah dihadkan tetapi konklusinya, penutupnya saya menyokong undang-undang ini tetapi undang-undang ini bukan hanya untuk menyekat poligami tetapi undang-undang ini adalah untuk membina keluarga bahagia dan keluarga bahagia hanya boleh dibina melalui tarbiah dan pendidikan yang betul tidak melalui akta-akta. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Yang Berhormat boleh berucap pada jam 2.30 petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula dengan ini saya menjemput Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

2.33 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terus membahaskan pindaan kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Yang di-Pertua, apabila diumumkan bahawa pindaan kepada akta ini akan dikemukakan di Parlimen pelbagai reaksi daripada orang ramai. Ada yang berpendapat, memperketatkan syarat untuk kaum suami berpoligami yang mana ia akan membawa lebih banyak masalah, ada yang berpendapat bahawa ia membela isteri pertama atau mengelakkan habis harta untuk isteri kedua. Malahan tidak kurang juga kaum isteri yang senyum lebar berkata bahawa suami akan berfikir sepuluh kali sebelum berpoligami.

Menteri Wanita kita juga dilaporkan bahawa ia akan membawa keadilan dan juga menanggung kesusahan akibat daripada kesan poligami yang akan dilalui oleh isteri pertama ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan kepada Seksyen 23 yang atas dasarnya memberi perlindungan kepada isteri pertama tetapi saya risau, saya amat risau niat baik kerajaan ini tidak akan terlaksana. Saya bagi beberapa alasan mengapa saya risau. *On the paper*, dengan izin, ia jelas cantik, sempurna tetapi kerisauan saya mempunyai alasan. Satu, kerana Seksyen 23 ini jika dibenarkan saya membaca:

"Seksyen 23(9)

Tiap-tiap Mahkamah yang memberikan kebenaran atau memerintahkan supaya suatu perkahwinan didaftarkan di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan itu-

- (b) *untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan itu melalui usaha bersama mereka dibahagikan antara mereka...."*

Perkataan yang saya ingin ambil "*...ialah atas permohonan mana-mana pihak.*" Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat isteri-isteri yang tidak bekerja adalah suri rumah tangga, ramai yang tidak tahu di mana aset suami mereka. Saya bagi contoh ada kes di mana suami meninggal atau yang memohon untuk cerai dan dia ada hak untuk memohon harta dibahagikan. Mereka tidak tahu di mana harta suami, berapa gaji suami tidak tahu, berapa saham-saham, di mana, mereka tidak tahu dan dalam kes ini mahkamah hanya akan memerintah pembahagian aset jika ada permohonan daripada mana-mana pihak. Jadi, saya risaulah suri rumah tangga yang tidak tahu, isteri yang tidak tahu. Mereka kalau pohon mereka kena buktikan di manakah aset-aset si suami, satu.

Yang kedua, ada si suami yang akan berkata, saya tidak akan pohon untuk daftar perkahwinan dahulu, saya kahwin di negara jiran dahulu. Selepas itu, harta-harta ini, aset-aset ini saya pindah, saya jual dulu, saya pindah kepada nama waris ahli keluarga saya yang lain atau kepada bakal isteri ini. Jadi, ini akan ditinggalkan apabila permohonan dikemukakan oleh isteri pertama, berapa dia boleh dapat? Inilah kerisauan saya dan saya haraplah kalau boleh pihak kementerian, pihak kerajaan kalau lebih prihatin mahu betul-betul bagi perlindungan kepada isteri pertama,, agar dipinda Seksyen 23. Saya pohon dipinda, "*...atas permohonan isteri-isteri yang sedia ada.*" atau dengan izin, "*...apabila mahkamah berpendapat ia patut. When the court thinks fit.*"

Ini bermakna juga isteri pertama tidak akan rasa tidak berani untuk meminta. Saya rasa ini adalah biasa, Tuan Yang di-Pertua, apabila suami didapati ada perempuan simpanan di luar atau hendak ceraikan dia. Biasanya wanita, bukan semualah, ada wanita yang merasa apakah kekurangan saya? Apakah saya tidak cukup baik, apakah salah saya? Mereka akan rasa mempunyai perasaan sedemikian. Apakah saya tidak secantik semolek perempuan yang sekarang di sisi suami saya ini? Mengapa suami saya mahu ceraikan saya? Banyak kes mereka datang, isteri-isteri datang kata, "*Suami nak ceraikan kerana dia ada perempuan lain.*"

Dia di pejabat tidak cukup cantik, mereka pergi memperbaiki diri, salahkan diri sendiri. Jadi, kalau Seksyen 23 ini mempunyai peruntukan atas permohonan mana-mana pihak saya percaya ramai isteri pertama juga tidak berani pohon, takut, "*Kalau saya pohon lagi, hendak minta lagi, suami mungkin akan ceraikan saya.*" seperti yang sebelum ini ada dibangkit oleh Ahli Parlimen dari sebelah sana. Jadi, saya pohon kalau boleh dipinda kepada permohonan oleh isteri. Sebab yang lain ialah boleh timbul si isteri ini yang bekerja keras, si suami dia punya pendapatan lebih kurang sedikit daripada si isteri ini. Jadi sumbangan kepada aset-aset si isteri ini lebih banyak. Mungkin suami yang ingin berpoligami ini akan mengambil kesempatan. Wah! Dia berpoligami lagi selepas itu dia pohon lagi minta, bukan pohon oleh si isteri tetapi si suami ambil kesempatan untuk pohon.

Jadi, saya pohonlah, kalau boleh, kalau hendak beri perlindungan kepada si isteri Seksyen 23(9) ini perlu dipinda, "*...atas permohonan isteri atau apabila mahkamah berfikir atau berpendapat ia adalah perlu.*" *When the court thinks fit*, dengan izin. Ini boleh betul-betul memberi perlindungan kepada kaum wanita dan seperkara lagi saya tadi ada katakan adalah pelaksanaan niat baik kerajaan. Saya risau sebab sering kali, jangan kata di Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil, apabila perintah mahkamah telah diberi untuk nafkah atau hak penjagaan kanak-kanak, sering kali bagi contoh nafkah sudah bayar dua tiga bulan selepas itu tidak bayar, sama dengan kes ini.

Saya risau walaupun mahkamah telah memerintah harta sepencarian ini dibahagikan atau dijualkan, si suami sudah daftar perkahwinan lepas itu melambatkan pelaksanaan perintah yang diberi oleh mahkamah. Saya bagi contoh nafkah, dalam kes sivil bila mahkamah memberi perintah untuk memberi nafkah, kerap kali sudah bayar dua, tiga bulan tidak bayar, si suami tidak bayar si isteri kena lari ke mahkamah.

Lepas itu waran tangkap dikeluarkan, si suami dibawa masuk ke penjara, apa terjadi? Si isteri perlu bayar untuk kos kehidupan pula untuk si suami yang telah dimasukkan dalam penjara. Apakah situasi ini juga akan timbul? Apakah mekanisme yang sedia ada untuk memastikan bahawa Seksyen 23 niat pihak kerajaan ini akan

terlaksana dan tidak sampai sudah perkahwinan berpoligami sudah berkahwin telah didaftarkan perintah telah diberi, perkahwinan (*marriage*) dengan isteri kedua telah di *consuming* lepas itu tidak dilaksanakan perintah ini. Apa *protection* yang ada? Apakah boleh pihak kerajaan fikir mungkin ditambah satu satu *subseksyen* yang mengatakan bahawa, “selagi perintah mahkamah untuk pembahagian aset ini tidak dijalankan, pendaftaran itu adalah digantung sementara selama dua, tiga bulan sehingga perintah pembahagian aset ini dijalankan.”

Ini saya rasa lebih selamat untuk kaum-kaum isteri yang sedia ada, jadi saya pohonlah kalau boleh pihak kerajaan boleh pertimbangkan aspek ini. Setahu saya juga tidak kuranglah saya baca dalam surat khabar ada Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk Seri yang berpoligami dan berkahwin di negara jiran.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Cik Fong Po Kuan: Saya sebenarnya mengharap-harapkan sebelum ini dalam perbahasan, sebelum ini saya ada bangkitkan ada hukuman kepada si suami yang kahwin di negara jiran ini dengan sembunyi-sembunyi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Cik Fong Po Kuan: Ini penalti dinaikkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha, Yang Berhormat Pasir Puteh sokong.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik tadi pasal dia sebut Tan Sri, Datuk termasuk saya jugalah. [*Ketawa*] Bolehkah tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi Yang Berhormat tidak pergi daftarlah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, saya hendak tahu bolehkah tidak Yang Berhormat Batu Gajah nyatakan statistik yang sebenar itu, Tan Sri, Datuk yang kahwin secara itu, yang secara tidak betul itu.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengapa Yang Berhormat Pasir Puteh begitu gementar bila saya sebut Tan Sri, Datuk Seri, saya pun tidak tuju kepada dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi Yang Berhormat tentu tidak termasuk Yang Berhormat Pasir Puteh.

Cik Fong Po Kuan: Mereka sendiri tahulah sama mereka ada kahwin dekat negara jirankah atau tidak tanpa pengetahuan si isteri yang sedia ada, jadi tidak perlu begitu sensitiflah Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya rujuk kepada laporan yang mengatakan bahawa tidak kurang juga Datuk Seri, Tan Sri yang berkahwin di negara jiran. Saya sebenarnya mengharapkan Seksyen 123 di bawah akta ini dipinda, penalti yang begitu rendah sekali. Sekarang ini siapa yang berkahwin tanpa kebenaran mahkamah penaltinya hanya tidak lebih daripada RM1,000 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan.

Penalti ini terlalu rendah, Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri semua boleh mampu bayar. Tapi saya haraplah harapan ini akan boleh sedikit-sebanyak akan membuat mereka si suami yang ingin cuba tidak berlaku adil kepada isteri mereka dengan bersembunyi kahwin di negara jiran ini akan berhati-hati kalau ada satu peruntukan di mana hukuman yang lebih berat akan dikenakan ke atas mereka. Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya hendak bagi sedikit masa saya kepada Yang Berhormat Seputeh. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apabila Yang Berhormat Batu Gajah jadi speaker Yang Berhormat boleh buat demikian.

Cik Fong Po Kuan: Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua? Saya haraplah sebahagian sedikit masa saya, saya akan beri kepada dia, dia ada sediakan ucapan yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat sudah habis boleh duduk Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya haraplah apa yang saya telah bangkitkan tadi pihak kerajaan akan mengambil pertimbangan, jangan luluskan Seksyen 23 atau luluskan dengan mengambil kira cadangan yang saya kemukakan tadi di mana pindaan dimasukkan selepas “atas permohonan” dipotong “mana-mana pihak” diganti dengan “oleh isteri” dan diikuti pula “atau apabila mahkamah berfikir ia adalah patut.” Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat, wanita dari Barisan Nasional turut akan menyokong cadangan pindaan ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin membuat keputusan, pada jam 3.30 petang saya akan minta menteri jawab dan sebelum ini saya akan cubalah memberikan beberapa ramai yang boleh, jadi untuk memberikan lebih ramai boleh berucap terpaksa saya turunkan kepada masa, mengehadkan 10 minit bagi setiap Ahli berucap. Yang Berhormat Kemaman sila.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, banyak orang membuat pandangan yang *cynical* sebelum ini mengenai undang-undang. Kata mereka selalunya undang-undang itu dibuat bagi kepentingan si pembuat undang-undang, orang yang kaya selalunya membuat undang-undang untuk melindungi harta mereka dan usaha mereka untuk menambahkan kekayaan.

Orang yang berkuasa selalunya dikaitkan membuat undang-undang untuk menambah atau mempertahankan kuasa mereka dan sebagainya. Daripada itulah saya percaya bahawa kita berdiri dan kita berbincang hari ini mengenai dalam usaha kita untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 ini, tidak dilihat sebagai satu cara bagi kita membincangkan satu undang-undang bagi kepentingan kita di sini, apatah lagi oleh kerana majoriti Dewan ini dipenuhi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kaum lelaki ataupun jantina lelaki bagi kepentingan golongan orang lelaki. Sebaliknya undang-undang ini mestilah dilihat bagi kepentingan, keseluruhan masyarakat yang kita wakili.

Undang-undang ini saya percaya bukanlah bersifat antipoligami tetapi hanya untuk menguruskan mereka yang ingin berpoligami. Undang-undang ini juga bukan bersifat antilelaki kerana apa yang kita lihat di sini bukannya menyekat lelaki ingin berpoligami tetapi bagaimana untuk menguruskan kemungkinan-kemungkinan konflik berlaku di kalangan wanita-wanita itu sendiri iaitu di kalangan wanita yang menjadi isteri yang pertama atau isteri yang sedia ada dengan wanita-wanita lain yang ingin berkongsi kehidupan dengan suami yang mereka miliki sebelum ini, ataupun yang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, asas yang penting pada Undang-undang Syariah, Undang-undang Syariah yang baik itu ialah harus menjadi mekanisme kepada menyelesaikan masalah. Saya ulang sekali lagi, Undang-undang Syariah seharusnya menjadi mekanisme kepada penyelesaian masalah. Sekiranya undang-undang itu tidak berjaya memenuhi tujuan untuk menyelesaikan masalah, apatah lagi ia menjadi punca kepada masalah maka undang-undang itu bukanlah satu undang-undang yang baik. Pada hari ini kita harus melihat beberapa *symptom* yang dikaitkan dengan soal permasalahan yang berlaku di kalangan keluarga Islam, di kalangan orang Islam terutama sekali wanita-wanita Islam yang dikaitkan dengan soal keruntuhan keluarga mereka.

Kes Aida Mei Lee Tamim Talib yang pernah dihebohkan dalam media kita satu ketika dahulu adalah merupakan salah satu pada kes klasik di mana seorang wanita yang mengetahui tentang tindakan suaminya berkahwin secara rahsia dan selepas mempersoalkan tindakan suaminya itu beliau dipukul dan beliau meminta penceraian. Suami tidak mahu bercerai dan tiada nafkah diberikan kepada beliau. Dan setelah pun mahkamah memutuskan bahawa beliau berhak untuk mendapat penceraian dan setelah suaminya membuat rayuan selepas itu, tidak ada keputusan yang boleh diambil oleh Mahkamah Syariah itu sendiri dan ianya berlarutan selama tujuh tahun di mana sehingga campur tangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, perkara itu telah mendapat perhatian.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ini satu kes yang terpencil, tidak ramai wanita yang terpaksa ataupun berkebolehan untuk berjumpa mana-mana sultan ataupun raja-raja dalam negeri-negeri Melayu untuk menyatakan... silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kemaman, apakah ini bermakna bahawa apa juga akta, apa juga undang-undang yang akan kita kemukakan untuk ditimbang dan dilaksanakan, tetapi akhirnya sekiranya penguatkuasaan itu sendiri tidak dilaksanakan secara seadil-adilnya, maka tidak bermakna apa jua undang-undang tersebut. Sebagaimana contoh tadi telah mengheret seorang ibu, 7 tahun menderita dan melalui campur tangan orang-orang tertentu barulah selesai. Di manakah punca kesilapan ini? Apakah undang-undang itu sendiri tidak betul atau pelaksana itu tidak betul? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya berkongsi pendapat dengan saudara, inilah perkara yang saya ingin timbulkan di sini. Kalau disebutkan pada dasarnya bahawa undang-undang syariah ialah sebagai mekanisme untuk menyelesaikan masalah, maka saya telah sebutkan beberapa contoh masalah yang telah berlaku. Aida Melly misalnya, adalah satu contoh masalah. Dan kita telah mendengar, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu kita didatangi pelbagai masalah.

Di kalangan ibu-ibu tunggal, di kalangan mereka yang digantung tak bertali, mereka yang ditinggalkan, tetapi tidak mendapat nafkah sebagaimana yang telah diperuntukkan kepada mereka ataupun setelah wanita-wanita ini menuntut daripada mahkamah dan mahkamah telah memutuskan, bahawa kewajipan bagi bekas suaminya untuk membayar nafkah tetapi tidak diendahkan, tidak ada tindakan, tidak ada apa-apa penyelesaian yang dibuat, ini adalah satu perkara yang sering dan lazim kita dengar saban hari dan saban waktu.

Saya percaya pihak JAKIM dan pihak berkuasa agama negara kita telah membuat beberapa langkah yang positif ke arah untuk memperkukuhkan sistem pentadbiran agama di dalam negara kita, tetapi sehingga sekarang kita terus mendengar masalah yang sama terus berlaku dan terus berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini orang-orang melihat bahawa punca kepada masalah ini adalah lelaki itu sendiri. Kerana sifat yang tidak berperi kemanusiaan atau tidak memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab mereka sebagai suami, dan sebagai suami yang sentiasa merasakan bahawa undang-undang yang ada ataupun agama yang ada sentiasa *bias* kepada mereka. Sentiasa memberi kelebihan kepada lelaki. Lelaki boleh berpoligami, lelaki ada hak untuk menceraikan, lelaki ada hak untuk menguruskan keluarga dan sebagainya. Tetapi saya percaya, dalam soal ini, antara punca masalah yang perlu kita lihat, ialah tentang soal pentadbiran, sistem pentadbiran agama kita itu sendiri, yang perlu diperbaiki bagi mengurangkan soal-soal yang kita kaitkan dengan soal menjadi punca kepada masalah yang berlaku dalam negara kita, khususnya dalam pentadbiran agama dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang lama, tetapi kalau kita lihat bahawa ada kes yang lain misalnya, kes dua orang yang ditangkap kerana minum arak di Kuantan baru-baru ini. Mahkamah Syariah telah memutuskan bahawa mereka itu perlu disabit. Tetapi akhirnya, sebatan tidak boleh dibuat kerana terdapat beberapa percanggahan dalam undang-undang, tentang siapakah yang patut mengambil tindakan ataupun melaksanakan keputusan tersebut ataupun hukuman tersebut. Ini sekali lagi membayangkan bahawa kita boleh membuat undang-undang, apa-apa sahaja undang-undang.

Kita boleh memutuskan tindakan-tindakan yang keras kepada orang-orang yang melanggar peraturan-peraturan agama yang ada pada kita. Tetapi pelaksanaannya, sekali lagi kita bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan tadi, pelaksanaannya sahaja yang sekarang ini menjadi perkara yang sentiasa menjadi perkara yang berlegar di kepala kita. Kenapa pelaksanaan tidak dapat dibuat dengan berkesan? Ada yang mengatakan bahawa kelemahan yang ada dalam sistem pentadbiran kita kerana tidak cukup kakitangan-kakitangan. Tetapi kita sering mendengar, ada pegawai-pegawai pejabat agama di negeri-negeri tertentu yang dilihat lebih ghairah untuk membuat serbuan di pusat-pusat hiburan, serbuan kepada artis-artis, serbuan kepada orang-orang yang dikatakan berkhawatir dan sebagainya, serbuan terhadap orang yang dikatakan meminum arak di khalayak ramai.

Ramai orang yang bertanya kenapa serbuan tidak dibuat terhadap lelaki-lelaki yang setelah meninggalkan isterinya, yang mempunyai anak, tetapi tidak membayar nafkah, tidak menyediakan, memenuhi tanggung jawab terhadap anak-anak yang ditinggalkan? Kenapa serbuan tidak dibuat dan tindakan tidak dibuat kepada mereka yang menggantung isterinya tanpa bertali? Kenapa tindakan tidak dibuat kepada mereka yang telah melanggar undang-undang yang berkaitan dengan soal tanggung jawab mereka kepada keluarga mereka? Benar, minum arak itu adalah satu kesalahan, berkhawat, bersekedudukan itu adalah kesalahan. Tetapi ramai yang berpendapat bahawa ini adalah kesalahan antara mereka dengan Tuhan. Tetapi tanggungjawab seorang bapa yang gagal untuk memenuhi tanggungjawab mereka kepada anaknya sendiri. Kenapa tidak ada tindakan yang keras diberikan kepada mereka?

Saya bercadang di sini, bagaimana akhirnya, seluruh sistem pentadbiran agama kita, diberikan satu nafas yang baru, diberikan satu pembaharuan bahawa undang-undang ini tindakan-tindakan yang lebih tegas boleh diambil kepada mereka sebagaimana yang kita lihat berlaku di dalam mahkamah-mahkamah sivil misalnya. Kalau orang yang tidak membayar nafkah, bolehkah kita membangkrapkan mereka? Bolehkah kita penjarakan mereka? Bolehkah tindakan yang keras dikenakan kepada mereka? Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Kemaman, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan tindakan undang-undang, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita menghadapi masalah di segi Mahkamah Syariah ini disebabkan oleh *facilities* ataupun kemudahan-kemudahan, contohnya tidak semua daerah yang mempunyai Mahkamah Syariah sendiri. Dan dari segi pegawai-pegawai Mahkamah Syariah, pegawai-pegawai di jabatan-jabatan agama begitu berkurangan. Jadi, ini menyebabkan kadang-kadang undang-undang yang kita bahas dan luluskan tidak dapat diimplementasikan. Tidak boleh dikuatkuasakan.

Jadi, boleh tak Yang Berhormat, kita mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam, kita hendak membuktikan bahawa Islam adalah agama yang adil, agama yang bertanggungjawab, agama yang mengikut peredaran masa dan zaman. Jadi kalau undang-undang ini tak boleh dipercepatkan, hukuman tak boleh dijalankan disebabkan kekurangan pegawai-pegawai hakim, kekurangan *facility*, jabatan-jabatan, kadi dan sebagainya, dengan secara tak langsungnya menunjukkan seolah-olah agama kita ini tidak begitu agresif dari segi mengambil tindakan. Jadi bolehkah Yang Amat Berhormat mencadangkan supaya kerajaan mungkin dalam belanjawan kita minta peruntukan diberi secukupnya seperti mahkamah-mahkamah sivil yang ada pada hari ini? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Jerai, saya kira itu adalah satu cadangan yang seiring dan selari daripada fikiran saya, dan saya menganggap bahawa perkara ini adalah perkara yang penting bagi menjamin keutuhan dan penghormatan kaca mata dunia terhadap undang-undang syariah yang kita pertahankan. Saya teringat ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat masa...

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya. Saya teringat di Kanada sekarang ini, ada beberapa kes di mana bila sebut sahaja, kemungkinan di kalangan umat Islam untuk dibicarakan di dalam Mahkamah Syariah, orang keluar berdemonstrasi di sana. Dikatakan bahawa undang-undang ini hanya dibuat untuk mempertahankan kepentingan lelaki dan ini mengorbankan kepentingan perempuan dan sebagainya. Sebab itulah, kita katakan tidak ada salahnya syariah. Tetapi dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan itu. Sebab itulah merupakan satu tekanan kepada kita. Satu tanggungjawab kepada kita untuk memastikan bahawa undang-undang ini adalah undang-undang yang terbaik. Kita ada anak perempuan, kita tidak mahu anak-anak kita kemudiannya dianiayai kerana tidak ada kekuatan pada undang-undang yang ada pada kita.

Kita hari ini berbahas bukan untuk kepentingan kita, terutama di kalangan lelaki yang memikirkan satu perkara undang-undang yang ada untuk memudahkan mereka berpoligami dan sebagainya. Kita mesti juga mengambil tindakan ini ataupun kesempatan ini untuk memastikan generasi yang akan datang anak-anak kita terbelah. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera.

2.59 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain dalam membahaskan pindaan Undang-undang Keluarga Islam ini. Sebelum saya meneruskan, saya ingin sekali lagi menjelaskan bahawa saya merupakan pengamal perkahwinan monogami dan bercita-cita untuk terus kekal dengan monogami.

Tetapi tidak bermakna saya bersetuju untuk menyekat dan menyusahkan mereka yang mampu berlaku adil untuk berpoligami. Saya ingin mengemukakan dua senario, senario yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Duduk Yang Berhormat, saya ada 10 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, 10 minit sahaja.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tidak hendak perbetulkan tapi kita tidak usah sebut monogami, sebab saya sistem Islam dulu, saya berbahas, sebab kita hendak menghalang hukum, seolah-olah dipandang begitu walaupun kita fahamlah. Kita hendak supaya dikekalkan, itu kalau Yang Berhormat setuju kita biarlah kita senyap, *silent*kan cerita monogami. Setuju tak?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya nak kemukakan dua senario. Senario yang pertama, satu perkahwinan, satu suami, satu isteri tetapi suami melakukan ketidakadilan, melakukan keganasan rumah tangga, tidak adil kepada anak-anak, tinggalkan anak, tinggalkan isteri tanpa nafkah dan sebagainya, tapi satu suami, satu isteri.

Senario kedua, satu perkahwinan, satu suami, dua isteri tetapi berlaku adil, memberi nafkah yang secukupnya, seorang bapa yang penyayang dan sebagainya. Persoalannya, adakah kebahagiaan itu berdasarkan hanya satu suami, satu isteri, ataupun sikap suami?

Saya berpendapat, yang penting di dalam satu-satu undang-undang adalah untuk memastikan wujud keadilan di dalam satu-satu rumah tangga. Tidak mengira soal satu isteri, dua isteri atau sebagainya. Yang penting adalah undang-undang boleh memastikan wujudnya keadilan jadi asasnyanya adalah keadilan, bukan soal jumlah isteri dan sebagainya.

Biasanya tanggapan masyarakat menganggap bahawa poligamilah merupakan segala punca masalah, ketidakadilan, keganasan rumah tangga, perceraian dan sebagainya. Saya hendak beri penjelasan, daripada JAKIM saya dapat perkara ini. Tiga faktor utama menyumbang kepada ketidakadilan, perceraian dan sebagainya. Yang pertama adalah kurangnya fahaman agama, yang kedua kerana masalah nafkah, yang ketiga kerana kegagalan komunikasi. Pihak ketiga poligami tidak dianggap sebagai penyumbang utama.

Dari segi statistik, statistik perceraian 2004, sebanyak 111,944 perkahwinan didaftarkan, sebanyak 16,509 perceraian didaftarkan dan hanya 651 poligami didaftarkan. Perkahwinan poligami terlalu sedikit tetapi perceraian berlaku begitu banyak lebih daripada 15%. Bukan bermakna poligami yang masalah yang berlaku adalah ketidakadilan dan sebagainya berlaku. Keutamaan yang patut dicari oleh Akta Pindaan ini adalah bagaimana nak memastikan wujudnya keadilan di dalam rumah tangga, bukannya untuk menyekat sesuatu perkahwinan yang boleh berlaku adil.

Saya hendak tengok, kita tengok undang-undang ini, adakah undang-undang pindaan ini boleh menyekat poligami? Saya hendak tanya, boleh atau tidak? Tidak boleh, sebab cuba kita rujuk kepada pindaan Seksyen 23 (1A), pindaan baru. Di dalam Seksyen pindaan baru ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu perkahwinan, saya nak baca sedikit, "satu perkahwinan yang diakadnikahkan tanpa kebenaran mahkamah mengikut Seksyen tidak boleh didaftarkan melainkan Mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan adalah sah mengikut hukum syarak". Bermakna jikalau sesuatu perkahwinan yang sah mengikut hukum syarak, perkahwinan itu boleh didaftarkan,

bermakna jika sesuatu perkahwinan berlaku tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan, tak payah pergi mahkamah, tak payah bawa isteri ke mahkamah, tak payah bawa wali ke mahkamah seperti yang diminta oleh perkara ini. Dalam undang-undang ini kena bawa isteri pertama, isteri kedua.

Saya ada satu kawan, ada satu kawan saya dia dah tiga isteri. Saya kata dekat dia, "you kalau nak kahwin satu lagi, 14, 15 orang kena ada dekat Mahkamah serentak sebab dalam undang-undang ini kena bawa semua sekali". Tetapi sesiapa yang tidak mahu mengikut undang-undang ini, masih boleh sah perkahwinan mereka jikalau mereka berkahwin di luar kerana dalam Akta ini mengatakan jika perkahwinan sah mengikut Hukum Syarak maka perkahwinan itu boleh didaftarkan. Bermakna tidak boleh menyekat, sebab itulah ramai yang berkahwin di luar daripada kawasan mereka. Kalau di sini di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, mereka boleh berkahwin di luar, mereka boleh pergi ke Perlis misalnya.

Pada tahun 2004, Perlis mencatat jumlah perkahwinan poligami yang paling tinggi iaitu 136 daripada 651 perkahwinan poligami. Bermakna orang masih boleh pergi, itu tidak termasuk apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, mengatakan ramai yang berkahwin di Medan, berkahwin di Golok dan sebagainya. Bermakna masih berlaku perkahwinan, sebab itu saya katakan bahawa yang penting sekarang bukan soal menyekat perkahwinan tetapi memastikan selepas perkahwinan suami boleh berlaku adil. Itu yang lebih mustahak daripada menyekat perkahwinan sebab tidak ada sebab, tidak ada satu perkara yang boleh menyekat perkahwinan.

Sekarang kita rujuk kepada undang-undang ini, bolehkah undang-undang ini memastikan suami berlaku adil? Saya nak ada, saya nak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sikit lagi. Saya nak ambil contoh, Seksyen 52 menyebut tentang jenis-jenis penganiayaan suami kepada isteri tetapi Seksyen 127 (1) menyebut bahawa hukuman setiap penganiayaan suami kepada isteri hanyalah tak lebih daripada RM1,000 bermakna undang-undang ini jikalau diluluskan pun tidak mampu menyekat ketidakadilan kepada isteri. Sebab hukuman hanya maksimum RM1,000, sesiapa sahaja boleh berlaku tidak adil kalau orang yang ganas dan sebagainya dan hukumannya hanyalah kurang daripada RM1,000. Bermakna undang-undang kita tidak mampu menyekat ketidakadilan suami kepada isteri.

Saya ada sikit lagi, soalnya siapa yang boleh menyekat ketidakadilan? Kalau kita naikkan hukuman, RM10,000, RM20,000 dan sebagainya seperti yang saya tidak setuju kerana rendah, kita naikkan. Soalnya siapa yang hendak, bagaimana kita hendak menguatkuasakan? Kita pergi ke Mahkamah Syariah, persoalan sekarang, daripada semua pihak mampukah Mahkamah Syariah mengadili setiap aduan daripada isteri yang dianiaya? Timbul satu lagi soalan, semua orang tahu jawapannya, Mahkamah Syariah sehingga hari ini gagal di dalam menjalankan dan menyelesaikan banyak aduan-aduan.

Isteri yang menghadapi keganasan rumah tangga, pergi ke Mahkamah, tidak boleh selesai balik dulu, bermusyawarah, tiga bulan bermusyawarah, tiga bulan kena seksa, kena keganasan oleh suami dan sebagainya. Datang lagi, tangguh tiga bulan, seksa selama tiga bulan lagi. Mahkamah gagal, Mahkamah Syariah gagal, jadi walaupun hukuman diberatkan, mekanisme untuk menyekat ini kalau digunakan Mahkamah Syariah masih gagal.

Jikalau aduan, katakanlah Mahkamah boleh menyelesaikan masalah dengan menjatuhkan hukuman berat pada suami, bagaimana dengan penguatkuasaan? Kalau si suami ingkar dengan hukuman yang dijatuhkan, apakah Mahkamah Syariah mampu? Jikalau Mahkamah biasa menggunakan polis dan sebagainya untuk *contempt of court* apa yang berlaku dengan Mahkamah Syariah? Saya jangka tidak mampu juga dengan itu undang-undang yang diputuskan juga tidak mampu menyelesaikannya.

Ini tidak termasuk dari segi *jurisdiction*, dari segi bidang kuasa Mahkamah. Persoalan, fasal saya dah hendak gulung, saya hendak tanya soalan, saya hendak soal Yang Berhormat Menteri. Jikalau pasangan daripada Selangor misalnya, lari berkahwin di Perlis dan balik pula ke Selangor, terjadi perceraian, bidang kuasa Mahkamah mana yang hendak membicarakan? Adakah Mahkamah Perlis atau Mahkamah Selangor? Kalau kena pergi ke Perlis, kalau dia ingkar bagaimana penguatkuasaannya? Polis di

Perlis, atau polis di Selangor? Jadi berbagai-bagai persoalan yang timbul hasil daripada kelemahan daripada Mahkamah Syariah.

Jadi pada saya, walaupun saya bersetuju dengan pindaan ini tetapi banyak perkara yang perlu difokuskan. Bukan soal menyusahkan perkahwinan yang perlu difokuskan tetapi soal selepas perkahwinan bagaimana kita hendak pastikan ketidakadilan dapat dihapuskan. Kita mesti pastikan selepas perkahwinan tidak kiralah perkahwinan monogami, tidak kiralah perkahwinan poligami, tetapi suami mesti diikat dengan satu perundangan supaya mereka boleh berlaku adil kepada isteri atau isteri-isteri mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

3.05 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya kerana mengambil bahagian dalam Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan yang kita bincang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya cuba untuk utarakan dalam Dewan ini adalah sekiranya semua fasa dan semua perkara yang kita bincangkan dan yang terkandung dalam akta ini yang objektifnya adalah untuk memberikan keadilan kepada isteri yang pertama kepada mana-mana suami yang ingin berpoligami.

Persoalan di sini yang saya ingin kemukakan adalah jangan kita terkeluar daripada konsep ataupun falsafah asal di mana poligami ini diizinkan. Di mana undang-undang poligami ataupun keizinan untuk berpoligami ini adalah suatu peraturan yang bukan dibuat oleh kumpulan lelaki ataupun oleh manusia tetapi adalah diizinkan oleh Allah S.W.T yang jelas, tidak boleh kita pertikaikan. Cuma saya bersetuju walaupun banyak akta ataupun fasa yang dipinda dalam akta ini tidak terkandung dalam sumber hukum yang asal dalam Al-Quran dan Al-Sunnah tetapi saya faham tentang apa yang dikatakan tentang konsep siasah syariah yang mengizinkan pemerintah untuk membuat yang terbaik dari segi pengurusan manusia.

Yang pertama yang menjadi persoalan saya adalah kalau semua akta ini dipatuhi, disiplinnya dipatuhi oleh seorang suami adakah wanita ini akan mengizinkan untuk suaminya berpoligami. Ini persoalannya. Saya yakin dan percaya bahawa akta ini akan diluluskan oleh Parlimen pada hari ini yang majoritinya ialah merupakan lelaki. Apakah balasan yang akan diberikan oleh isteri kepada kita sekiranya kita ingin berpoligami?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam hendak menjawab.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya, sila.

Puan Chong Eng: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa selama ini yang saya dengar tidak ada wanita Islam yang mengatakan mereka tidak bantah kerana mereka pun bersetuju bahawa itu adalah dalam agama Islam tetapi mereka mengatakan bahawa ada syaratnya. Jadi yang diminta oleh wanita ialah apabila lelaki hendak menjalankan dan mengatakan hak ini tetapi mereka mesti berpatutan kepada syarat-syaratnya, itu sahaja. Jadi saya rasa tidak pernah mereka katakan tidak boleh, mereka akan memberi izin tetapi dengan syaratnya, semua syarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh Yang Berhormat, boleh. Tetapi dengan syaratnya

Puan Chong Eng: Semua syarat ini dipenuhi. Jadi saya rasa ini adalah salah satu undang-undang yang kita bincangkan hari ini adalah untuk memastikan supaya syarat-syarat ini dipatuhi dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman bahawa adalah sangat penting, bukan di lihat pihak lelaki atau perempuan tetapi dilihat atas agama itu sendiri, apakah pandangan dunia dan pandangan semua orang ke atas agama itu sendiri? Adakah itu akan adil kepada semua pihak? Itu yang amat penting. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya, terima kasih Bukit Mertajam. Itulah yang saya katakan tadi bahawa Islam adalah agama yang mengizinkan poligami ini, itu

prinsip yang kita tidak boleh pertikaikan, sama ada isteri yang pertama itu mengizinkan atau tidak, saya bersetuju ia juga mesti tertakluk kepada keadilan. Sebab itu Allah S.W.T mengatakan kahwin dua, tiga atau empat kalau kamu boleh berlaku adil, kalau kamu tidak boleh berlaku adil, kahwinlah satu, itu saya bersetuju tetapi persoalan yang saya bangkitkan tadi adalah, sekiranya kesemua syarat keadilan itu dipatuhi sebaik mungkin oleh lelaki itu, adakah isteri pertama itu masih reda untuk merelakan suaminya berpoligami. Saya ada contoh. Sebagai contoh, saya ada seorang...

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa yang kata adil itu bukan sahaja dari harta benda fizikal tetapi dari perasaan juga. Jadi yang mengatakan kalau khuatir tidak boleh adil, jadi kahwinlah satu sahaja, itu yang amat penting. Jadi adalah lebih baik kahwin dengan satu sahaja bukannya itu caranya ataupun Yang Berhormat hendak *promote* supaya berpoligami. Yang mana satu lebih sesuai kepada konsep keadilan ini?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, hari ini - saya tidak bercakap tentang hari esok, hari ini saya sendiri merasakan saya takut untuk berpoligami kerana saya tidak mahu berlaku tidak adil, itu hari ini. Esok saya tidak tahu tetapi hari ini...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tetapi walaupun saya mengatakan begitu tetapi saya tidak boleh mengatakan tidak boleh kepada orang lain kerana konsep ataupun apa yang dikatakan keadilan itu adalah sangat subjektif. Sebagai contoh, saya hendak beritahu, ada seorang sahabat saya dia ada enam *petrol station*. [Disampuk] Enam. Dari segi material atau harta benda, dia sangat mampu dan dia mengatakan dia boleh memberikan keadilan ini kepada isteri-isterinya dan isterinya telah didepositkan dengan satu jumlah *cash* yang mencukupi, satu keturunan boleh makan dan nafkah batinnya mencukupi. Ini disahkan oleh para doktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, ini tidak main-main, ini satu kenyataan. Ini bukan saya bawa cerita yang saya reka. Ini satu kenyataan. Cuma saya tidak diizinkan untuk menyebut nama sahaja kerana ini mungkin tidak baik. Apabila dia adil begini dan dia ingin berkahwin dengan seorang ibu tunggal. Ibu tunggal ini memiliki lima orang anak yang saya lihat, saya minta maaf, bukan saya ingin memperbezakan wanita, tidak. Saya lihat wanita ini kalau dari segi kecantikannya, sahabat saya ini boleh mencari wanita yang lebih cantik daripada itu. Tetapi saya bertanya dengan ikhlas kepada beliau, kenapa beliau ingin berpoligami. Dia kata, atas dasar saya kasihan kepada ibu tunggal ini.

Jadi adakah masalah ini sebagaimana yang saya katakan kalau kita takut tidak berlaku adil kepada diri kita, jangan kita paksa orang lain untuk menerima cadangan daripada kita. Ini perkara yang saya suka untuk bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, kerana kita perlu lihat di luar sana, kalau kita bercakap tentang gejala sosial yang berlaku di luar sana, kita bercakap tentang ibu tunggal yang berada di luar sana, saya rasa ada ribuan di antara mereka yang hari ini yang ingin mencari kasih sayang dan siapakah yang boleh memberikan kasih sayang ini. Kalau ada 10 orang lelaki yang mengatakan tidak mampu, berdiri dan bercakap tidak mampu tetapi jangan kita lupa ada juga 10 orang lelaki yang mengatakan dia mampu, dia mampu untuk mengambil ibu-ibu tunggal yang seperti ini.

Oleh sebab itu dalam konsep keadilan Islam kita melihat bahawa perkahwinan itu sebagaimana yang kita sebut tadi adalah untuk kita menjaga benih dan zuriat dan kemanusiaan itu sendiri supaya tidak terjebak dalam lembah kehinaan. Saya rasa ini konsep yang mesti kita pakai. Dengan sebab itulah saya merasakan kalau undang-undang ini dijaga dengan baik dan pindaan ini diberikan suatu gambaran yang baik oleh pelakunya, masyarakatnya, saya rasa kita boleh memberikan satu gambaran yang indah tentang apa yang kita bincang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyatakan di sini tentang terlalu banyak perbincangan kalau kita hadir dalam forum-forum yang melibatkan wanita yang melibatkan tentang poligami ini dan saya pernah mengadakan satu perbincangan dengan isteri saya sendiri dan isteri sahabat kawan-kawan yang lain. Dalam konsep yang umum mereka boleh percaya bahawa rezeki, maut, itu semua di tangan Tuhan.

Tetapi bila kata bab kahwin dua, jodoh ini bukan di tangan Tuhan, awak yang gatal katanya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, isteri dan wanita yang beriman boleh terima, suami dia mati kemalangan dia boleh terima. Dia melahirkan anak yang cacat sebagai contoh, dia boleh terima, rumah dia terbakar dia boleh terima, diri dia sakit kanser dia boleh terima tetapi perkara yang paling sukar untuk diterima oleh wanita adalah suami berkahwin lagi.

Ini satu perkara Tuan Yang di-Pertua, yang kadang-kadang inilah yang merupakan halangan yang sebenarnya yang saya sudah katakan tadi bahawa sekiranya segala peraturan di sini diterima dan lelaki ini memang adil boleh berlaku adil, dia berkemampuan zahir batin dan dia ingin dengan niat yang suci untuk menolong wanita-wanita yang memerlukan pembelaan, maka apakah kita masih lagi perlu memandang serong kepada pelaku-pelaku poligami ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah Yang Berhormat .

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: Saya bagi Yang Berhormat bagi Seputeh kalau ada chance nanti you bagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya rasa inilah perkara yang saya ingin bangkitkan dan saya rasa pandangan serong ini perlu diperbetulkan kerana pada saya Islam itu adalah satu kerangka yang akan memandu manusia ini kepada kehidupan yang lebih bahagia, Insya-Allah kalau kita tidak tersalah dan silap dalam mengamalkannya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya putuskan, sebelum saya meminta Menteri jawab, saya hanya boleh benarkan dua Ahli Yang Berhormat berucap sahaja. Ini Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah tunggu sejak hari Khamis, sila.

3.22 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong bersama-sama rakan-rakan yang lain dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005. Tetapi sebelum saya pergi jauh, Tuan Yang di-Pertua beri saya sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullahal'azim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat boleh tolong saya turunkan kepada lima minit saya boleh bagi tambah seorang berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bagi satu perumpamaan Arab yang saya terjemahkan Melayu yang boleh jadi renungan kita bersama. "*Jangan mimpikan kecantikan Balqis, Puteri Balqis, jika tidak sehebat Nabi Sulaiman. Jangan mimpikan ketampanan Nabi Yusuf jika tidak kesungguhan Zulaikha*", ini siapa faham ini? Yang Berhormat Menteri kita lebih faham tentang ini. "*Jangan mimpikan keunggulan Nabi Ibrahim jika tidak ada ketaatan Siti Hajar*". Semua orang lelaki, Tuan Yang di-Pertua termasuk Tuan Yang di-Pertua, termasuk Yang Berhormat Menteri memang kepingin hendak lebih daripada satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa cakap? [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cakaplah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tambah lebih jangan libatkan saya. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini naluri. Nabi Adam a.s diciptakan di dalam syurga, syurga, syurga tempat yang terbaik! *[Ketawa]* Tempat yang paling nikmat, yang paling indah yang paling..., apa hendak cakap ini, tiada bandingan. Tetapi Nabi Allah Adam a.s sebagai naluri manusia, Allah Maha Pencipta, dia rasa kesunyian. Dalam syurga yang penuh dengan kenikmatan yang tiada tolok bandingnya sebagai manusia, naluri manusia, dia kesunyian, maka Allah Maha Mengetahui makhluk ciptaanNya, maka Allah jadikan teman Nabi Adam a.s, Siti Hawa. Apa kita kata nenda kita, datuk kita, nenek kita daripada tulang rusuk, tidak daripada bahagian atas untuk disanjung, tidak daripada bahagian di bawah untuk dipijak tetapi dari segi rusuknya untuk digendong, untuk dipeluk untuk dilindungi, itulah wanita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong rang undang-undang ini saya cuma hendak sampaikan sedikit luahan rasa hati kepada pihak kerajaan mahupun kepada wanita. Kepada pihak kerajaan memang kerajaan berkuasa membuat segala undang-undang, segala peraturan dalam hendak menyempurnakan kebaikan rakyat, memang hak kerajaan, kita tidak boleh nafikan. Tetapi apabila menyentuh tentang Islam, maka undang-undang yang hendak diperbuat, apa sahaja undang-undang yang hendak dibuat menyentuh tentang orang Islam mesti berakar umbi kepada ajaran Allah S.W.T yang dimateraiakan di dalam agama Islam, tidak boleh lari.

Memang Al-Quran, Hadis, As-Sunah itu pegangan memang tidak boleh lari dan syukur alhamdulillah kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional, dia konsisten tentang ini, berpegang. Memang tidaklah macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dahulu kata mari kita berjuang, kata orang PAS dengan ulama but *now* nasihat ulama telah diketepikan, Mawi dijemput datang ke Kelantan. *[Disampuk]* Ini contohlah macam mana tidak konsistennya, sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, itu belum lagi Yang Berhormat bagi Pasir Mas. *[Ketawa]* Hebat UMNO ini rupanya, pemimpin UMNO pandang jauh.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa hendak anu? Mawi punya kes di Kelantan, ha jemput, jemput Yang Berhormat bagi Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bersetujulah apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tetapi apa yang juga harus kita lihat ialah juga kadang-kadang komplikasi ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat yang berlaku, kadang-kadang yang kita terlepas pandang akibat dari apabila berlakunya masa kita berpoligami mungkin tidak ada berapa banyak masalah pada orang yang baru.

Namun, harus juga kita lihat bagaimana implikasi dan reputasi kepada soal-soal yang berkaitan dengan misal kata soal harta sepencarian. Ini juga harus kita lihat kerana masalahnya kalau kita tidak lihat perkara ini dari segi penguatkuasaannya dari segi pemantauannya, kalau tidak berlaku dengan secara adil, ini boleh menyebabkan gejala masalah sosial. Misal katanya soal dari segi memberi nafkah kepada isteri yang kita telah tinggalkan ataupun isteri yang kita tidak bersama lagi dan juga dari segi soal memberi nafkah yang adil kepada anak-anak yang bersama isteri tersebut.

Saya rasa ini, Yang Berhormat, aspek-aspek ini juga harus kita lihat supaya kalau tidak ada *enforcement*, penguatkuasaan, pemantauan yang baik, ini boleh menyebabkan masalah ataupun gejala-gejala sosial yang boleh berlaku. Kadang-kadang apabila isteri itu ditinggalkan bersama dengan anak yang begitu ramai, soal nafkah ini walaupun diputuskan oleh mahkamah tetapi tidak ada pelaksanaannya. Kadang-kadang isteri dengan anak yang ramai itu terbiar dengan keadaan yang begitu dan ini boleh menimbulkan masalah dari segi gejala sosial dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang tidak dapat dinafikan ada orang beristeri lebih daripada satu syaitan, tidak adil. Tumpukan pada isteri muda, tanggungjawab terhadap anak-anak diabaikan, memang tidak dinafikan. Tetapi ramai

juga orang yang beristeri lebih daripada satu, bersifat adil, kerana hati bukan epal, ramai perempuan salah faham. Hati awak nanti dibelah dua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Rata-rata kita wakil rakyat menyuarakan kebimbangan iaitu bukan soal undang-undang, tetapi pelaksanaan dengan serba-serbi kekurangan, dengan penguatkuasaan kita sendiri pun bersikap seolah-olah mereka harapkan pagar, pagar makan padi. Terdapat banyak penguat kuasa kita menyerbu orang, tetapi selepas itu mereka pula buat salah. Ini satu persepsi yang perlu ditangani. Ini bermakna penguatkuasaan yang dipilih oleh Majlis Agama itu hendaklah benar-benar boleh menjalankan kewajibannya dan faham apa tugas dia. Yang dia serbu pusat hiburan, habis itu yang dia tangkap, dia *lock up* sendiri. Apa pasal ini? Dan, Yang Berhormat tadi bercakap soal adil. Sebagai orang yang beristeri dua, Yang Berhormat adilkah agaknya? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini manusia, Tuan Yang di-Pertua, ada dia punya kelebihan, ada dia punya kekurangan, kelemahan, tidak dinafikan. Penguat kuasa ini pun manusia, kadang-kadang dia mempunyai kelebihan, keupayaan, dia amanah, jujur, cekap, okeylah, selamatlah tugas dan tanggungjawab. Tetapi ada juga pegawai-pegawai penguat kuasa yang sebaliknya, maka itulah kita lihat berlaku perkara-perkara yang kadangkala yang tidak dapat kita percayalah. Jadi, itulah Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hati bukan epal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya hendak tanya soal seperti yang kita bangkitkan tadi, soal pemberian nafkah ini. Setujukah Yang Berhormat kalau diwujudkan satu biro ataupun satu lembaga iaitu dinamakan Biro Penguatkuasaan Nafkah yang juga seperti berlaku di negara-negara lain, yang mana mereka yang lalai memberi nafkah terutama kepada anak-anak mereka yang ramai ditinggalkan itu, dicari sampai dapat ataupun melaksanakan tanggungjawab itu. Kerana saya lihat, terutama di Gombak banyak berjumpa dengan ramai ibu tunggal yang berjumpa di pejabat Wakil Rakyat, banyak menyuarakan hal-hal ini yang telah ditinggalkan bersama dengan anak-anak tetapi tidak ada nafkah yang diberikan. Jadi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa dari masa ke semasa ketempangan-ketempangan, kelemahan-kelemahan, kekurangan-kekurangan yang menyebabkan beberapa perkara ini mungkin akan diatasi. Pelbagai cara untuk mengatasi, pertama sekali tentang pendidikan, pengajaran, pelajaran dan sebagainya dan dari segi undang-undang yang lain. Saya hendak balik semula tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, boleh gulung, boleh gulung, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya hendak balik tadi, Tuan Yang di-Pertua, dua perkara tadi saya kata kerajaan dan juga wanita. Dalam hendak kita lihat kebaikan wanita, kebajikan wanita, ketinggian wanita, kerajaan dan wanita jangan sampai terpengaruh dengan pendapat-pendapat NGO-NGO yang mungkin cita rasanya bertentangan dengan Islam. Jangan!

Begitu juga dengan wanita jangan terpedaya sangat dengan suara-suara yang konon disuarakan oleh golongan wanita-wanita NGO, yang alirannya kadangkala bertentangan dengan ajaran Islam kerana dalam Islam wanita ini sudah tinggi, Rasulullah mengangkat martabat wanita itu tinggi. Tetapi dalam ketinggian martabat wanita, Islam mengaturkan cara-cara wanita dalam sembahyang berjemaah duduk di belakang, tidak di depan. Itu bukan nama penganiayaan, ini Islam. Orang wanita tidak

boleh jadi imam sembahyang orang lelaki, itu peraturan bukan bermakna diskriminasi kepada wanita, peraturan, syariat.

Anak perempuan dia tidak dapat harta secara asabah, dia setengah daripada apa yang diperolehi oleh anak lelaki. Jadi, jangan wanita-wanita Islam di negara kita ini terpengaruh dengan unsur-unsur yang kadangkala bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya dalam usaha konon hendak memperjuangkan hak sama rata wanita, macam Yang Berhormat bagi Seputeh punya perjuangan. Berbahaya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cerita epal ini cerita hati, hati bukan *crystal*. [Ketawa]. Dia orang beristeri dua, Tuan Yang di-Pertua, bukan seperti epal dibelah dua, engkau dapat separuh, engkau dapat separuh. Kalau dia ada isteri tiga, dibahagi tiga. Tidak!. Hati tetap satu. Isteri pertama sudah tidak dapat sebuah epal, isteri kedua juga dapat sebuah epal. Macam mana dia jadi sebuah, itulah kelebihan Allah S.W.T.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa, Yang Berhormat bagi Seputeh? Yang Berhormat bagi Seputeh pun mahu campur juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, saya hanya hendak dengar Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, masuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Adakah ini bermaksud kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading beristeri tiga, jadi ada tiga hati. [Ketawa] Kerana hati tidak boleh dibelah. Sebenarnya kasih sayang ini memang kepada satu sahaja untuk berlaku keadilan. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sayang, Yang Berhormat bagi Seputeh ini DAP. Kalau dia UMNO, memang saya taruh dia nombor tiga. [Ketawa] Apa macam, nanti baru dia rasa satu bijikah, atau satu biji belah tiga. Sayanglah, you cantik, you molek tetapi itu sahaja bezanya, sayanglah you DAP, kalau bukan DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu gulung, orang lain mahu bercakap, Yang Berhormat Menteri pun hendak jawab. Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

3.37 petang.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera, masyarakat Islam Hadhari, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Yang bijaksana. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya terpanggil untuk mengambil peluang keemasan ini untuk menyatakan sesuatu dalam perbincangan ringkas ini serta menyokong penuh suatu akta untuk meminda akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 ada mempunyai 13 fasal tetapi saya tertarik dengan 3 fasal yang besar. Pertama ialah dalam Fasal yang ke 23, 24 dan 27, saya tidak akan baca. Warga adalah kita membincang hari ini ialah undang-undang keluarga, saya melihat kepada tiga rang undang-undang, Ahli Yang Berhormat masih ingat lagi 25 Julai 2005, kita lulus tiga akta. Akta Keterangan Mahkamah Syariah, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Akta Tatacara Jenayah Syariah. Pada hari ini ialah kita akan membincang dan meluluskan Rang Undang-Undang Keluarga Islam.

Saya menyokong penuh dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membawa, selaku Pengerusi Majlis Agama Islam yang telah mempercepatkan proses undang-undang ini. Bagi saya ialah *legally right*, dengan izin, *morally right*. Itu yang kita hendak, oleh kerana undang-undang apa pun kita akan lulus sekalipun saudara kita, rakan-rakan kita daripada parti

pembangkang tadi banyak menyokong nampaknya, tidak menentang, kalau dia menentang pun kita akan lulus, boleh atau tidak.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah! Ini tidak mengikut Islam.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tetapi nampaknya Yang Berhormat bagi Seputeh pun dia sokong Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, tidak apalah. *[Ketawa]* Jadi dengan sebab itulah saya merasakan saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi kubang Kerian tadi dan rakan-rakan yang lain, negara kita menjalankan sahsiah syariah. Maka dalam sahsiah syariah ini, 'maqosik' syariah itu, diutamakan.

Apa dia maqosik syariah? Maqosik syariah ialah tempah terpancarnya hukum syarak. Pertama, addin - syiar, kedua ialah annafs - diri/keluarga. Ini yang kita bincangkan hari ini. Annasab - keturunan, akan al-aklu – akal, nikmat agung yang dikurniakan Allah, al-mal - harta milik, al-watan - tanah air. Tetapi yang kita bincangkannya annafs dan annasab dalam maqosik syariah. Maka kerajaan kita Malaysia ialah menggunakan kaedah Saturzarai' untuk mencegah apa-apa yang berlaku, mesti ada undang-undang ini. Maka undang-undang yang kita bincang ini tujuan tidak lain ialah untuk membawakan keluarga kita, kelompok manusia yang kecil ini, yang ada 25 juta, lebih kurang 60% umat Islam ini supaya mereka berada dalam masyarakat yang mempunyai satu akta masyarakat keluarga yang kita nyatakan ini.

Apabila kita bercakap tentang masyarakat atau umat manusia, maka masyarakat inilah akan dibentuk melalui satu akta, yang untuk memberikan suatu, benar-benar dikatakan 'mawaddah warahmah,' keluarga bahagia tetapi mesti ada mawaddah warahmah. Barangkali kalau kita kata mawaddah warahmah ini, jarang kita ulas lebih lanjut kerana kita tidak selalu membuat. Kita dengar tetapi kita tidak memahami dengan sedalam-dalamnya, ialah mengadakan kasih sayang, bertimbang rasa untuk mencapai kebahagiaan ini. Kita tidak menzalimi.

Maka dengan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya rasakan kalau bahawa kalau pincangnya, hancurnya keluarga, masyarakat, maka pincanglah negara. Maka apabila kuat atau mantapnya keluarga, barulah kita rasa negara kita bertambah aman. Maka keamanan inilah yang cukup mahal, kita tidak boleh hendak jual beli tentang ini. Maka saya ambil kesempatan empat perkara untuk mencapai kenikmatan kebahagiaan ini yang tidak ada kepada orang lain tetapi ada pada kita. Malaysia sebuah negara yang kecil, sekangkang kera, minta izin Tuan Yang di-Pertua. Rakyatnya ada 25 juta, kenapa boleh hidup aman damai, bersatu padu? Ini kerana kita ada undang-undang, ada *common law*, kita ada *syariah law*. Kedua-dua ini berjalan dengan seiring. Rakan-rakan yang bukan Islam juga dalam Dewan menyokong bagaimana kita hendak mencetuskan satu idea akta untuk perundangan Islam ini.

Arba'un, minta izin baca hadis. *[Membaca sepotong hadis]* Yang bermaksud: "Empat perkara yang membawa kebahagiaan." Apabila kita bercakap tentang bahagia, kita harus membina ke arah kebahagiaan. Jangan kita menghancurkan harapan ini, iaitu "lelaki yang soleh, wanita yang solehah." Jangan sebut wanita yang solehah, tetapi lelaki yang tidak soleh - toleh. Itu yang kita tidak akan berjaya. "Yang kedua, tempat tinggal yang luas." Ertinya soal luas, sempit ini bergantung kepada kemampuan masing-masing, dan juga "jiran tetangga yang baik." Akhirnya "kendaraan yang selesa." Kalau inilah boleh dapat kita bina melalui kehidupan berkeluarga ini, insya-Allah dalam keluarga inilah kita boleh membina wawasan besok, masyarakat Islam Hadhari misalnya, kita akan mencapai Wawasan 2020.

Insya-Allah, akta yang kita harapkan dan satu lagi Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Wilayah-wilayah ini, bincanglah segera dengan pihak Peguam Negara. Kita perlu juga bawa ke Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya cuma boleh benarkan seorang lagi. Saya bagi peluang kepada Seputeh 10 minit, selepas itu Menteri menjawab.

3.45 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah menjadi tanggungjawab suami untuk menyara kehidupan isteri dan keluarga dan bukan tanggungjawab isteri untuk menyara kehidupan suaminya. Tidak ada kini apabila tanggungjawab tradisional lelaki ini dikurangkan tetapi ditambah dengan hak moden. Saya ingin merujuk kepada Seksyen 23(9)(b). Melalui peruntukan ini, dalam rang undang-undang ini, seorang suami boleh memohon agar haknya ke atas harta sepencarian dibahagikan kepadanya apabila dia memohon untuk berpoligami.

Suami yang tidak bertanggungjawab dibolehkan untuk menuntut harta isteri sedia ada atau mendakwa bahawa harta yang telah dahulunya diberikan kepada isteri sedia ada, masih merupakan bahagian harta suami atau mahukan rumah perkahwinan mereka dijual untuk mendapat wang bagi menyara isteri barunya. Peruntukan ini memaksa isteri untuk memilih sama ada untuk menuntut harta sepencarian atau membuat tuntutan nafkah yang sememangnya merupakan kewajipan suami dalam Islam. Oleh itu, peruntukan ini yang menafikan hak wanita terhadap nafkah dan juga hartanya adalah bertentangan dengan Islam sama sekali.

Cadangan peruntukan Seksyen 23(9) rang undang-undang ini digantikan dengan yang berikut iaitu mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila memberi kebenaran untuk pihak suami berpoligami di bawah seksyen ini atau atas permohonan seseorang isteri sedia ada, yang suaminya berkahwin lain dengan melanggar peruntukan seksyen ini:

- (a) untuk mengehendaki seorang lelaki membuat pembayaran nafkah berkala kepada isteri atau isteri-isteri sedia ada dan anak-anaknya dan boleh mengeluarkan perintah potongan gaji atau apa-apa perintah lain mengenai perkiraan cagaran harta atau pendapatan untuk melaksanakan perintah nafkah tersebut;
- (b) untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang didaftarkan dalam nama suami, yang diperolehi oleh pihak suami dan isteri, hasil daripada usaha bersama mereka atau yang diperolehi oleh usaha tunggal pihak suami, dalam masa perkahwinan mereka, sebelum perkahwinan baru pihak suami, dibahagikan sebahagiannya kepada pihak isteri atau isteri-isteri sedia ada. Prinsip-prinsip pembahagian harta sepencarian hendaklah terpakai dengan penyesuaian yang perlu bagi pembahagian aset untuk menjamin perlindungan kepentingan dan keadilan kepada pihak isteri sedia ada di bawah seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada seksyen 122 di dalam rang undang-undang ini. Peruntukan ini adalah amat tidak adil terutamanya kepada isteri yang tidak bekerja, tidak mempunyai apa-apa pendapatan atau telah melalui tempoh perkahwinan yang lama. Bahasa tidak mengira jantina yang digunakan adalah sama dengan peruntukan pembahagian aset perkahwinan di bawah undang-undang sivil dalam Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 bagi penganut agama bukan Islam. Tetapi, ini tidak adil dan mempunyai kesan diskriminasi ke atas perempuan Islam kerana di dalam rang undang-undang ini tidak terdapat keseimbangan hak di antara pihak lelaki dan perempuan.

Di bawah Undang-undang Keluarga Sivil, terdapat keseimbangan hak kerana proses perceraian tidak mengira jantina, sama ada pihak yang memohon perceraian itu pihak suami atau pihak isteri. Mereka perlu melalui proses yang sama. Dengan itu, peruntukan pembahagian aset perkahwinan yang tidak mengira jantina adalah adil bagi mereka. Undang-undang tradisional mengikut kebanyakan masyarakat termasuk di barat serta di timur, memanglah mengutamakan hak pihak lelaki dalam pelbagai perkara tetapi biasanya terdapatlah juga keseimbangan dengan melebihi kewajipan lelaki.

NGO wanita di negara kita sebenarnya menerima banyak aduan daripada pihak wanita Islam yang mengatakan mereka telah terpaksa bersetuju melepaskan tuntutan mereka mengenai harta sepencarian agar mendapat persetujuan suami untuk perceraian. Malah, terdapat juga aduan mengenai suami yang mengugut hendak membuat tuntutan harta sepencarian terhadap harta yang sebenarnya harta isteri,

sekiranya isteri tidak mengikut kehendaknya mengenai terma-terma perceraian. Pihak isteri Islam berada dalam kedudukan tawar menawar yang lebih lemah mengenai terma-terma perceraian kerana proses perceraian mengutamakan suami. Tetapi pembahagian harta sepencarian pula tidak lagi mengutamakan isteri tetapi meletakkan suami, isteri atas kedudukan yang sama. Penggunaan bahasa yang tidak mengira jantina adalah tidak sesuai digunakan dalam rang undang-undang ini kerana ia mempunyai kesan diskriminasi terhadap wanita Islam. Saya cadangkan supaya peruntukan baru sebagai Seksyen 122(6) ditambahkan seperti berikut:

- (a) apa-apa aset yang didaftarkan atas kedua-dua nama suami isteri hendaklah dianggap sebagai harta sepencarian dan dibahagikan sama rata antara mereka;
- (b) apa-apa aset yang didaftarkan atas nama suami yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan hendaklah dianggap sebagai harta sepencarian di mana pembahagiannya adalah dua pertiga kepada pihak suami dan satu pertiga kepada pihak isteri, kecuali jika:
 - (i) suami itu membuktikan bahawa aset itu adalah hartanya sendiri atau bahawa isteri patut diberi bahagiannya kurang daripada satu pertiga atau;
 - (ii) isteri itu membuktikan bahawa dia patut diberi bahagian yang lebih daripada satu pertiga;
- (c) apa-apa aset yang didaftarkan atas nama pihak isteri walaupun diperolehinya dalam tempoh perkahwinan hendaklah dianggap sebagai hartanya sendiri, kecuali jika pihak suami membuktikan bahawa aset itu adalah harta sepencarian di mana suami itu patut diberi bahagiannya tidak lebih dari satu pertiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rujuk kepada Seksyen 23(4)(a), iaitu menggantikan perkataan “dan” yang terdapat selepas perkataan “adalah patut” dengan perkataan “atau”.

Perkahwinan poligami yang dicadangkan haruslah patut dan perlu. Pindaan rang undang-undang kepada “patut atau perlu” telah melonggarkan syarat berpoligami. Pindaan ini nampaknya sengaja hendak menolak dan mengetepikan penghakiman Jawatankuasa Rayuan Syariah dalam kes Aishah lawan Wan Mohamad Yusof tahun 1990, yang telah menekankan bahawa kesemua syarat di bawah subseksyen ini sama pentingnya dan hendaklah dibuktikan berasingan. Pihak suami telah memberi alasan untuk berpoligami bagi maksud menghalalkan pertalian kasih sayangnya dengan perempuan yang berkenaan.

Jawatankuasa Rayuan Syariah berpendapat, bahawa walaupun alasan ini mungkin mencukupi untuk memenuhi syarat keperluan untuk berpoligami, tetapi ini tidak ada kena-mengena dengan soal kepatutan. Jawatankuasa ini menegaskan bahawa sebagai seorang Islam, dia patut boleh mengawal nafsunya dan mengelakkan diri dari melakukan zina dan perkara maksiat.

Jadi saya mencadangkan supaya Seksyen 23(4)(a) dipinda semula patut dan perlu. Selain itu, saya juga mencadangkan memasukkan semula syarat (e) yang telah digugurkan oleh akta pindaan tahun 1994 dalam isu ini, iaitu bahawa perkahwinan poligami yang dicadangkan itu tidak akan merendahkan secara langsung atau tidak langsung taraf kehidupan yang dinikmati oleh isteri dan orang-orang tanggungan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Seksyen 107A, iaitu satu seksyen yang baru dalam rang undang-undang ini supaya sama ada dimansuhkan perkataan-perkataan “atau isteri” mengikut mana perkataan selepas perkataan “suami” atau peruntukan tambahan subseksyen 3 yang mengiktiraf perlunya diberi perlindungan kepada harta isteri dan pertimbangan kepada nafkah isteri seperti berikut, iaitu dengan syarat bahawa mahkamah tidaklah boleh mengeluarkan perintah tegahan terhadap apa-apa harta pihak isteri melainkan, jika mahkamah berpuas hati bahawa isteri itu

mempunyai nafkah yang mencukupi dan terdapat kes *prima facie* bahawa harta itu harta sepencarian dan bukan hartanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rujuk kepada 'Seksyen 23(2)'. Seksyen ini membenarkan pendaftaran perkahwinan poligami, yang diadnikahkan tanpa kebenaran adalah sama dengan peruntukan yang dimansuhkan oleh akta pindaan tahun 1994. Saya difahamkan bahawa NGO wanita di negara kita pernah mengemukakan bantahan-bantahan terhadap peruntukan ini dalam memorandum kepada Yang Amat Perdana Menteri dalam tahun 1996.

Cadangan mereka adalah supaya, sama ada peruntukan ini digugurkan atau peruntukan tambahan dimasukkan bagi melindungi kepentingan isteri sedia ada. Isteri sedia ada yang suaminya berkahwin tanpa kebenaran patutlah diberi pilihan sama ada dia membuat pilihan untuk menuntut harta sepencarian ataupun tidak, hak-hak kewangannya hendaklah dijamin. Hak-hak itu termasuklah memperolehi nafkah berkala yang mencukupi sekiranya dia memilih meneruskan perkahwinannya dan hak harta sepencarian, nafkah idah sekiranya dia bercerai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat diminta menggulung.

Puan Teresa Koh Suh Sim: Tuan Yang di Pertua, saya hanya hendak menggulung dengan menyebut Seksyen 123 poligami tanpa kebenaran mahkamah. Pada hakikatnya, penalti yang terdapat dalam akta yang tidak berjaya menegah suami yang curang daripada mengambil kesempatan kelonggaran undang-undang dan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah, ini juga mengambil kira keadaan masyarakat pada masa ini, di mana denda tidak melebihi satu ribu ringgit boleh dibayar oleh kebanyakan anggota masyarakat. Ramai mendapati bahawa Mahkamah Syariah amat kurang menggunakan peruntukan penjara yang dibolehkan oleh akta.

Penggunaan hukuman secara penjara boleh menjadi penghalang bagi pihak-pihak yang mahu melanggar undang-undang. Keadaan sebegini bukan sahaja menjejaskan kedudukan wanita, tetapi juga menjejaskan kewibawaan mahkamah kerana mahkamah seolah-olah tidak dihormati. Saya cadangkan supaya penalti satu ribu digantikan dengan penalti lebih berat yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah, seperti berikut:

"Denda yang tidak kurang dari satu ribu ringgit dan tidak lebih dari lima ribu ringgit serta penjara mandatori yang tidak kurang daripada empat minggu dan tidak lebih daripada satu tahun".

Dikenakan bagi mereka yang mengamalkan poligami tanpa kebenaran mahkamah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sila mulakan jawapan.

3.55 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sangat berminat untuk membicarakan dan membahaskan rang undang-undang ini, yang saya rasa kalau diberi masa sehari lagi pun memang tidak cukup. Jadi kerana beberapa perkara asas telah pun dibincangkan dan banyak pihak telah bercakap, saya rasa memadailah setakat ini untuk kita mendengar pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya rang undang-undang ini adalah merupakan lanjutan, sebagaimana yang telah disebut oleh Pasir Puteh tadi. Yang Berhormat daripada Pasir Puteh dan juga rakan-rakan yang lain. Kita telah pun meluluskan tiga rang undang-undang dan telah pun menjadi akta. Kita telah pun dimaklumkan, telah dipersetujui, telah diwartakan dan telah menjadi akta, iaitu Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Akta Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah, Akta Keterangan Mahkamah Syariah dan ini ialah yang keempat dalam lima siri yang kita akan bawa, ini yang keempat iaitu Rang Undang-undang Keluarga Islam dan rupanya Rang Undang-undang Keluarga Islam ini banyak pihak sangat berminat untuk membicarakannya.

Sebelum kita berbincang panjang di sini, dalam akhbar telah pun membincangkannya. Semalam pun ada, dalam TV pun membicarakan dan saya rasa ini adalah satu perkembangan yang positif, kerana disebarluaskan, dibincangkan secara terperinci supaya semua pihak mengetahui dengan akta pindaan ini.

Pada umumnya, Ahli-ahli Yang Berhormat saya rasa telah bersetuju apa yang saya ikuti sejak dari semalam lagi hingga hari ini, ertinya hari yang pertama dan ini hari yang kedua telah bersetuju pada umumnya dengan pindaan rang undang-undang ini, dan mereka telah mengetahui kebaikan yang ada pada rang undang-undang pindaan 2005 ini, Rang Undang-undang Keluarga Islam 2005, iaitu dapat mengatasi masalah ketidakseragaman dan ketidakselarasan undang-undang Islam sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudian untuk mengatasi masalah perbezaan penghakiman di antara negeri dengan negeri yang lain. Penyeragaman ini boleh menyelesaikan kes-kes yang tertunggak juga.

Kita yakin dan percaya sudah ada banyak negeri yang telah pun menerima dan menguatkuasakan, iaitu ada 8 kemudian ada 2 yang telah diluluskan iaitu Perlis dan Pulau Pinang, lulus tetapi belum dikuat kuasa kemudian kita insya-Allah sekejap lagi kita akan lulus - saya rasa. Kemudian Terengganu telah pun berjanji untuk membawa ke Dewan Undangan, Pahang pun begitu dan insya-Allah sebagaimana mereka telah berjanji dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam MKIM, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam, iaitu sebelum akhir tahun ini mereka akan membawa ke Dewan Undangan dan mereka akanewartakan. Jadi kita tungguilah, walaupun ada riuh sedikit di sana sini, saya rasa mungkin ia berkocak di dalam cawan saja ataupun begitu kita mengharap, ribut dalam cawan, bukan Taufan Rita ke ataupun nama lain.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong perlu Undang-undang Islam ini diseragamkan tetapi yang penting apakah pihak kementerian boleh pastikan sebelum *Bill* ini atau pindaan dibentangkan, satu perbincangan yang lebih menyeluruh, perbincangan dan perdebatan yang lebih menyeluruh dan konsultasi yang lebih sempurna dengan kerajaan negeri, dengan orang ramai sebelum ia dibentangkan.

Kami baru dapat tidak kurang daripada 4 hari telah dan dikemukakan untuk dibahaskan. Bagi mengelakkan kekeliruan dan kerajaan negeri tidak bersetuju dan mengumumkan pendirian mereka di dalam surat khabar atau bantahan dari mana-mana pihak, bolehkah pastikan sebelum dibentangkan dalam Dewan, konsultasi yang lebih menyeluruh diadakan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih daripada Yang Berhormat yang telah menimbulkan perbincangan yang umum. Suka saya menyatakan sebelum Rang Undang-undang ini digubal oleh pihak berkuasa ia telah mengikuti satu proses yang begitu panjang iaitu proses pada mulanya dibincangkan dalam Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil, itu yang pertama. Kemudian wakil negeri-negeri dipanggil untuk berdialog mengenai undang-undang ini, telah didedahkan kepada mereka. Dialog itu diadakan mengikut zon Utara, Selatan, Tengah dan Pantai Timur.

Wakil-wakil negeri terdiri daripada Penasihat Undang-undang Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah JAIN dan Jabatan Agama Islam Negeri. Selepas itu undang-undang ini dibawa kepada Persidangan Pelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil dan seterusnya undang-undang ini dipanjangkan ke Jabatan Peguam Negara dan dibuat semakan untuk kelulusan. Sebelum undang-undang ini dibawa untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri, ia dikemukakan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi berkenaan untuk mendapat ulasan iaitu mendapat ulasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga...

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak dengan Yang Berhormat Seputeh.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Semasa perbincangan yang dikatakan begitu intensif dengan berbagai-bagai kumpulan dan berbagai-bagai pihak termasuk pihak negeri dan sebagainya saya cuma ingin bertanya bahawa kadang-kadang kebanyakan daripada mereka yang menjadi mangsa dalam hal ini adalah kumpulan ibu-ibu tunggal contohnya. Adakah misal kata kumpulan ibu-ibu tunggal ataupun persatuan ibu-ibu tunggal di bawa ke dalam perbincangan semasa pendrafan undang-undang dibuat. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa tidak pergi ke seluruh tempat, ibu tunggal ke atau balu tunggal ke. Saya rasa tidaklah sampai ke situ tetapi NGO saya memastikan dan saya dimaklumkan bahawa NGO juga diambil pandangan dan telah dibincangkan dengan mereka. Saya rasa agak menyeluruh. Maknanya undang-undang itu telah didedahkan. Ok, saya sambung perbincangan saya penggulangan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya hendak tanya NGO manakah yang telah dijemput untuk konsultasi mengenai Rang Undang-undang ini kerana bila Rang Undang-undang diletakkan atas meja kami saya baru hantar bagi mereka, mereka macam lihat pada kali pertama. Jadi NGO manakah yang telah dijemput kerana saya rasa kalau Penasihat Undang-undang di semua Negeri semua itu kaum lelaki. Kerana ini undang-undang berkenaan keluarga maka pandangan dari NGO wanita itu adalah penting.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dan yang pastinya NGO bukan Islam tidak dipanggil sebab undang-undang ini kena kepada orang Islam sahaja. Kalau ada yang bersabit dengan yang bukan Islam maka dia akan *refer* kepada Undang-undang Sivill. Undang-undang ini berkuat kuasa kepada orang-orang Islam sahaja.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Yang Berhormat, saya rasa risaulah dengan kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa kalau ia berkenaan dengan Islam pihak Islam sahaja yang diminta. Kami sebagai Wakil Rakyat saya rasa ini isu melibatkan kaum wanita yang beragama Islam. Saya haraplah jangan ambil pendirian kalau ia berkenaan Islam hanya golongan Islam sahaja diminta pandangan atau diberitahu atau diminta maklum balas.

Pihak kami sebagai kaum wanita dan apa-apa hal yang berkaitan dengan Islam adalah kaitan dengan kami dan bukan Islam juga.

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, okey *you* sudah...

Cik Fong Po Kuan: Saya haraplah kalau boleh Yang Berhormat Menteri pada masa akan datang ada apa-apa hal tidak kira apalah Islam ke atau bukan Islam selagi ia adalah hal berkenaan dengan rakyat Malaysia kami juga diminta pandangan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya bimbang kalau orang yang macam Yang Berhormat tidak mengapa tetapi apa yang ditimbulkan dahulu memperkecilkan soal hukuman arak dan sebagainya saya rasa sudah tentu tidak mendatangkan manfaat dan ada peluangnya dalam Dewan ini diberi peluang secukupnya kepada Yang Berhormat. Saya rasa dalam undang-undang yang lepas pun wakil daripada DAP telah menimbulkan banyak perkara. Saya rasa peluang secukupnya untuk menyatakan pandangan. Saya rasa tadi pun kita ambil kira pandangan-pandangan yang telah diberikan. Ok, saya teruskan.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Banyak NGO-NGOlah. Maknanya Sisters in Islam pun kita panggil. Ya, dalam teknikal pun kita panggil. Dalam Teknikal Sivil dan Syariah JAKIM pun ada mereka. Ok, mahu lagi ke? Hendak senarai satu-satu saya rasa tidak selesai kalau hendak disenaraikan satu persatu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak perlu bagi jalan kalau tidak hendak bagi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ok, tidak beri jalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ok, tidak bagi jalan Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah sebutkan Sistem Islam, itu merupakan NGO Islam yang...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Setujukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, sila duduk.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Setujukah?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak hendak beri jalan Yang Berhormat. Teruskan. Kalau hendak beri jalan beri sahaja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ok, saya teruskan. Minta maaflah ye. Saya sudah...

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk] [Dewan riu]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Menteri. Teruskan, teruskan.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan. Teruskan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Antara kebaikan telah saya timbulkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, dia belum bagi jalan. Bagi dia jawab dahulu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, sekarang dia bagi jalan Yang Berhormat cakaplah.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Yang tadi katakan sudah ada melalui satu proses. Itu kita semua faham, semua undang-undang sebelum dibawa ke sini ia melalui satu proses. Tetapi yang...

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak ada modalkah? Baik saya teruskan.

Puan Chong Eng: ...kerap kali yang kita lihat ada undang-undang yang setelah diluluskan di sini tetapi dia tidak dapat dijalankan kerana ada kelemahannya seperti *The Child Act 2001* kerana ia tidak mendapat pandangan dari mereka yang mengamalkan. Yang di *AG Department*, yang di *Legal Adviser* di negeri-negeri,

kebanyakan mereka bukan saya tidak cukup pandai tetapi mereka kebanyakan mereka terus dari Universiti masuk ke jawatan mereka. Mereka tidak pernah mengamalkan undang-undang *they never practise* jadi mereka tidak tahu kelemahan di tahap pelaksanaan.

Adalah juga penting untuk mendapat pandangan dari mereka ataupun peguam-peguam yang mengamalkan undang-undang di akar umbinya ataupun seperti yang mereka NGO-NGO yang bekerja dengan mereka yang terlibat dalam undang-undang ini. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang sangat relevan untuk menjimatkan masa kita supaya takkan kita luluskan satu undang-undang dan mempunyai kelemahan dan dia perlu balik lagi untuk pindaan. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa satu tuduhan yang berat daripada Bukit Mertajam iaitu mengatakan bahawa mereka yang dilantik daripada LA (Penasihat Undang-undang) dan juga mereka yang terlibat untuk penggubalan dan perbincangan dalam Rang Undang-undang ini maknanya tidak mempunyai kelayakan yang setanding dengan NGO. Ini merupakan satu penghinaan terhadap kejayaan mereka.

Puan Chong Eng: Tidak, tidak, tidak, tidak. Jangan salah faham. Yang saya kata mereka tidak mempunyai pengalaman mengamalkan undang-undang *they never practice* bukan saya kata seperti Yang Berhormat kata. Saya yang katakan *they learned of experience practice experience*.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Itu pandangan saya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu hak saya.

Puan Chong Eng: Jangan kata... jangan kata yang lain.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya. Sebab apa, saya tidak bersetuju dengan cara Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: Pandangan Yang Berhormat adalah tidak sama dengan apa yang saya cakap.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, itu hak saya.

Puan Chong Eng: Itu mesti jelaskan. Itu mesti jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ok, saya teruskan kepada penggulungan saya iaitu di antara isu-isu yang hangat diperkatakan dan diperdebatkan iaitu isu mengenai ketidakselarasan undang-undang di negeri-negeri dan berharap agar undang-undang ini dapat diselaraskan dan diseragamkan serta diterima pakai oleh semua negeri.

Daripada perbincangan tadi daripada persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan daripada perbincangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri telah menjelaskan dengan jelas bahawa sekarang ini undang-undang ini telah pun diterima pakai oleh banyak negeri dikuatkuasakan diluluskan di Dewan Undangan Negeri dan diterima pakai, dilulus dan dikuatkuasakan maksud saya. Kemudian yang ada hanya menunggu masa sahaja yang akan mereka luluskan dan mereka akan kuatkuasakan. Itulah yang kita harapkan.

Selain daripada isu penyeragaman isu-isu lain dibahaskan juga agak hangat iaitu isu kezinaan isteri untuk suami berpoligami yang tidak terdapat di dalam al-Quran. Saya rasa ini juga dibincangkan dan sebahagiannya telah pun dijawab sendiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat apabila berbincang telah pun menjawab dengan jelas bahawa poligami diharuskan dalam Islam. Saya suka membuat penggulungan ini, memperakukan bahawa poligami diharuskan dalam Islam dengan syarat-syarat yang tertentu di mana asasnyalah keadilan sebagaimana ayat yang dibacakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh sebelum ini dan juga pada hari ini iaitu berdasarkan kepada keadilan itu... (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) maknanya kalau tidak sanggup berlaku adil, maka hendaklah kekal dengan satu isteri.

Kemudian keadilan juga dijelaskan dalam perbincangan. Saya setuju iaitu bukan keadilan dalam bentuk perasaan dan sebagainya itu. Kalau boleh Alhamdulillah, kalau tidak boleh pun merupakan suatu yang dikecualikan tetapi keadilan dalam bentuk fizikal, dalam bentuk-bentuk penggiliran, dalam bentuk nafkah dan sebagainya itu sebolehnya hendaklah berlaku adil dan ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kerana tidak mampu untuk berlaku adil tidak sanggup untuk berkecimpung dalam poligami ini dan ada yang agaknya sanggup berlaku adil, maka mereka meneruskan hasrat untuk berpoligami.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Berkenaan keizinan isteri pertama untuk berkahwin satu lagi perempuan itu [*mengizinkan suami berkahwin lain*], apakah pendirian Yang Berhormat Menteri kerana saya telah menerima satu aduan berkenaan satu kes seperti itu. Seorang isteri dan suami [*sepasang suami isteri*] mereka bukan Muslim - tidak memeluk agama Islam, tetapi suaminya hendak berkahwin seorang lagi isteri. Oleh itu suami itu memeluk agama Islam dan perempuan itu juga memeluk agama Islam dan kedua-dua mereka berkahwin di bawah istiadat Islam manakala *civil marriage* mereka itu masih wujud kerana di bawah *family law*. Ia memang kalau seorang lelaki atau perempuan - suami atau isteri memeluk agama Islam ia menjadi satu alasan untuk penceraian tetapi dalam keadaan ini yang mana isteri pertamanya bukan seorang Islam mereka berkahwin di bawah *civil law*.

Selepas itu suaminya memeluk agama Islam dan berkahwin dengan seorang Islam di bawah istiadat Islam. Dalam undang-undang *civil marriage* itu masih diiktirafkan tetapi dalam undang-undang Islam perkahwinan pertama *civil marriage* itu tidak diiktirafkan. Semasa lelaki itu mati - meninggal dunia, apa-apa harta (*asset*) dia akan pergi kepada isteri kedua dia dan isteri pertamanya kerana dia bukan seorang Islam dia tidak dapat *inherit* harta benda daripada seorang Islam. Itulah suatu kejadian yang tidak adil. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri penjelasan atas perkara ini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dalam kes ini saya menasihatkan kepada mereka yang berpisah melalui memeluk agama Islam asalnya bukan beragama Islam, salah seorang daripada mereka ataupun suami memeluk agama Islam, maka telah dianggap berpisah menurut Islam dan pihak isteri boleh menyelesaikan masalah ini di mahkamah sivil. Sebab apa, dia bukan Islam tidak boleh diselesaikan di mahkamah syariah. Jadi selesaikan di mahkamah sivil. Saya rasa janganlah tunggu sampai mati. Terus, maknanya apabila berlaku macam itu terus selesaikan - harta sepencarian dan sebagainya.

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan. Yang Berhormat, dalam kejadian ini isteri pertamanya hanya tahu mengenai suaminya masuk Islam selepas dia mati. [*Disampuk*] Itu yang timbul masalahnya. Selepas dia mati, ada *dispute*, barulah isteri keduanya menunjukkan *certificate* yang menunjukkan bahawa suaminya itu sudah memeluk agama Islam.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tetapi kena siasat selalulah.

Tuan Chong Chieng Jen: Dalam hal akta undang-undang sivil selain (*unless*) daripada isterinya memohon ke mahkamah untuk penceraian, *marriage* dia masih wujud, masih *recognized under the law*.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebab itu, kita bersetuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, maknanya undang-undang tidak menyelesaikan semua perkara. Undang-undang adalah merupakan beberapa pertolongan yang boleh diberi sumbangan untuk menyelesaikan. Tetapi tarbiah sebagaimana yang ditimbulkan di antara Ahli Yang berhormat tadi tentang perkahwinan dan sebagainya adalah sangat mustahak untuk membantu supaya kes-kes sebegini tidak berlaku. Jadi saya rasa dalam kes tadi, isteri-isteri tadi kena berhati-hati lah. Kena selalu tengok dokumen-dokumen yang ada pada suami jangan sampai mati baru hendak diselesaikan. Itulah sedikit nasihat saya. Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Cameron Highlands. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit kaitan soalnya atau penjelasan yang saya minta bersama dengan

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Seorang suami telah berkahwin dengan seorang yang beragama Islam. Terlebih dahulu dia telah berkahwin dengan seorang yang bukan beragama Islam, selepas itu ada dua tiga orang anak. Kes ini terjadi di Perak dan menjadi satu isu yang begitu besar sekali dan anak itu dikatakan sebagai seorang yang beragama Islam walaupun ibu itu menuntut supaya anak itu dibiarkan bersamanya untuk dibesarkan, untuk dibelai. Dalam kes ini, mahkamah syariah telah mengatakan bahawa memberi keputusan untuk ayah menjaga anak itu.

Dalam kes-kes begini, saya rasa mungkin di masa hadapan kes-kes begini akan semakin serius. Apakah nasihat Yang Berhormat untuk kes-kes sebegini. Bila kita pergi ke peringkat negeri mahkamah syariah yang buat keputusan, bila kes itu dibawa ke mahkamah federal sivil pula serba-salah di mana hendak ambil keputusan ini. Sebelah sinikah atau sebelah sana dan ini mungkin merupakan satu dilema dalam perundangan. Minta penjelasan daripada Yang terhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kes-kes pertentangan di antara undang-undang sivil dan juga undang-undang syariah sekarang ini, suka saya menyatakan sedang dikaji oleh pejabat Peguam Negara. Ini akan dikaji dengan teliti dan saya rasa berilah laluan untuk saya teruskan undang-undang Islam dulu. Maknanya itu di luar daripada batas kami yang bukan Islam.

Soal keadilan ini sebagaimana yang kita berbincang panjang saya setuju dengan apa yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dia ialah sebolehnya dalam bentuk fizikal itu kena berlaku adil. Dalam perasaan itu, sudah tentulah Rasulullah S.A.W. pun diriwayatkan bahawa walaupun dia cuba juga di antara isteri-isterinya untuk sama tetapi masih terikat juga dengan Aisyah, ada juga makna disebut *Umaisra* ada dalam sebuah hadis yang sahih yang menyebut ini soal hati. Jadi itu tidak boleh dipertikaikanlah tetapi janganlah sampai mengganggu keadilan-keadilan lahiriah ataupun zahir ini.

Selain daripada itu, saya sangat setuju dengan pandangan ahli-ahli yang mengatakan bahawa bukan semua masalah yang berlaku sekarang ini terutama dalam undang-undang keluarga Islam ini hendak dirujuk kepada Al-Quran dan sunah. Jadi tidak boleh, dia Al-Quran menurut fahaman dalam pengajian Islam dia adalah kitab hidayah iaitu kitab petunjuk bukan hendak cari tentang undang-undang keluarga terus semuanya cari dalam Al-Quran kalau tidak ada tidak boleh terima. Itu memang saya rasa satu pengajian yang sangat masyhur dalam bidang kekeluargaan Islam – *ahwal syahsiah* – maknanya keluarga Islam, maknanya boleh bagi pemerintah sekiranya ada kepentingan dan maslahat. Maknanya untuk mengatur peraturan-peraturan sebab kalau menurut syariahnya cukup jelas, kalau kahwinnya ada bakal isteri, bakal suami kemudian adanya wali, adanya dua saksi, adanya ijab kabul maka dianggap sah, cukup mudah.

Tetapi kalau dibiarkan dalam dunia yang serba canggih ini maka akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi adik-beradik pun hendak kahwin kemudian di antara muhrim pun kahwin jadi terpaksa diatur dengan baik supaya dia itu tersusun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini disebutnya siasah syariah ada rakan-rakan tadi telah menyebut dan ini adalah merupakan dibenarkan oleh Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir bagi Mas Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi dan mengaitkan bahawa kehendak dan prinsip ayat Al-Quran yang mesti kita jaga, yang mesti kita ambil suatu tanggungjawab bersama untuk sama-sama kita melaksanakan hukum Allah.

Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Menteri beri sedikit pandangan berkaitan dengan akta yang kita bincang ini dengan ayat al-Quran *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Saya bercadang untuk berucap sebenarnya oleh kerana masa tidak ada maka saya mengambil kesempatan sedikit. Dalam ayat ini Yang Berhormat Menteri ia ada dua rangkap pertamanya, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* dan yang kedua, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Di mana ayat pertama ini

ataupun dipangkalnya ada rangsangan dan galakan untuk umat Islam kaum lelaki berkahwin lebih daripada satu.

Rangsangan ini semestinya dan sepatutnya dilebarkan oleh pihak berwajib di negara kita ini. Rangsangan dan galakan hujahnya dan beberapa kemudahan supaya masyarakat faham dan masyarakat bila mereka buat tidak dalam keadaan buta huruf. Mereka buat dalam keadaan mereka faham sebagai suatu galakan yang dikira sunat dan sunah Nabi Muhammad S.A.W, dan rangkapan yang keduanya [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Yang Berhormat memang tahu dalam ayat-ayat ini iaitu memberi suatu peringatan. Nampaknya dalam akta ini Yang Berhormat berat sebelah saya lihat.

Saya melihat berat sebelah iaitu hanya menekankan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] dengan berbagai-pelbagai akta yang telah kita kemukakan tadi dengan pembahagian harta yang belum mati lagi, kemudian kehadiran wali ke Mahkamah Syariah selain daripada kita setuju untuk diberitahu maklumat ini kepada isteri pertama sebagaimana yang diluluskan di negeri Kelantan. Tetapi apa yang saya lihat iaitu kita semacam mencari keadilan. Di dalam keadaan kita mencari keadilan kita juga tidak adil. Kita mencari keadilan dalam masalah ini tetapi rupa-rupanya kita juga tidak dapat melakukan sesuatu yang adil mengikut kehendak al-Quran kerana kita dalam istilah Kelantan kata, senget sebelah.

Dalam [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] kita tidak tekankan yang ini, tetapi dalam [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] kita persempitkan terlalu sempit sehingga termengah-mengah. Orang yang mempunyai harta, mempunyai kesanggupan, mempunyai maknanya keselesaan, mempunyai kebolehan dan banyak lagi tetapi mereka terikat dengan beberapa syarat-syarat sehingga mereka terpaksa pergi ke Golok, mereka terpaksa pergi ke Thailand, mereka terpaksa pergi ke lain-lain negara jiran kita, menyusahkan mereka.

Sedangkan kalau kita perlegakan sedikit, kalau kita perluaskan sedikit [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] itu barangkali tidaklah Datuk-datuk, Tan Sri-Tan Sri kita mencari tempat yang begitu jauh dan tersembunyi pula, tersusup pula, akhir kali perkahwinan mereka pun barangkali tidak direstui oleh ramai sehingga itulah orang melihat bahawa poligami itu dilihat dengan mata sebelah, tidak diberi keadilan sebenar-benar. Saya apa yang saya hendak daripada Yang Berhormat Menteri iaitu. apakah pandangan Yang Berhormat dengan keadaan ayat ini, kita hendak pertimbangkan ia [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] dengan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Sehingga kita mencari keadilan biar benda adil tidak mencegah keadilan dalam keadaan kita tidak adil, apa pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas, yang saya rasa mungkin saya agak berbeza sedikit dengan beliau iaitu kita tidaklah menggalakkan perkahwinan secara poligami ini, kalau tidak galak pun orang hendak sebab naluri manusia memang begitu.

Makna tidak sebut pun tidak apa. Tidak usahlah dalam akta ini memberi galakan, galakan, galakan tidak payah sebab naluri orang hendak, orang kata. Macam kita katakan "kejarlah kepada dunia dan hendaklah juga kejar akhirat", tidak gesa dalam al-Quran supaya kejar dunia, orang akan kejar dunia, yang akhirat orang tidak mahu kejar itu digesa dalam al-Quran. Itulah maknanya didapati *spirit* daripada al-Quran itu sendiri. Saya rasa kita mengambil daripada *spirit* itulah, makna kita tidak gesa orang itu kahwin banyak, tidak gesa tetapi orang kahwin juga.

Maknanya ini kita galakkan kalau hendak kahwin, ingat ada peraturan-peraturannya, supaya ikut peraturan, jangan anak-anak diabaikan, isteri yang sedia ada jangan diabaikan, isteri baru juga akan mendapat haknya, jadi saya rasa itu tidak bercanggah, tidak ada masalah. Boleh saya teruskan ya?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi misalnya sebagai contoh untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Seksyen 23 misalnya dalam rang undang-undang ini, tidak memperuntukkan keizinan isteri. Ini kena kita faham. Saya dahulu apabila belum *study* ini dok ingat ini mesti keizinan isteri.

Ada sesetengah orang kata pada saya masa saya di universiti dahulu, kalau isteri tua itu hendak tidur kena ikat itu dia balut takut nanti kena curi, maknanya itu

borang hendak ambil tanda tangan, maknanya itu, rupanya tidak, undang-undang dahulu pun bukan keizinan isteri tetapi keizinan mahkamah. Cuma dipanggil sahaja layakkah atau tidak layak. Ini maknanya semacam diperketatkan sedikitlah, saya rasa tanggungjawab. Kalau undang-undang dahulu hanya panggil isteri sahaja ataupun isteri-isteri yang sedia ada dipanggil oleh mahkamah...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: ...bukan hendak minta persetujuan dia, hendak tahu betulkah tidak dia ini kayakah, berkemampuanlah, macam-macam dia tanya. Kemudian, nanti saya perhabiskan sini, belum sampai stesen lagi, sedikit lagi.

Kemudian, apabila undang-undang diubah lagi, saya rasa ada kepentingannya dipanggil juga bakal isteri takut nanti maknanya cara sorok-sorok, ditipu dia, makna katakan dia ini belum berkahwin lagikah dan sebagainya, diterangkan oleh mahkamah, pegawai mahkamah bahawa mereka ini sudah ada isteri ataupun sudah ada isteri-isteri misalnya tetapi hendak kahwin lagi, maknanya itu. Jadi itu sahaja. Maknanya keizinan mahkamah bukan keizinan isteri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kita bercakap tentang mahkamah akan memanggil, mahkamah juga berhak sama ada memberi atau menolak. Saya hendak tanya, sepanjang dia ada dalam pindaan ini, tidak ada pun mahkamah berhak bertanya tentang kekuatan seks lelaki itu sebelum dia berkahwin.

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Dewan riuh]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kerana harta, harta mahkamah boleh pegang harta malah berhak tanya harta siapa? Tetapi seorang lelaki ini kadang-kadang...

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti dahulu, orang lelaki ini kadang-kadang-kadang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagi peluang dia Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti dahulu, orang lelaki ini kadang-kadang dia mahu glamor, dia mahu tunjuk kekuatan dia sedangkan dia tidak ada apa-apa pun, sudah tidak boleh buat apa pun tetapi dok tunjuk kekuatan dia ada harta, dia kaya, dia pangkat tinggi, dia mahu kahwin dua, orang tengok, "Wah, itu hebat itu kahwin dua", dia rasa glamor, dia mahu glamor dia itu. Lainlah orang macam Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak payah tanya orang sudah tahu, tengok gaya pun orang tahu lain. Ini benda seperti tidak ada dalam ini. Sepatutnya mahkamah juga berhak minta supaya doktor buat ujian untuk melihat kekuatan dia itu betul tidak betul.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini hendak kahwin kalau betullah. Perempuan serupa itu juga, perempuan ini kadang-kadang dia anggap lelaki yang kacak, kaya ada harta itu, bergaya ingatkan bolehlah tumpang-tumpang aset sedikit. Rupa tumpang harta sahaja boleh yang itu tidak dapat apa, sekejap-sekejap cerai juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia boleh tanya isteri yang pertama, Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa tidak sampailah maknanya perlu kepada kes begitu, dan kalau berlaku perkahwinan pun isteri boleh minta cerai, maknanya boleh tuntutan di mahkamah kalau tidak mampu maknanya boleh tuntutan di mahkamah, tidak ada masalah ada undang-undang dia. Boleh saya teruskan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Apa lagi ini Yang Berhormat bagi Rantau Panjang? Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, pendekkan Yang Berhormat, silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat Menteri mesti kena ingat, rekod perempuan meminta penceraian di Mahkamah Syariah ini di antara hujahnya ialah seorang suami yang tidak mempunyai kekuatan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tetapi saya rasa dalam dunia moden ini, banyak ubat-ubat Yang Berhormat, tak ada masalah. *[Ketawa]* Tongkat Ali, paling corot Tongkat Ali pun dah cukup. *[Ketawa]* Kalau tak mahu Viagra pun, Tongkat Ali pun okey. Maknanya, saya rasa mudah. Maknanya, bolehlah Yang Berhormat beritahu mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, boleh saya teruskan. Timbul yang ketiga, dalam pemerhatian saya tiada isu-isu yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, timbul kebimbangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dengan terlaksananya peruntukan ini akan timbul pergaduhan pada isteri ataupun isteri-isteri yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri yang dipanggil oleh mahkamah. Ini juga isu yang hangat dibicarakan dalam akhbar juga, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah timbulkan.

Jadi, saya suka menyatakan di sini dari segi amalan mahkamah, mereka tidak dipanggil secara serentak. Sejak dahulu lagi pun, maknanya dipanggil secara berasingan, oleh itu saya yakin dan percaya perkara itu boleh dihindarkan. Jadi, tidak akan bergaduhlah. Bahkan saya diberitahu oleh Ketua Hakim Mahkamah Syariah ataupun Ketua Pengarah JKSM, pengalamannya begitu lama, kes pergaduhan kerana ini tidak berlaku, kata dia. Tidak berlaku dalam sejarah. Yang berlaku di mahkamah itu, kes nafkah, kes-kes lain. Maknanya, kes untuk hendak kahwin ini, katakan tarik rambut ke di antara isteri, bakal isteri ke, tidak ada, tidak berlaku, saya beri jaminan, tidak berlaku.

Yang keempat, yang hangat juga dibicarakan ialah pembahagian harta sepencarian. Itu isu-isu hangat dibicarakan. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan isu bahawa peruntukan seksyen 122 mengenai harta sepencarian, mewujudkan ketidakadilan dalam pembahagian harta sepencarian. Jadi, menurut penelitian saya, kuasa untuk menentukan pembahagian harta sepencarian ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, yang mana hakim akan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- takat atau kadar sumbangan yang dibuat oleh suami isteri;
- apa-apa hutang yang belum dijelaskan, yang telah dilakukan untuk manfaat bersama mereka;
- keperluan anak-anak yang belum dewasa hasil daripada perkahwinan itu.

Jadi, harta sepencarian ini hendaklah ditakrifkan. Saya rasa dalam perbincangan hari ini pun, Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menimbulkan takrif yang perlu diperjelaskan. Misalnya, dalam takrif yang mudah, kita boleh mengatakan bahawa...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh saya beri takrif sahaja, lepas tu saya bagi peluang.

Beberapa Ahli: Okey, beri takrif sahaja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Takrifnya ialah dengan cara yang mudahnya iaitu harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Sebelum perkahwinan itu hak masing-masing.

Beberapa Ahli: Ya, betul, betul, betul.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kalau isteri misalnya ada hak peninggalan bapanya, menjadi hak dia, suami menjadi hak dia sebelum perkahwinan. Apabila berkahwin walaupun isteri tidak bekerja tetapi suami sahaja bekerja mungkin diambil kira dalam kes sepencarian ini. Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma ada sedikit semacam keraguan. Harta sepencarian ini boleh dituntut oleh isteri walaupun sebelum bercerai. Dia boleh menuntut apa yang dikategori oleh mahkamah, maknanya *start* dia berkahwin. Sebelum dia kahwin itu, kalau dia ada pesaka dia dapat sebelum kahwin, itu tidak termasuk harta sepencarian. Kita faham. Tetapi kalaulah perempuan ini mengambil keputusan menuntut harta sepencarian, timbul rasa marah si suami. Yalah marah, ini kemungkinan manusia, maka dengan sebab itu, okeylah kalau begitu aku kahwin lagi satu.

Beberapa Ahli: Aku ambil harta aku.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Harta kau ambillah, tetapi kasih sayang akan dilonggok penuh kepada isteri kedua. Satu, kemungkinan itu. Yang kedua, kerana sakit sangat hati ini. Ini asal kita hendak melindungi wanita tetapi kerana sakit sangat hati, okeylah aku buang kau sekali. Gitu, gini pun harta dah engkau ambil, engkau bahagialah dengan anak-anak, aku berkelanalah. *[Ketawa]* Jadi, ada atau tidak perkara-perkara macam itu dikaji oleh Yang Berhormat Menteri. Ini sebagai pertanyaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, saya rasa dalam harta sepencarian ini memang diperuntukkan bukan dalam akta ini sahaja, dalam akta lama pun ada harta sepencarian, tetapi akta ini diberi dua tahap, pertamanya iaitu apabila ingin memohon melakukan poligami. Maknanya, itu diboleh diberi penyelesaian terhadap sepencarian ini. Kalau yang dahulu, apabila berlaku perceraian, boleh dikira. Maknanya, harta sepencarian itu, walaupun nama isteri tetapi boleh diselesaikan di mahkamah bahawa harta itu adalah harta sepencarian, itu kuasa mahkamah untuk menentukan. Tetapi saya rasa, janganlah sampai apabila beri dengan secara yang tidak wajar ataupun dengan cara yang...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bera, Petra Jaya, Ampang..

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh saya habiskan sikit lagi, hendak sampai sikit lagi *full stop* di situ. Kalau sekiranya dia beri, selepas itu dok longgok pada isteri kedua, saya rasa tidak wajar. Kalau ingin melakukan kahwin poligami ini mesti berjiwa besar. Janganlah sampai begitu, ya. Jadi, apabila kata, ambillah semua, sanggup berkelana selepas itu pula balik jarang-jarang, saya rasa itu perlu dielakkan. Ini tarbiyah, pendidikan yang perlu dilakukan. Semuanya tidak boleh dikawal dengan undang-undang. Saya setuju Ahli-Ahli Yang Berhormat mengatakan semua tidak boleh dikawal dengan undang-undang. Okey, baik. Bagi Bera dahulu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya dari segi pendaftaran perkahwinan dan harta sepencarian. Setahu saya bahawa di dalam akta ini, sebelum memohon perkahwinan poligami, dia perlu dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah. Betulkan? Bagaimana dengan harta pencarian? Katakan harta sepencarian itu dimiliki oleh seorang yang mempunyai wang yang banyaklah, jutawan misalnya dan harta dia melebihi RM100 ribu.

Jadi, tentu sahaja oleh kerana dia melebihi daripada RM100 ribu, bidang kuasanya tidak lagi di Mahkamah Rendah Syariah, mestilah dihantar ke Mahkamah Tinggi Syariah, sedangkan permohonan tadi di Mahkamah Rendah Syariah. Tidakkah ini melibatkan masalah masa dan sebagainya, sebab dua mahkamah yang berbeza tadi? Hendak putus di sini dari segi permohonan perkahwinan, sedangkan di sini untuk menyelesaikan masalah harta sepencarian, di Mahkamah Tinggi dan sebagainya. Tidakkah akan wujud masalah yang menyebabkan berlaku kelewatan dan sebagainya seperti yang sedang berlaku sekarang.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu saya rasa dari segi amalan, maka kalau sekiranya keizinan, maknanya hendak mendapat keizinan itu perlu diselesaikan terlebih dahulu. Kalau tidak selesai macam mana hendak diberi keizinan? Itu menurut

faham sayalah terhadap undang-undang ini. Tetapi kalau sekiranya perkara pelupusan, misalnya hendak tukar dan sebagainya, apabila difailkan sahaja, maka terus sahaja mahkamah ada mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya tak boleh buat pelupusan dalam erti kata pertukaran, perpindahan nama dan sebagainya, kerana kes itu baru difailkan di mahkamah. Saya rasa masalah teknikal, saya tidak boleh memberi satu jawapan yang pastilah, takut nanti tersalah dalam jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tetapi suka saya nyatakan bahawa ada haknya masing-masing, ada hak dijaga di mahkamah itu.

Dr. Rozaidah binti Talib: [Bangun]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ampang atau Petra Jaya?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Siapa bangun dahulu? Ampang bangun dulu?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mohon penjelasan, saya ada kaitan..

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Bagi, selepas itu Ampang. Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya dahululah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita rujuk kepada seksyen pindaan, seksyen 23(g) perkara 9, yang menyatakan:

"Tiap-tiap Mahkamah yang memberikan kebenaran atau memerintahkan supaya satu perkahwinan didaftarkan di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan kepada mana-mana pihak pada perkahwinan ini."

Maknanya, kalau kita lihat kepada cara olahan bahasa dalam seksyen ini, dia kata tiap-tiap mahkamah yang memberikan kebenaran mempunyai kuasa untuk memberi persetujuan berkaitan dengan nafkah dan juga harta sepencarian. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Bera tadi kalau kita lihat kepada perundangan bidang kuasa Mahkamah Syariah, jadi Mahkamah Syariah Tinggi mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan harta sepencarian RM100 ribu ke atas.

Jadi adakah tidak wujud di sini ketidaksamaan dalam peruntukan dalam bidang kuasa dan juga di sini, kerana di sini kata kalau hakim tersebut membicarakan persoalan untuk memberi izin poligami, dia juga boleh memberi perintah berkaitan dengan harta sepencarian. Tapi dalam peruntukan undang-undang yang lain, bidang kuasa menentukan Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk menentukan berkaitan agihan harta sepencarian yang lebih daripada RM100,000. Kalau kurang RM100,000 memang Mahkamah Rendah ada kuasa. Jadi di sini timbul permasalahan dari segi pentadbiran dan juga percanggahan dari segi perundangan.

Yang kedua kalau kita lihat juga peruntukan yang sama, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat 9(a) dan (b) ini, ia mengatakan (a) "Untuk menghendaki seseorang untuk membuat pembayaran nafkah pada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada. Atau untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan," maknanya memerintahkan berkaitan dengan harta sepencarian. Tapi saya rasa di sini akan timbul masalah pada isteri misal kata, suami nak mohon poligami tapi di sini mengatakan 'atau' - (a) atau (b). Jadi kalau dia nak mohon, membuat aduan kepada mahkamah dia boleh memilih satu sahaja, berkaitan hak nafkah atau harta sepencarian.

Jadi di mana sebenarnya kedudukan yang kita hendak, sepatutnya perkataan di situ 'atau' digantikan dengan 'dan', bukan menggunakan 'atau'. Jadi sini saya nak mendapat penjelasan bagaimana tafsiran sebenar yang dimaksudkan oleh kita sebelum kita meluluskan perlembagaan ini sebab rang undang-undang ini ia akan menimbulkan masalah pentadbiran dan akan menyebabkan ketidakadilan terutamanya kepada golongan isteri-isteri pertama nanti. Terima kasih.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi terima kasih kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dua orang tadi iaitu pengamal undang-undang yang saya rasa sudah tentulah dalam kes-kes yang terlalu

detail itu saya tidak dapat dalam keadaan yang tergesa begini untuk memberi jawapan yang memuaskan. Cuma suka saya menyatakan bahawa kebenaran yang diberi oleh mahkamah itu berdasarkan kepada permohonan untuk poligami yang dimohon oleh seorang suami, kemudian kes untuk sepencarian berdasarkan kepada permohonan yang dimohon oleh isteri. Kalau misalnya seseorang itu dia mohon untuk si suami untuk poligami tapi isterinya baik hati tidak sepencarian, tak apa, berdasarkan kepada permohonan. Makna kalau dia mohon maka kena tengok kepada permohonan itu, permohonan untuk memberi sepencarian nafkah dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ampang.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, silakan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam Akta ini jelas ya, sungguh jelas bahawa pembahagian harta sepencarian ini dibuat oleh mahkamah jika ada permohonan daripada mana-mana pihak. Maknanya sama ada pihak suami atau isteri. Tetapi pernahkah terfikir bahawa apa jadi sekiranya tidak ada permohonan atas dasar isteri itu takut sama ada ikatan perkahwinannya bertambah keruh ataupun mungkin didera secara mental ataupun diugut oleh pihak suami.

Jadi tidakkah boleh di dalam rang undang-undang ini dimasukkan perkataan "jika ada permohonan atau sekiranya mahkamah mendapati ataupun atas perintah mahkamah jika suami ingin berpoligami atau semasa suami mendaftarkan perkahwinan keduanya?" Terima kasih.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, saya rasa kesedaran tentang undang-undang juga perlu, maknanya memang undang-undang itu ialah untuk memberi hak kepada orang yang perlu menerima hak itu ataupun hak yang perlu mendapat hak tersebut. Jadi saya rasa kalau dia sendiri tak bergerak ke arah untuk membela dirinya, saya rasa agak sukarlah orang lain untuk nak bela, makna dia kena bergerak. Dan kalau ada misalnya penganiayaan, penderaan, ada peruntukan-peruntukan lain yang boleh dia berlindung di bawah peruntukan tersebut.

Jadi saya rasa suka kita menyatakan bahawa memang isteri kenalah menuntut haknya kalau sekiranya mahu. Dalam kes tadi kalau tak mahu adalah hak dia, kalau dia mahu memang dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu isu yang sering diutarakan oleh kumpulan-kumpulan hak asasi wanita terutamanya Sisters in Islam tentang ketidakadilan adalah isu harta sepencarian. Sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, sepasang suami isteri yang berkahwin, isterinya masuk Islam (*converted*). Kemudian berlaku perceraian, dan dia kembali kepada agama asalnya. Jadi adakah dalam isu harta sepencarian ini, isteri yang diceraikan itu yang telah kembali kepada agama asal ini boleh menuntut tentang harta sepencarian melalui Mahkamah Syariah?

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi menurut faham saya dalam undang-undang Mahkamah Syariah ini ialah kepada orang-orang Islam sahaja. Kalau bersangkut masalah ada di antara orang Islam dan bukan Islam maka dia perlu diselesaikan di Mahkamah Sivil.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Masa dia berkahwin itu, dia masih Islam, tapi bila penceraian dia balik kepada agama asalnya. Ini bermakna harta sepencarian kalau mengikut takrif undang-undang ini, dia berhak. Saya rasa ini yang menimbulkan hujah di kalangan terutamanya kumpulan NGO's seperti Sister-in-Islam ini tidak adil. Adakah ada peruntukan yang boleh menyelesaikan perkara ini?

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa ia tidak akan berkuat kuasa pada yang bukan Islam, itu memang jelas dalam peruntukan Mahkamah Syariah, bidang kuasanya begitu. Jadi saya rasa dia akan bawa kepada Mahkamah Sivil lah, dia ada peruntukan-peruntukannya yang boleh diselesaikan. Sebagaimana kes tadi jugalah yang boleh diselesaikan, kalau yang bukan Islam, suami isteri salah satunya, kemudian memeluk agama Islam kemudian sampai mati baru tahu dia tu Islam, kemudian perlu diselesaikan di Mahkamah Sivil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan panjang lagikah?

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jawapan, saya rasa kalau tidak diganggu saya boleh selesaikan dalam masa yang segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cubalah ya.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya teruskanlah, nanti dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau nak minta penjelasan, tak payah buat huraianlah ya.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ha, ini kuasa yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua, jadi dia jangan marah pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perlu mendapatkan kerjasama jugalah.

Prof. Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey. Tuan Yang di-Pertua, isu yang kelima, isu pemakaian Rang Undang-undang Keluarga Islam kepada warganegara asing juga telah ditimbulkan semalam. Antara isu-isu lain yang dibangkitkan ialah adakah rang undang-undang ini terpakai untuk orang Islam di Malaysia sahaja. Soalan kedua, bagaimanakah kedudukan perkahwinan warganegara asing yang berada di Malaysia?

Rang Undang-undang ini terpakai bagi perkahwinan orang Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan sahaja, manakala enakmen-enakmen negeri-negeri terpakai di negeri-negeri tersebut. Jadi yang kita perbincangkan ini ialah untuk Wilayah Persekutuan sahaja, Kuala Lumpur, kemudian Labuan dan juga Putrajaya. Negeri lain tertakluk kepada enakmen negeri masing-masing.

Bagi warganegara asing, sekiranya perkahwinan hendak dijalankan di Malaysia, mereka terlebih dulu hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada kedutaan masing-masing. Jika kebenaran diberikan, mereka tertakluk kepada undang-undang di Malaysia iaitu ada berbagai-bagai ikatan lagilah bagi mereka yang ada pas kerja dengan imigresen dan sebagainya.

Yang keenam, isu kes-kes tertunggak di mahkamah juga hangat dibicarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan isu bahawa terdapat banyak kes yang tertunggak di mahkamah, Mahkamah Syariah. Sebenarnya saya dijelaskan oleh, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) iaitu agensi pusat yang menyeragamkan Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara. Dakwaan itu kurang tepat kerana sebahagian besar negeri-negeri telah ditambah perjawatan hakim-hakim dan pegawai-pegawai suluh iaitu jawatan baru dalam Mahkamah Syariah.

Di Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan sebagai contoh sajalah, begitu juga di Selangor saya difahamkan, di Melaka dan juga lain-lain telah ditambah. Misalnya di Wilayah Persekutuan Hakim Mahkamah Rendah daripada lima kepada sepuluh telah ditambah. Kemudian perwujudan tiga jawatan pegawai suluh, pegawai suluh ini ialah macam kaunselor yang apabila datang kes pengaduan daripada suami ataupun isteri, mereka diberi kaunseling, diberi nasihat, khidmat nasihat kepada mereka dan banyak kes dapat diselesaikan melalui sistem suluh ini. Ini baru diperkenalkan di Mahkamah Syariah, kalau nak bawa nanti semua di mahkamah akan mengambil masa dan akan banyak kes tertunggak. Ini satu kejayaan katanya dalam pengalaman pegawai suluh ini.

Misalnya jawatan-jawatan lain juga, Hakim Mahkamah Tinggi ditambah daripada dua kepada lima di Wilayah Persekutuan sahaja, kepada lima Hakim Mahkamah Tinggi, saya rasa cukuplah untuk membicarakan itu cukup dan di Selangor juga saya diberitahu demikian di Melaka dan lain-lain. Jadi penyeragaman undang-undang ini juga boleh menyelesaikan kes-kes tertunggak dan masalah penguatkuasaan dengan adanya 'perintah bersalin'.

Maksudnya ialah apa yang difailkan di negeri-negeri yang bersetuju menggunakan undang-undang keluarga seragam ini boleh maknanya dikuatkuasakan di negeri lain, misalnya perintah mahkamah kemudian waran dan sebagainya yang dikeluarkan oleh pihak sesuatu negeri boleh dikuatkuasakan di negeri lain. Ini merupakan di antara kebaikan penyeragaman ini dan kita mengharapkan bahawa pada akhir tahun ini semua negeri akan dapat menyeragamkan, jadi masih banyak lagi

perkara-perkara yang telah ditimbulkan saya rasa, saya tidak akan sebut secara terperinci kerana masa begitu terhad.

Jadi saya rasa cukup setakat itu dan saya berjanji bahawa pandangan-pandangan tadi kita ambil perhatian terhadap apa yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya rasa itulah sahaja sedikit penggulangan saya, Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon mencadangkan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 27 –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat batu Gajah.

4.52 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa adalah amat penting apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi berkenaan dengan Fasal 6, Seksyen 23 yang saya juga ada bangkitkan bahawa adalah perlu Seksyen 23(9) dipinda agar selepas diluluskan hendaklah mempunyai kuasa ke atas permohonan oleh isteri atau apabila mahkamah fikir patut dengan izin, *when the court thinks fit*. Agar ini boleh melindungi atau membela atau memberi keadilan kepada isteri, tujuan memperuntukkan Seksyen 23.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata, hak ini diperuntukkan kalau isteri tidak bergerak kami tidak boleh bantu, tetapi yang realitinya situasi yang sebenarnya adalah memang betul bahawa apabila isteri kalau dia minta lagi, suami mungkin akan menceraikannya atau bertindak lebih agresif terhadap dia.

Jadi saya haraplah, perkara ini boleh dipinda kalau kerajaan yang berniat baik ini hendak memberi keadilan kepada isteri pertama tersebut dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebelah sana tadi berkenaan dengan perkataan “atau”, saya rasa peruntukan untuk nafkah telah ada, kalau niat untuk tambah atau memberi harta sepencarian kepada isteri tidak perlu melalui proses penceraian, perkataan “atau” patut dipinda kepada “dan”. Ini baru benar-benar menunjukkan niat kerajaan untuk memberi keadilan kepada isteri pertama. Jadi saya pohonlah, pindaan ini dibuat kalau betul-betul hendak melindungi dan memberi keadilan kepada kaum wanita, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

4.55 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, saya ada dua seksyen yang perlu saya minta penjelasan daripada pihak Menteri. Terutamanya pindaan kepada Seksyen 127, iaitu mengenai isteri atau suami, saya baca sedikit.

“127. (1) Seseorang lelaki yang menganiyai isterinya atau menipu isterinya akan hartanya, atau seseorang perempuan yang menganiyai suaminya atau menipu suaminya akan hartanya, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh sebagai perintah tambahan mengarahkan lelaki atau perempuan yang telah disabitkan di bawah subseksyen (1) untuk membayar pampasan kepada isteri atau suami yang telah ditipu hartanya, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Saya ingin mengambil perhatian di sini ialah pertamanya denda ini terlalu rendah kalau kita hendak bandingkan perkataan yang ditulis di sini agak kasar dan keras iaitu, "menganiayai atau menipu". Kedua-dua perkataan ini sungguh-sungguh keras dan sepatutnya dengan perkataan "menganiayai dan menipu", ini dendanya sepatutnya bukan denda RM1,000, sepatutnya ditambahkan lebih daripada itu dan penjaranya bukan "atau penjara", tetapi hendaklah dimestikan penjaranya sama ada satu minggu atau dua minggu dan sebagainya. Barulah orang yang sejahat ini, orang yang suka menipu, suka menganiaya suami atau isteri ini merasai bahawasanya hukuman ini setimpal dengan perbuatan mereka itu.

Kemudian, 127(2) ini pula "*Mahkamah boleh sebagai perintah tambahan...*", saya rasa perkataan ini juga "boleh sebagai tambahan", ini satu perkataan yang ringan sangat, sepatutnya 'mesti' itu barulah lebih sesuai dengan apa-apa perbuatan yang disebutkan dalam 127(1) tadi.

Yang lainnya adalah pindaan Seksyen 130, saya tengok di sini ialah Seksyen 130 ialah akta ibu ini kemudian perkataan di sini ialah, perkataan "*yang menjadi murtad*", dengan menggantikan perkataan, "*jadi murtad*" dengan perkataan, "*percubaan untuk menjadi murtad*". Ini satu perkara yang saya rasa perlu mendapat penjelasan yang lebih sedikit.

Kalau kita mahu melihat kanun jenayah syariah sama ada mana-mana negeri sekalipun, munasabah dikatakan satu tuduhan cuba melakukan persetubuhan secara haram. Walaupun dilihat oleh saksi-saksi dengan mata sendiri bahawasanya seseorang itu sedang melakukan persetubuhan secara haram tetapi dalam pertuduhan mahkamah ia tidak sebut seseorang itu melakukan persetubuhan secara haram ataupun berzina atau sedang melakukan perzinaan, tidak sebut. Dia sebut cuba melakukan persetubuhan secara haram kerana barangkali kalau hendak hukum dengan tuduhan berzina itu hukumannya lebih berat.

Barangkali Kerajaan Malaysia tidak lagi sampai masanya atau tidak mahu melaksanakan hukuman zina seperti mana yang diarahkan oleh Islam kita ini. Oleh sebab itu dia dikatakan cuba melakukan persetubuhan secara haram dan demikian juga ini barangkali tidak mahu meletakkan perkataan "murtad" ini, hanya diletakkan perkataan percubaan untuk menjadi murtad, kerana telah berlaku kepada beberapa orang Islam yang mengaku terang-terang yang mereka ini telah murtad, diminta supaya hakim atau, supaya mahkamah menjatuhkan hukuman sesuai dengan beliau sebagai seorang Islam yang telah murtad, tetapi oleh kerana tidak ada peruntukkan maka kerajaan tidak boleh menjatuhkan hukuman kepada mereka itu.

Oleh yang demikian, untuk mengelakkan perkara ini untuk menjaga maruah kerajaan yang tidak mahu melaksanakan hukum yang telah ditetapkan oleh tuhan ini, maka dia dipinda daripada murtad ini kepada percubaan untuk menjadi murtad, walaupun orang itu telah mengaku terkeluar daripada Islam seperti mana Ayah Pin dan sebagainya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya dan selepas itu gombak. Menteri boleh jawab.

4.59 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma ingin menghalusi Seksyen 23(9), tadi pun saya ada bertanya dan minta penjelasan tetapi malangnya saya tidak dapat panduan di mana arah tuju kita berkaitan dengan peruntukan ini, sama ada kita hendak memberi isteri atau isteri-isteri perkara (a) ataupun (b) ataupun kedua-dua. Jadi kalau maksudnya untuk memberi kedua-dua mereka boleh apabila berlakunya kebenaran untuk poligami mereka boleh menuntut untuk ditentukan persoalan nafkah, dan juga berkaitan dengan harta sepencarian, maka perkataan "atau" tadi sebenarnya patut kita pinda menjadi "dan".

Begitu juga kalau kita lihat di perenggan atas di mana dikatakan "permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan." Perkataan ini harus diperhalusi sebab ianya boleh mengelirukan disebabkan "permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan" itu tidak merujuk secara khusus perkahwinan baru ataupun perkahwinan yang lama. Sebab isteri dan isteri-isteri, kalau isteri pertama boleh memohon, begitu juga kalau dia ada isteri yang ramai ataupun adakah kita sekadar merujuk kepada isteri yang baru sebab perkahwinan mana-mana pihak kepada perkahwinan itu. Jadi tidak jelas, jadi saya mohonlah kalau dapat Perkara 9 ini diperhalusi dan kalau saya cadangkan saya tiada bantahan untuk meluluskan rang undang-undang ini dengan syarat definisi ataupun Perkara 23(9) ini diperhalusi dari segi bahasanya dan tujuan maksudnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terpenggil untuk berbincang sedikit tentang rang undang-undang ini kerana saya melihat ada banyak juga berlaku *social repercussion* iaitu impak kepada sosial dan juga pada saya harus kita teliti ya. Walaupun seperti mana yang telah disebut tadi bahawa kalau kita boleh berlaku adil, dan siapa yang akan boleh menentang soal poligami ini. Tetapi banyak perkara-perkara yang berlaku, soalnya ketegasan mahkamah contohnya saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian tentang perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita berada di....

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawatankuasa lah.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Saya faham itu. Jadi ada beberapa perkara yang saya hendak timbulkan tadi iaitu satu soal yang saya juga hendak bangkitkan sini misal kata soal yang banyak telah dibangkitkan soal misal kata salah satunya ialah tadi yang mana soal dari segi pendapatan yang bersama yang harus dibahagikan dengan mereka yang telah ditinggalkan dan sebagainya.

Satu lagi yang hendak saya bangkitkan juga ialah soal yang berkaitan dengan misal kata mutaa. Mutaah ini juga pernah dibangkitkan bahawa banyak mereka yang telah menghadapi perceraian ini tidak mengatakan bahawa mereka tidak ada melihat kriteria-kriteria yang begitu jelas apakah *compensation* ataupun apakah bentuk pampasan ataupun kadang-kadang perkataan yang digunakan sebagai "satu hati" yang diberikan kepada isteri-isteri yang telah ditinggalkan. Contohnya macam negara-negara tertentu ada mempunyai formula-formula yang tertentu. Diharap perkara ini juga akan lebih jelas dan lebih *transparent* atau lebih jelas daripada pihak mahkamah.

Jadi itulah yang saya perhatikan ialah kalau misal kata segala pelaksanaan undang-undang ini dapat dilakukan dengan adil dan kita tahu bahawa undang-undang ini memanglah telah dibuat dan telah dihalusi maka kita dapat mengurangkan impak kesan sosial itu. Jadi kalau kita tahu bahawa terutama yang mereka yang tinggal di bandar dan saya sebagai wakil rakyat yang letaknya kawasan saya di pinggir bandar, kalau ada berlakunya permasalahan dari segi perceraian, permasalahan dari segi pengagihan harta yang tidak betul dan juga keputusan-keputusan mahkamah yang tidak diikuti, ini boleh menyebabkan berlakunya berbagai-bagai gejala sosial yang berlaku seperti penagihan dadah dan juga boleh membuka mereka yang teraniaya ini dengan perlakuan maksiat. Jadi itulah perkara yang hendak tegaskan kepada Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sini tidak bangun tadi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih di atas persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya sedikit sahaja Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terserah pada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bolehlah sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lain kali hendak kena bangunlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada Seksyen 52 yang mana cadangan draf subseksyen 1 iaitu "Melupakan harta isteri atau suami, melarang isteri atau suami itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu telah pun memberi pihak suami satu hak yang tidak pernah diberi pada zaman awal Islam." Terutamanya perenggan (h)(iv) yang menjadikan alasan untuk fasakh. Mengikut hukum syarak suami memanglah tidak berhak mengambil harta isterinya tetapi isteri berhak mengambil harta suaminya sekiranya suami tidak memberinya nafkah yang mencukupi. Kesan peruntukan ini menjadi lebih tidak adil apabila hak fasakh dilanjutkan kepada pihak suami kerana tidak terdapat peruntukan seimbang yang menghalang mahkamah daripada membubarkan perkahwinan walaupun jika pembubaran perkahwinan tidak adil bagi isteri. Saya ingin memberi cadangan:-

- (i) Mengekalkan peruntukan subseksyen 1(h)(iv) yang sedia ada dengan menggugurkan kemasukan perkataan-perkataan "atau suami" di mana juga terdapat di dalamnya.
- (ii) Meminda subseksyen (iv) supaya tidak lagi perlu menunggu tempoh satu tahun mengenai sama ada suami mati pucuk dan menggantikannya dengan peruntukan mengenai keterangan perubatan bagi perenggan 1 (e) dan juga subseksyen 2 seperti berikut iaitu sebelum membuat satu perintah atas alasan dalam perenggan 1(e) atau subseksyen 2 mahkamah hendaklah memuassakan hatinya dengan keterangan perubatan bahawa suami itu mati pucuk atau isteri atau suami itu menjadi tidak upaya yang menghalang persetujuan.
- (iii) Menggugurkan subseksyen (v) yang terlalu melindungi hak suami dan boleh disalahgunakan untuk memberi kesan supaya mahkamah tidak membubarkan perkahwinan walaupun isteri mempunyai alasan bagi fasakh dalam subseksyen 1. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay saya ucapkan banyak terima kasih kepada teguran dan juga pandangan yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya masalah-masalah yang diperkatakan misalnya oleh Batu Gajah dan lain-lain lagi maknanya tidak memberi keadilan. Biasa disebutnya tidak memberi keadilan lalu dicadangkan pindaan lain lagi.

Sebenarnya tujuan undang-undang ini ialah untuk memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak sebenarnya. Jadi kalau kita perhatikan mungkin daripada pihak ini tetap tidak puas hati, misalnya pihak wanita ataupun pihak isteri telah memperjuangkan daripada pihak yang lain pula tidak puas hati. Jadi akta ini apabila dikemukakan itu dengan meraihan kedua-dua belah pihak. Jadi kita mengharapkan pihak isteri ataupun pihak wanita tidak menang semuanya, pihak lelaki tidak menang semuanya.

Jadi itu berdasarkan kepada hak yang telah diperuntukkan iaitu dalam siasah syariah iaitu dia boleh fikirkan mana yang lebih mendatangkan maslahat di antara keduanya. Kalau semuanya memihak kepada ini saya rasa juga mungkin akan dipantau oleh pihak yang lain. Jadi berdasarkan kepada itu saya rasa saya terus mencadangkan supaya ianya dikekalkan kerana ianya boleh mendatangkan keadilan kepada kedua-dua belah pihak. Jadi bukan satu pihak sahaja, kalau layan ini, ini pula akan timbul, jadi akan terus tidak selesai. Jadi pandangan saya begitu..

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: ...Tuan Pengerusi dan...

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Selain daripada itu, saya suka juga menyatakan bahawa...

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri dengan izin minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh saya jelaskan lagi ada kaitan juga ini. Misalnya dalam Seksyen 23(a) dan (b) sebagaimana yang diperkatakan perkataan "atau" digunakan kerana mana-mana pihak boleh memohon kepada mahkamah apa-apa perkara yang diperuntukkan dalam perenggan (a) atau (b) mengikut mana-mana yang bersesuaian. Jadi mana-mana pihak boleh memohon.

Kalau hendak mohon dua-dua pun boleh, hendak mohon satu pun boleh ataupun (a) pun boleh ataupun (b) pun boleh, kedua-dua pun boleh. Jadi saya rasa merupakan suatu pilihan kepada mereka yang ingin mendapat haknya di mahkamah. Jadi sebab itu saya mengatakan tidak perlulah "dan" ke, saya terus menganggap bahawa yang digubal itu adalah bersesuaian kerana masih boleh berlaku adil. Kalau misalnya A dia tuntutan ataupun B dia hendak juga, mana boleh kedua-duanya ataupun satu dia hendak tuntutan, A ataupun B. Selain daripada itu...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mohon penjelasan. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Petra Jaya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju kalau kita melihat pada sudut suami memohon, mungkin perkara A tidak sesuai untuk suami sebab dia tidak berhak pada nafkah sebab itu kita menggunakan "atau". Tetapi dari segi definisi, kalau kita melihat kepada perundangan, dari segi teknikalitinya atau membawa maksud A ataupun B, tetapi dia tidak boleh menuntut dua-dua. Salah satu "atau".

Jadi maknanya perkara A tadi berkaitan dengan nafkah, kalau isteri hendak menuntut, isteri pertama tadi hendak menuntut, dia kena pilih A ataupun B. Itu akan menimbulkan masalah sebab peguam bela nanti akan berhujah berdasarkan teknikaliti ini. Jadi kalau saya dapat cadangkan, kalau itulah maksudnya kita boleh menggunakan "dan/atau", kedua-duanya sekali maknanya, dua boleh, satu pun boleh. Melihat pada situasi, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh kita setuju. Selain daripada itu, saya rasa dalam kes yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat denda terlalu sedikit, saya rasa, maknanya RM1000, tetapi saya rasa dengan adanya penjara enam bulan itu adalah dalam budi bicara Hakim, saya rasa kalau enam bulan itu bukan sedikit, kalau seribu dalam konteks sekarang ini, mungkin sedikit, kalau enam bulan itu adalah terlalu banyak saya rasa yang menggerunkan, saya rasa sudah cukup memadai, itu pandangan saya. Jadi saya rasa itulah sedikit...

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri, saya rujuk kepada tadi Yang Berhormat terangkan lebih adil kepada dua-dua pihak, sebab itu dalam Seksyen 23 pindaan adalah atas permohonan mana-mana pihak. Tetapi yang saya nampak ialah sebagai contoh, kalau si suami bagi modal untuk berniaga kepada isteri, lepas itu perniagaannya berjaya, dan apabila suami hendak poligami, dia mohon untuk agihkan harta sepencarian. Di mana isteri yang menjayakan perniagaan itu, suami akan kata, "Saya yang bagi modal perniagaan". Jadi kalau dalam situasi ini, bukan sahaja wanita hilang separuh kasih sayang suami, tetapi juga hilang separuh harta pencariannya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini akan diputuskan di mahkamah, Hakim akan mendengar, ini kebijaksanaan Hakim, jangan berkata makna apabila kes macam itu, makna sudah rugi semuanya. Tidak tahu lagi Hakim apabila dibawa. Kalau sudah selesai tidak puas hati dengan Mahkamah Rendah Syariah, pergi kepada Mahkamah Tinggi Syariah, kalau tidak setuju lagi boleh *appeal* lagi di Mahkamah Rayuan. Jadi saya rasa sentiasa terbuka untuk menuntut keadilan itu. Jadi tidak bolehlah kita katakan, "Ini hak aku punya, aku, hak kamu pun aku juga". Jadi tidak bolehlah macam itu, jadi biar Hakim menentukan. Jadi sudah tentulah apabila kita kata Hakim, saya yakin dan percaya sebab *title* pun Yang Arif, Yang Amat Arif, saya rasa dia akan cuba mengambil kira pandangan banyak pihak.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2005**Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2005****5.15 ptg.****Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2005, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Alhamdulillah, perkembangan ekonomi negara terus menggalakkan walaupun dengan kadar yang sederhana berikutan persekitaran ekonomi dan perdagangan dunia yang perlahan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku tahun kedua 2005 meningkat pada kadar 4.1%. Mengambil kira pertumbuhan 5.8% pada suku pertama, kedudukan ekonomi bagi separuh pertama tahun 2005 berkembang pada kadar 4.9% berbanding 8.1% pada separuh pertama tahun 2004.

Pertumbuhan ekonomi diterajui oleh sektor perkhidmatan yang kekal kukuh berbanding sektor pembuatan yang meningkat pada kadar lebih perlahan, sebaliknya sektor perlombongan dan pembinaan menunjukkan penyusutan. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan dalam negara yang didorong oleh kecergasan, kegiatan pelaburan dan perbelanjaan penggunaan sektor swasta yang kekal kukuh terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dari sudut permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, persepsi ekonomi yang terus berkembang adalah selaras dengan penunjuk-penunjuk ekonomi utama, misalnya kedudukan paras rizab antarabangsa bertambah dengan ketara dari RM253.5 bilion atau USD66.7 bilion pada akhir tahun 2004 kepada RM305.2 bilion atau USD80.4 bilion pada 15 Ogos 2005. Ini mencerminkan peningkatan pendapatan eksport dan aliran masuk pelaburan asing FDI serta pelaburan port folio yang berterusan ke negara kita.

Pada masa yang sama import barangan modal meningkat kukuh sebanyak 18.3% pada suku kedua 2005 berbanding pertumbuhan negatif 0.3% pada suku pertama 2005. Ini mencerminkan keyakinan pelabur dan pengusaha yang mantap serta paras penggunaan kapasiti pengeluaran yang terus tinggi, terutamanya bagi sektor pembuatan. Insya-Allah kita yakin pertumbuhan ekonomi akan terus memberangsangkan pada separuh kedua tahun ini dan mencapai sasaran atau melebihi kadar 5% bagi keseluruhan tahun 2005.

Pada tahun 2006, ekonomi negara dijangka terus kukuh selaras dengan jangkaan persekitaran ekonomi global dan perdagangan dunia yang lebih baik serta ekonomi dalam negeri yang semakin rancak.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2005. Peruntukan tambahan pertama tahun 2005 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau kurang diperuntukkan dalam Bajet 2005 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2005 yang dibentangkan adalah berjumlah RM9,102.5 bilion. Daripada jumlah ini RM9,102.2 bilion dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu sebanyak RM8,120.1 bilion adalah tambahan secara langsung dan RM982.1 juta

ringgit adalah untuk 'merekup' semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka. Sebanyak RM0.3 juta daripada jumlah tambahan ini adalah untuk perbelanjaan tanggungan iaitu maksud T.9, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang telah dikeluarkan melalui waran khas untuk menampung kenaikan gaji dan elaun ahli SPA.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada jumlah tambahan ini iaitu sebanyak RM6,929 bilion, 69% adalah bagi membiayai peningkatan subsidi barangan petroleum. Jumlah subsidi ini telah meningkat dengan tinggi berikutan daripada kenaikan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa yang berterusan tinggi sehingga melepasi paras USD70 setong pada bulan Ogos yang lalu.

Mengambil kira peruntukan asal sebanyak RM3 bilion, jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi membiayai subsidi petroleum pada tahun ini adalah sebanyak RM9,929 bilion. Ini merupakan satu jumlah perbelanjaan yang besar yang ditanggung oleh kerajaan demi memastikan harga runcit petroleum yang dinikmati rakyat tidak terus melambung. Walaupun harga runcit barangan petroleum telah dinaikkan sedikit tahun ini, namun jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan adalah masih sangat besar kerana kenaikan harga minyak mentah adalah jauh lebih tinggi. Namun demikian, atas dasar prihatin akan bebanan yang ditanggung oleh rakyat akibat kenaikan harga petroleum, kerajaan menyerap kenaikan tersebut walaupun jumlah perbelanjaannya adalah sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang adalah untuk maksud-maksud seperti berikut:

- (i) Sebanyak RM763 juta untuk Maksud B.41, Kementerian Pelajaran iaitu bagi membiayai pertambahan emolumen kerana kenaikan pangkat dan pertambahan perjawatan iaitu RM700 juta serta untuk membiayai geran bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran RM63 juta.
- (ii) sebanyak RM730.1 juta untuk Maksud B.12. Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu sebanyak RM150 juta; untuk Kumpulan Wang Tabung Pembangunan Kemahiran sebanyak RM68.4 juta; untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara sebanyak RM91.4 juta; untuk Tabung Pinjaman Pelajaran sebanyak RM420.3 juta untuk Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan badan-badan lain.
- (iii) Sebanyak RM502.4 juta untuk Maksud B.42, Kementerian Kesihatan bagi membiayai Kempen Anti-merokok - Tak Nak sebanyak RM10 juta; program Kawalan dan Pencegahan *Celosomia* - RM14 juta; pertambahan kos perkhidmatan sokongan hospital - RM90 juta; pembelian ubat-ubatan - RM150.7 juta; kenaikan elaun lebih masa dan elaun jahitan - RM90 juta; serta bagi membiayai operasi hospital dan klinik baru - RM113 juta.
- (iv) sebanyak RM282.3 juta untuk Maksud B.26, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah bagi membiayai tambahan pelajar tajaan MARA di dalam dan di luar negeri.
- (v) sebanyak RM131.2 juta untuk Maksud B.49, Kementerian Pengajian Tinggi bagi membiayai tambahan bilangan pelajar bidang perubatan sesi 2005/2006 di Institut Pengajian Tinggi Awam.
- (vi) sebanyak RM130.9 juta untuk Maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri bagi membiayai imbuhan bulanan kepada imam masjid qariah dan mukim seluruh negara iaitu sebanyak RM30.9 juta ringgit dan untuk menampung kos operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia – RM100 juta..

- (vii) sebanyak RM100 juta bagi Maksud B.46, Kementerian Sumber Manusia bagi membiayai Skim Latihan Graduan Ketiga.
- (viii) sebanyak RM98.6 juta untuk Maksud B.62, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi membiayai tambahan kos pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan sebanyak RM45 juta; Polis Diraja Malaysia sebanyak RM34.2 juta; Penjara baru di Kluang dan Tapah - RM18.4 juta ringgit dan Jabatan Perkhidmatan Awam - RM1 juta ringgit.
- (ix) sebanyak RM22.3 juta untuk Maksud B.45, Kementerian Belia dan Sukan bagi membiayai kos menaik taraf Pusat Kawalan Doping di Universiti Sains Malaysia iaitu RM9.5 juta; Program Majlis Kecergasan Kebangsaan – RM6.8 juta; Program Rakan Muda/Jiran Muda – RM5 juta; dan Program Penggerak Rakan Muda – RM1 juta ringgit.
- (x) sebanyak RM19.2 juta untuk Maksud B.44 di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi membiayai geran kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), dan
- (xi) sebanyak RM5.5 juta untuk Maksud B.30, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi membiayai geran untuk dana prospecting Malaysian Industry Government Group for High Technologies (MIGHT).

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2005 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2005 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A, Tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005 yang dipohon adalah berjumlah RM3,289.9 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM687 juta telah didahulukan daripada peruntukan Simpanan Luar Jangka. Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda (*token*) sebanyak RM10 iaitu dibagi Maksud P.6, P.10, P.26, P.27 dan P.62. Peruntukan tanda ini adalah bagi membolehkan pindahan peruntukan dibuat dari butiran projek yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

- (i) sebanyak RM1,736.1 juta untuk Maksud P.60 Kementerian Pertahanan bagi membiayai kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia seperti *main battle tanks*, kapal selam Scorpion dan pesawat Sukhoi (Russian jet).
- (ii) sebanyak RM653.3 juta untuk Maksud P.32, Kementerian Wilayah Persekutuan untuk pembayaran balik kos pembangunan infrastruktur di Putrajaya yang telah disempurnakan dalam tahun 2005 oleh Putrajaya Holdings Sdn.Bhd.
- (iii) sebanyak RM500 juta untuk Maksud P.41, Kementerian Pelajaran bagi membiayai pelaksanaan 50 projek sekolah menengah iaitu sebanyak RM150 juta, 35 projek sekolah rendah - RM157 juta, projek bekalan air dan naik taraf sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak sebanyak RM105 juta, 4 projek rumah guru berjumlah RM28 juta, membiayai peralatan dan perabot di 21 buah sekolah Teknik sebanyak RM20 juta, makmal komputer sebanyak RM18.9 juta, 5 projek asrama berjumlah RM10.2 juta; dan projek Perpustakaan Negara berjumlah RM3.9 juta.
- (iv) sebanyak RM210 juta untuk Maksud P.45, Kementerian Belia dan Sukan bagi membiayai bayaran kepada pembekal peralatan bagi 8 buah Institut Kemahiran Belia Negara Fasa

Kedua berjumlah RM111.5 juta ringgit; projek di bawah Rakan Muda dan Kompleks Sukan Negara berjumlah RM69.3 juta; serta projek Kompleks Sukan dan Stadium negeri-negeri berjumlah RM29.2 juta.

- (iv) sebanyak RM128 juta untuk Maksud P.29, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bagi membiayai projek penyediaan kemudahan infrastruktur dan pengukuhan bekalan elektrik di Sabah secara pinjaman kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd.
- (v) sebanyak RM114.6 juta untuk maksud P.42, Kementerian Kesihatan bagi membiayai projek naik taraf hospital, kuarters kakitangan dan peralatan hospital sebanyak RM75 juta. Perolehan tanah seluas 60 ekar untuk penubuhan *Institute of Wakernalogy Natural Products and Biological* RM25 juta dan kerja pembasmian kulat Hospital Sultan Ismail, Johor sebanyak RM14.6 juta.
- (vi) sebanyak RM112.4 juta untuk maksud P22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi membiayai program pemulihan dan penyatuan tanah yang dikendalikan oleh FELCRA Bhd.
- (vii) sebanyak RM25.5 juta untuk maksud P23 di Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar bagi membiayai program pengindahan Sungai Melaka Fasa 2 sebanyak RM20 juta dan projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang sebanyak RM5.5 juta, dan
- (viii) sebanyak RM10 juta untuk maksud P44 Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan bagi membiayai projek memorial Tun Hussein Onn.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan pertama tahun 2005 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan Bilangan 2 tahun 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19, Tahun 2005 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A Tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua saya akan mengemukakan Usul mengenai anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan pertama tahun 2005 selepas ucapan ini, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi, "bahawa Dewan ini mengikut Subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak RM3,289,897,890 diperutukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005 bagi maksud dan butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan pertama tahun 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah maksud dan butiran projek dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut. Diserahkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang ini bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap? Yang Berhormat untuk membolehkan lebih ramai Ahli Yang Berhormat diberi peluang saya hadkan masa perbahasan setiap ahli dibenarkan 15 minit. Yang Berhormat Ipoh Timor, sila.

5.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 15 minit sahaja diperuntukkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, ini cukuplah nanti budget Yang Berhormat akan berucap lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berapa minggu macam ini Ketua Pembangkang dapat berucap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab dia diberi keutamaan.

Tuan Lim Kit Siang: Belanjawan tambahan, ialah antara lain untuk memastikan ada satu kerajaan yang berkesan, yang boleh membawa kemakmuran dan kemajuan kepada negara. Kalau kita mahu mencapai matlamat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apalah sebab saya 15 minit, 17.45 pun tidak akan selesaikan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, tidak boleh. Besok?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya cadangkanlah Yang Berhormat boleh datang besok balik dan mula berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Besok? Baik, baik terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.35 petang.